

**METODOLOGI DAKWAH RASULULLAH S.A.W.  
DI PERINGKAT PERMULAAN DI MEKAH:  
APLIKASINYA DI SINGAPURA**

**MOHAMAD ABU BAKAR ABDUL RAHMAN**

**JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2010**

**METODOLOGI DAKWAH RASULULLAH S.A.W. DI  
PERINGKAT PERMULAAN DI MEKAH :  
APLIKASINYA DI SINGAPURA**

**MOHAMAD ABU BAKAR ABDUL RAHMAN**

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
BAHAGIAN II IJAZAH SARJANA USULUDDIN  
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2010**

## **ABSTRAK**

Kajian ini membincangkan tentang pelaksanaan dakwah kepada golongan non-Muslim di Singapura. Ia bertujuan untuk mengenal pasti metode dakwah Rasulullah SAW pada peringkat permulaan di Mekah dan mengetahui kesesuaian metode Baginda SAW untuk diaplikasikan di Singapura pada masa ini. Pihak yang terlibat dengan golongan non-Muslim, pelaksanaan dakwah kepada golongan non-Muslim serta masalah pelaksanaan dakwah kepada golongan non-Muslim ialah Darul Arqam (*The Muslim Converts Association of Singapore*). Kajian ini menggunakan metode kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Set soal selidik, temubual dan observasi dilakukan untuk memenuhi kaedah penyelidikan. Sebanyak 20 set soal selidik diedarkan melibatkan golongan yang cenderung memeluk Islam dan golongan yang baru memeluk Islam yang mengikuti program dakwah di Darul Arqam. Hasil kajian mendapati pelaksanaan dakwah di Darul Arqam adalah melalui pengajuran program-program dakwah yang dibahagikan kepada program bulanan, program mingguan, program harian dan juga program modul. Manakala masalah yang terlibat terdiri daripada pendakwah kurang mahir dan organisasi dakwah yang menghadapi masalah pengurusan. Kajian ini diharapkan dapat membantu memperbaiki program-program dakwah yang dilaksanakan kepada golongan non-Muslim di Singapura umumnya dan di Darul Arqam khususnya.

## **ABSTRACT**

This study discussed the implementation of da‘wah to the non-Muslims in Singapore. The aims are to know the methods that were implemented by the Prophet SAW during the first three years of da‘wah and the suitability of those methods in Singapore now. The organisation that is involved with the da‘wah of non-Muslims is The Muslim Converts Association of Singapore (Darul Arqam). The methods used in this research are library and field. Sets of questionnaire, interviews and observation were conducted to further meet the needs of the research methods. As many as 20 sets of questionnaire were distributed involving those who are keen to convert and those who recently converted at Darul Arqam. They were interviewed based on the da‘wah and education programmes that are conducted at Darul Arqam.. It is found that the implementation of da‘wah was done through monthly, weekly, daily and modular programmes. Among the problems which were found include the lack of qualified and experienced teaching staffs and the problems of the da‘wah management within the organisation. This research hopes to help in enhancement of da‘wah programmes to the non-Muslims in Singapore.

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Alhamdulillah, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan keluarga serta pengikut-pengikutnya yang sentiasa berada di bawah keredaan-Nya.

Di sini, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia, Professor Dr Ab. Aziz bin Mohd Zin kerana telah banyak membantu sepanjang penulisan ini. Begitu juga kepada seluruh warga Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya.

Buat keluarga yang tercinta, pengorbanan dan sokongan yang diberikan amatlah berharga dan tidak ternilai. Kalian adalah sumber inspirasi terhadap penulisan ini.

Akhirnya, terima kasih sekalung budi kepada semua pihak sama ada secara langsung ataupun tidak, yang sudi membantu dalam penulisan ini. Allah SWT sahaja yang dapat membalas jasa baik kamu semua dengan sebaik-baik balasan di dunia dan akhirat. Mudah-mudahan usaha kecil ini mendapat rahmat dari Allah SWT.

Mohamad Abu Bakar bin Abdul Rahman  
Jabatan Dakwah & Pembangunan Insan  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
Kuala Lumpur  
25 November 2009

## SENARAI TRANSLITERASI

### 1. HURUF

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ء	,	تألیف	Ta'lif
ب	B	بیروت	Beirūt
ت	T	تعلیم	Ta'lim
ث	Th	ثورۃ	Thawrah
ج	J	جماعۃ	Jamā'ah
ح	H	حدیث	Hadīth
خ	Kh	خلدون	Khaldūn
د	D	دار	Dār
ذ	Dh	ذیاد	Dhiyād
ر	R	رسالة	Risālah
ز	Z	زيارة	Ziyārah
س	S	سیرة	Sīrah
ش	Sh	شريف	Sharīf
ص	ṣ	صف	Ṣaf
ض	D	ضابط	Dābit
ط	Ṭ	طارق	Ṭāriq

ظ	Z	ظلال	Zilāl
ع	'	عهد	‘Ahd
غ	Gh	غاية	Għayah
ف	F	فکر	Fikr
ق	Q	قصور	Qusūr
ك	K	كتاب	Kuttāb
ل	L	لسان	Lisān
م	M	مسجد	Masjid
ن	N	نظيرية	Nazariyyah
و	W	وصل	Wasala
هـ	H	هدف	Hadaf
يـ	Y	يمين	Yamīn

## II. VOKAL PENDEK

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
-----ء-----	A	فت	Qanata
-----ء-----	I	شرب	Shariba
-----ء-----	U	جُمع	Jumi'a

### III. VOKAL PANJANG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ا / ء	Ā	احياءً	Bāb/Iḥyā'
ي	Ī	تجديداً	Tajdīd
و	Ū	علوم	‘Ulūm

### IV. DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
و	Aw	قول	Qawl
ي	Ay	غير	Ghayr
ي	iyy / ī	عربي	‘Arabiyy atau ‘arabī (di akhir kalimah)
و	uww / ū	عدو	‘Aduww atau ‘adū (di akhir kalimah)

## EJAAN DAN TRANSLITERASI

Pengecualian daripada menggunakan panduan itu bagi kes-kes berikut:

- i. Bagi akhir perkataan asal yang ditulis dengan “ة” ( Ta’ Marbutah) dieja mengikut sebutan “ة”.
- ii. Tanwin tidak dieja dengan mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan. Contoh: *Sur‘ah* ( سرعة ) dan *Sā‘ah* ( ساعة ).
- iii. Alif Lam diteransliterasikan sebagai al (sama ada bagi *Lam Shamsiyyah* atau *Qamariyyah*) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. “a” dalam al tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Malaysia. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.
- iv. Istilah sesuatu perkataan yang berasal dari perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan bahasa Malaysia. Semua perkataan ‘Arab/ Inggeris (Bahasa Asing) hendaklah diitalickan kecuali nama khas.

Ejaan yang digunakan dalam disertasi ini juga adalah mengikut Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia 1998.

Transliterasi yang diguna pakai ialah berdasarkan rujukan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Pedoman Transliterasi huruf Arab ke Huruf Rumi, 1998.

## ISI KANDUNGAN

JUDUL .....	I
HALAMAN JUDUL .....	II
ABSTRAK .....	III
ABSTRACT .....	IV
PENGHARGAAN .....	V
SENARAI TRANSLITERASI.....	VI
EJAAN DAN TRANSLITERASI.....	IX
ISI KANDUNGAN .....	X
SENARAI JADUAL .....	XIII
SENARAI KEPENDEKAN .....	XIV

### BAB SATU: PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN.....	1
1.2 MASALAH KAJIAN.....	2
1.3 OBJEKTIF KAJIAN .....	4
1.4 KEPENTINGAN KAJIAN .....	4
1.5 SKOP KAJIAN .....	5
1.6 DEFINISI TAJUK.....	6
1.7 KAJIAN TERDAHULU .....	6
1.8 METODOLOGI KAJIAN.....	9
1.8.1 Metode pengumpulan data .....	9
(a) Metode <i>Historis</i> .....	10
(b) Metode Dokumentasi .....	11
(c) Metode Temubual .....	12
(d) Metode Observasi.....	13
1.9 METODE ANALISIS DATA .....	15
1.9.1 Metode Induktif.....	15
1.9.2 Metode Deduktif .....	15
1.9.3 Metode Komparatif .....	16

### BAB DUA: METODOLOGI DAKWAH NABI SAW DI PERINGKAT PERMULAAN

2.1 PENDAHULUAN .....	17
2.2 METODOLOGI DAKWAH .....	17
2.2.1 Pengertian Metodologi Dakwah.....	17
2.2.2 Asas Metodologi Dakwah .....	19
2.2.3 Kepentingan Metodologi Dakwah .....	21

2.3	MASYARAKAT MEKAH SEBELUM KERASULAN NABI SAW .....	22
2.3.1	Pendahuluan .....	22
2.3.2	Masyarakat Mekah Dari Sudut Kepercayaan.....	23
2.3.3	Masyarakat Mekah Dari Sudut Sosial.....	25
2.3.4	Masyarakat Mekah Dari Sudut Ekonomi .....	27
2.4	METODOLOGI DAKWAH NABI SAW DI PERINGKAT PERMULAAN.	29
2.4.1	Pendahuluan .....	29
2.4.2	Pengakuan Sebagai Utusan Allah SWT .....	29
2.4.4	Kandungan .....	35
2.4.5	Persembahan Isi .....	41
2.4.6	Media.....	47
2.4.7	Strategi .....	50

## **BAB TIGA: DAKWAH DI SINGAPURA**

3.1	PENDAHULUAN .....	54
3.2	KEDUDUKAN AGAMA DI SINGAPURA.....	56
3.3	MASYARAKAT SINGAPURA .....	57
3.3.1	Masyarakat Melayu .....	57
3.3.2	Masyarakat Cina.....	59
3.3.3	Masyarakat India .....	61
3.4	DAKWAH DARUL ARQAM .....	64
3.4.1	Latar belakang .....	64
3.4.2	Program Dakwah.....	65
3.4.3	Program Pendidikan .....	68
3.5	KEBERKESANAN PROGRAM DAKWAH DAN PENDIDIKAN .....	71
3.5.1	Program Dakwah.....	71
3.5.2	Program Pendidikan .....	74

## **BAB EMPAT: APLIKASI DI SINGAPURA**

4.1	PENDAHULUAN .....	80
4.2	APLIKASI AGAMA WAHYU DAN NABI SAW SEBAGAI UTUSAN ALLAH SWT .....	83
4.3	APLIKASI KANDUNGAN.....	89
4.4	APLIKASI PERSEMBAHAN ISI .....	94
4.5	APLIKASI MEDIA.....	99
4.6	APLIKASI STRATEGI .....	105

## **BAB LIMA: PENUTUP**

5.1	KESIMPULAN .....	109
5.1.1	Institusi Terlibat Dengan Dakwah Non-Muslim.....	109
5.1.2	Aplikasi Metode Dakwah Rasulullah SAW Di Singapura .....	109
5.1.3	Keberkesanan Program Dakwah Dan Pendidikan Darul Arqam .....	111

5.2 SARANAN .....	112
5.2.1 Saranan Kepada Institusi Darul Arqam.....	112
5.2.2 Saranan Kepada Pendakwah .....	113
5.2.3 Saranan Dalam Kandungan Dakwah .....	114
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	<b>115</b>
<b>LAMPIRAN.....</b>	<b>122</b>

## **SENARAI JADUAL**

<b>Perkara</b>	<b>Halaman</b>
Jadual 3.1: Golongan Agama Dalam Masyarakat India Di Singapura	61
Jadual 3.2: Kekerapan Menghadiri Ceramah Setiap Tahun	71
Jadual 3.3: Keberkesanan Program Dakwah	71
Jadual 3.4: Keberkesanan Program Pendidikan – Golongan Yang Cenderung Memeluk Islam	74
Jadual 3.5: Keberkesanan Program Pendidikan – Golongan Mualaf	75

## SENARAI KEPENDEKAN

a.s	alaihissalam
bil.	bilangan
c.	cetakan
ed.	editor
<i>et al.</i>	<i>et alibi-</i> Bagi mengambil tempat nama penulis lain sekiranya buku berkenaan dihasilkan oleh lebih dari dua orang
GDP	<i>Gross Domestic Product</i>
h.	halaman
<i>Ibid</i>	<i>Ibidem-</i> bermaksud pada rujukan yang sama seperti sebelumnya
j.	jilid
MUIS	Majlis Ugama Islam Singapura
no.	nomor
NGO	Non Goverment Organization
<i>op. cit.</i>	<i>opere citato-</i> rujukan yang diselangi dengan yang lain
SAW	Sallallahu alaihi wasallam
SMS	<i>Short Message System</i>
SWT	Subhanahu wataala
t.t	tanpa tahun
terj.	terjemahan
thn.	tahun

## **BAB SATU**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Berdakwah kepada jalan Allah SWT merupakan prioriti para rasul dan seluruh pengikutnya. Tujuannya adalah untuk mengeluarkan manusia dari kegelapan syirik menuju tauhid. Dakwah haruslah terbangun di atas manhaj yang kuat dan landasan yang kukuh. Apabila salah satunya rosak, maka dakwah tersebut tidaklah menjadi dakwah yang benar dan tidak pula menghasilkan buah yang diharapkan, walaupun dilakukan dengan penuh kesungguhan dan menghabiskan waktu yang banyak. Sebagaimana yang berlaku di zaman ini, banyak dakwah tidak bersandarkan pada manhaj yang kuat dan tidak berdiri di atas dasar yang kukuh.

Umat Islam pada masa ini menghadapi arus perubahan yang pantas. Ini menyebabkan mereka perlu membuat persiapan untuk menghadapi perubahan yang melanda umat manusia sejagat. Antara bidang dakwah yang perlu dihadapi oleh umat Islam ialah dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Kurangnya pengetahuan ini disebabkan oleh masyarakat Islam itu sendiri yang kurang memberi perhatian terhadap tanggungjawab mereka dalam memperkembangkan agama Allah SWT.

Tugas dakwah perlu dilakukan secara berterusan kerana ia merupakan tugas yang berat dan bukan dilakukan sekali sekala. Ia perlu kepada kekuatan dalaman yang mantap yang terbit daripada kekuatan akidah. Tugas ini tidak pernah sunyi daripada cabaran dan rintangan yang berterusan daripada para penentang Islam. Umat Islam perlu menyedari bahawa mereka perlu bertanggungjawab di atas maju mundurnya agama Islam. Memandangkan betapa pentingnya usaha dakwah, banyak

pertubuhan-pertubuhan dan institusi-institusi dakwah telah wujud untuk menjayakan tugas ini.

Dalam era kebangkitan Islam dan perubahan, umat Islam masih belum dapat mencari pendekatan dakwah yang sesuai untuk dilaksanakan khususnya kepada golongan bukan Islam. Kebanyakan gerakan dakwah mempunyai hala tuju dan pendekatan yang tersendiri dan berbeza antara satu sama lain dalam melaksanakan dakwah mereka. Namun, banyak mesej dakwah tidak dapat disampaikan secara berkesan.

Dengan adanya pendedahan metode dakwah yang tercatat dalam sirah nabawi, khususnya kepada golongan bukan Islam, ia boleh memberi suntikan semangat kepada para pendakwah dalam memikul tanggung jawab menyebarluaskan agama Allah SWT.

## **1.2 MASALAH KAJIAN**

Masyarakat jahiliah di Semanjung Tanah Arab sebelum menerima Islam telah dipengaruhi oleh pemujaan patung berhala yang amat kuat. Kerosakan berlaku di mana-mana, dengan yang kuat menguasai yang lemah, pembesar menguasai rakyat dan yang kaya menindas yang miskin. Masyarakat Arab jahiliah sudah terjerumus ke dalam pemujaan berhala yang telah menguasai semua sektor kehidupan mereka. Sikap fanatik dalam kesukuan telah berakar kuat dikalangan mereka. Perang dan saling serbu antara kabilah merupakan ciri khas masyarakat Arab jahiliah. Peristiwa-peristiwa berdarah berlaku dikalangan semua kabilah.

Kemunculan seorang penyelamat amatlah dinanti-nantikan untuk mengubah kehidupan masyarakat Arab jahiliah yang rosak akidah dan akhlaknya. Apabila Nabi

SAW diutuskan, Baginda SAW telah menggunakan perbagai pendekatan, baik melalui cara penyampaian, penampilan akhlak yang mulia dan kandungan dakwah yang mudah diterima oleh setiap manusia. Peringkat permulaan secara khususnya merupakan peringkat yang amat penting dalam dakwah kerana peringkat permulaan ini dipenuhi dengan cabaran-cabaran untuk mengubah manusia sebagaimana yang ditempuhi oleh Nabi SAW. Justeru, pada peringkat awal ini, Nabi SAW telah menggunakan pelbagai pendekatan yang tersendiri untuk menghadapi masyarakat Arab jahiliah. Pendekatan yang digunakan oleh Nabi SAW telah mendapat kejayaan yang besar kerana Baginda SAW berjaya menarik ramai umat manusia memeluk Islam pada waktu itu. Bagaimakah pendekatan yang dilakukan oleh Nabi SAW sehingga membawa kejayaan tersebut?

Di Singapura, rakyatnya yang berjumlah sekitar 3.5 juta terdiri daripada berbagai bangsa yang menganuti berbagai agama seperti Buddha, Islam, Hindu dan Kristian. Islam merupakan agama yang minoriti penganutnya. Walaupun pengamatan agama di kalangan orang-orang Islam di Singapura memuaskan, namun masih terdapat jurang yang luas di antara orang-orang Muslim dan non-Muslim. Golongan non-Muslim masih lagi belum menunjukkan minat yang mendalam untuk memahami, apatah lagi menganuti agama Islam. Setakat ini, golongan non-Muslim yang memeluk Islam sebahagian besarnya melalui perkahwinan dengan orang Islam. Dakwah di Singapura sekarang belum mendapat kejayaan yang boleh dibanggakan.

Isu yang penting dalam permasalahan ini ialah pertama; apakah metode yang sesuai yang boleh digunakan dalam usaha dakwah terhadap masyarakat bukan Islam di Singapura. Isu kedua ialah, adakah metode Nabi SAW pada peringkat permulaan dakwah Baginda SAW di Mekah dengan pendekatannya yang tersendiri, boleh dijadikan suatu metode yang sesuai untuk diaplikasikan di Singapura pada masa ini.

Kajian ini akan membincangkan dakwah yang digunakan oleh Nabi SAW dan kesesuaianya untuk diaplikasikan di Singapura pada masa ini.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengenal pasti metode dakwah Rasulullah SAW pada peringkat permulaan di Mekah.
2. Mengetahui kedudukan institusi dakwah di Singapura dalam menjalankan aktiviti dakwah terhadap masyarakat non-Muslim.
3. Mengetahui kesesuaian metode dakwah Rasulullah SAW di peringkat permulaan di Mekah untuk diaplikasikan di Singapura pada masa ini.

### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Keperluan untuk berdakwah adalah tinggi di Singapura memandangkan majoriti rakyat Singapura bukan terdiri daripada orang Islam. Ruang untuk menarik masyarakat bukan Islam perlu dimanfaatkan oleh badan-badan Islam dan pendakwah-pendakwah setempat. Kegiatan-kegiatan dakwah harus diselitkan dalam acara-acara keagamaan yang dianjurkan baik oleh badan-badan dakwah, mahupun pemerintah. Ini adalah kerana kerajaan Singapura mengamalkan sikap toleransi dalam beragama. Setiap pengikut agama diberi kebebasan untuk mengamalkan agama mereka. Dalam hal ini, kerajaan sering menganjurkan program keagamaan, melibatkan masyarakat daripada berbagai agama diundang untuk sama-sama meraihkan acara tersebut asalkan batasan-batasan keagamaan tidak bercanggah dengan pengamalan masing-masing. Amatlah rugi sekiranya peluang dan keperluan yang ada ini tidak dimanfaatkan dan diisikan, bahkan dibiarkan begitu sahaja.

Ramai para pendakwah di Singapura masih tidak terlibat secara langsung dalam usaha dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Mereka sibuk bergiat dalam usaha dakwah terhadap sebahagian golongan masyarakat Islam yang masih leka. Mereka tidak mempunyai pengalaman dalam usaha dakwah terhadap masyarakat bukan Islam, di samping mempunyai masalah dalam menggunakan selain daripada bahasa Melayu apabila berhadapan dengan masyarakat yang bukan Islam yang majoritinya terdiri daripada golongan yang bukan Melayu.

Oleh itu, satu panduan yang jelas untuk dakwah kepada golongan bukan Islam sangat diperlukan. Kajian ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pendakwah yang terlibat dengan dakwah kepada golongan bukan Islam tentang metode yang sesuai.

### **1.5 SKOP KAJIAN**

Kajian ini akan membincangkan tentang usaha yang dilakukan oleh Darul Arqam, institusi Islam yang tunggal yang terlibat secara langsung dengan aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam di Singapura sejak tahun 1980, sebagai pengaplikasikan metode yang dilakukan oleh Nabi SAW di peringkat permulaan dakwah Baginda SAW.

Kajian ini dilakukan dari Ogos 2008 sehingga Jun 2009 dan lokasi kajian ialah The Muslim Converts' Association of Singapore (Darul Arqam) yang terletak di 32 Onan Road, Singapura 424484.

Selain dari melibatkan sasaran yang cenderung memeluk Islam, kajian ini juga melibatkan golongan yang telah memeluki Islam kurang daripada tiga tahun. Ini

adalah untuk mengetahui kesan yang didapati oleh golongan ini sewaktu menghadiri program yang dijalankan oleh Darul Arqam sebelum mereka memeluk Islam.

## 1.6 DEFINISI TAJUK

**Di Peringkat Permulaan Di Mekah:** Peringkat dakwah secara rahsia selama tiga tahun di Mekah.

**Aplikasi :** kegunaan (pada praktiknya). Disertasi ini akan mengkaji adakah metode dakwah yang dilakukan oleh Nabi SAW di peringkat awal di Mekah boleh diaplikasikan dalam dakwah masa kini di Singapura.

## 1.7 KAJIAN TERDAHULU

Terdapat banyak kajian yang dibuat berkaitan dengan pendekatan dakwah Rasulullah SAW di Mekah. Namun tidak banyak yang cuba membuat perbandingan tentang pendekatan yang diambil oleh institusi Islam masa sekarang dengan pendekatan yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW, khususnya di Singapura. Ini bermakna kajian ini merupakan satu kajian baru yang dapat disumbangkan untuk program dakwah di Singapura khususnya kepada masyarakat yang bukan Islam.

Penulis membuat rujukan terhadap hasil-hasil penulisan tentang pendekatan dakwah Rasulullah SAW dan sejarah dakwahnya ketika zaman Mekah antaranya :

1. Dr Abd al-Rauf Syalabi yang telah mengutarakan beberapa pendekatan dakwah Rasulullah SAW di Mekah dalam bukunya yang bertajuk “*al-Da‘wah al-Islāmiyyah fī ‘Ahdihā al-Makkī*”. Kajian beliau ini ditulis dalam bentuk buku dan diterbitkan oleh percetakan al-Fajr al-Jadīd, Kaherah, Mesir pada tahun 1981.

Antara penemuan penting buku ini ialah:

- a) Dakwah Rasulullah SAW ketika di zaman Mekah mempunyai berbagai tahap mengikut keadaan pada masa itu sesuai dengan penerimaan masyarakat Arab.
- b) Tahap dakwah di peringkat permulaan memberi tumpuan pada sudut kerohanian.
- c) Antara pendekatan Rasulullah SAW dalam dakwahnya ialah mengetahui dan memahami tabiat masyarakat, pembersihan dan pembetulan pemikiran, menghormati setiap individu serta penyampaian yang berkesan.

Namun, penulis mendapati bahawa buku ini meliputi pendekatan dakwah Rasulullah SAW pada zaman Mekah selama 13 tahun, sedangkan penulis hanya menumpukan kajian metode dakwah Rasulullah SAW pada tiga tahun yang pertama dan bagaimana ianya dapat diaplikasikan di Singapura pada masa ini.

2. Munir Mohamad al-Ghabān dalam bukunya “*al-Manhaj al-Haraki Li Sirrah al-Nabawiyyah*. Buku ini dicetak pada 1986 oleh Maktabah al-Manar, Jordan.

Antara penemuan penting buku ini ialah :

- a) Manhaj yang berbeza dalam pergerakan dakwah yang dilalui oleh Rasulullah SAW sejak Baginda SAW diutus sehingga kewafatan Baginda SAW.

- b) Tahap dakwah terbahagi kepada lima bahagian dan menerangkan keistimewaan setiap tahap.
- c) Manhaj sirah Nabi SAW tidak semestinya diaplikasikan pada semua keadaan. Ianya harus mengikut keadaan-keadaan yang tertentu bersesuaian dengan tempat dan masa.

Walaupun pengarang telah menerangkan dengan terperinci mengenai pergerakan dakwah yang dilakukan oleh Nabi SAW, namun beliau tidak membuat sebarang perbandingan dengan mana-mana badan dakwah untuk menilai sama ada metode yang dilakukan oleh Nabi SAW dapat diaplikasikan oleh pergerakan dakwah masa kini.

3. Kajian yang bertajuk “**Pendekatan Dakwah Rasulullah SAW di Mekah : Kajian Pelaksanaannya di Institusi-Institusi Dakwah Perlis**” oleh Mohd Rusdi Bin Mansor. Kajian ini ialah kajian yang dikemukakan oleh Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya untuk ijazah Sarjana pada tahun 2004.

Antara penemuan penting kajian ini :

- a) Pendekatan dakwah Nabi SAW di Mekah melalui isi kandungan, penawaran, akhlak mulia dan penyampaian.
- b) Aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam di Perlis dan perbandingannya dengan pendekatan dakwah Rasulullah SAW.
- c) Beberapa cadangan dalam memajukan usaha dakwah di Negeri Perlis.

Namun, kajian yang dibuat oleh Mohd Rusdi Bin Mansor telah mengemukakan pendekatan dakwah Rasulullah SAW di Mekah secara keseluruhannya, manakala pengkaji hanya membataskan pendekatan dakwah Nabi SAW selama tiga tahun yang pertama di Mekah. Kajian ini juga hanya memberi tumpuan kepada pelaksanaan dakwah di institusi-institusi dakwah di Perlis sahaja.

Kesimpulannya, sebagaimana yang terdapat pada buku-buku metode dakwah Rasulullah SAW umumnya, kajian-kajian di atas memberi tumpuan kepada pendekatan dakwah yang dilakukan oleh Nabi SAW ketika di Mekah. Namun penulis dalam kajian ini, hanya ingin membataskan pendekatan Nabi SAW selama tiga tahun yang pertama.

Penulis juga mengkaji bagaimana metode dakwah Nabi SAW ini sesuai untuk diaplikasikan atau tidak terhadap masyarakat bukan Islam di Singapura dan ini belum pernah lagi dikaji oleh mana-mana pengkaji.

## 1.8 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian memberi erti kaedah yang akan digunakan sama ada untuk mengumpul data atau menganalisis data.<sup>1</sup> Dalam menghasilkan kajian ini, penulis menggunakan metode pengumpulan data dan metode analisis data.

### 1.8.1 Metode pengumpulan data

Data ialah apa juu maklumat dalam bentuk perangkaan, fakta, persepsi atau sebagainya yang dikumpulkan untuk dianalisis.<sup>2</sup> Dalam proses pengumpulan data,

---

<sup>1</sup> Ahmad Sunawari Long (2006), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, c. 2. Selangor Darul Ehsan: UKM, h. 42.

penulis telah mendapatkan data-data daripada beberapa sumber. Metode-metode yang digunakan dalam proses pengumpulan data, iaitu :

- a) Metode *Historis*
- b) Metode Dokumentasi
- c) Metode Temubual
- d) Metode Observasi
- e) Metode Soal Selidik

**(a) Metode *Historis***

Metode ini diguna pakai bagi menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian yang berunsur sejarah.<sup>3</sup> Metode ini hampir sama dengan metode historis tetapi wujud perbezaan yang jelas kerana metode *historis* hanya terbatas kepada penyelidikan sejarah. Sedangkan metode ini penyelidik boleh mencari maklumat yang berbentuk semasa disamping penyelidikan mengenai sesuatu yang telah berlaku.<sup>4</sup> Penulis menggunakan metode ini dalam mengumpul maklumat tentang kewujudan Singapura dan maklumat tentang masyarakat Singapura yang berbilang bangsa.

---

<sup>2</sup> Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 75.

<sup>3</sup> Abd Halim Hj Mat Diah (1981), *Satu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 57.

<sup>4</sup> Winarno Surachmad (1970), *Dasar dan Teknik Research Pengantar Metodologi Ilmiah*, c. 5. Bandung: Penerbit C.V. Tarsito, h. 123.

## **(b) Metode Dokumentasi**

Metode ini merupakan cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungkait dengan masalah yang dikaji.<sup>5</sup> Ia juga memberi maksud teknik yang mana seseorang pengkaji mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod.<sup>6</sup>

Dokumen-dokumen yang digunakan pada umumnya adalah dokumen yang diperolehi daripada sumber yang pertama, dan sebahagian lain adalah diambil daripada sumber yang kedua. Dokumen-dokumen itu ialah :

- i. Buku-buku yang berkenaan dengan pembahasan yang dikajikan.
- ii. Risalah-risalah dan majalah-majalah.
- iii. Tesis, kertas kerja, surat khabar dan lain-lain bahan bertulis yang berkaitan.

Metode dokumentasi digunakan dalam mengumpul maklumat tentang sejarah dakwah Rasulullah SAW serta pendekatan yang telah dilakukannya pada peringkat awal dakwahnya di Mekah. Penulis telah bergantung daripada sumber buku-buku sirah dan buku dakwah Nabi SAW yang ditulis oleh para ulama di samping bahan-bahan penerbitan yang merupakan hasil-hasil kajian para penulis terkemudian. Penulis juga menggunakan metode ini dalam usaha mengumpul maklumat yang tertumpu kepada keadaan dakwah di Singapura dan institusi dakwah Darul Arqam yang bergerak dalam usaha dakwah terhadap masyarakat bukan Islam disamping

---

<sup>5</sup> *Ibid.*, h. 115.

<sup>6</sup> Mohd Sheefie Abu Bakar (1991), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-Bidang Berkaitan*, c. 2. Selangor Darul Ehsan: UKM, h. 41.

maklumat tentang sasaran dakwah Singapura yang terdiri dari masyarakat Cina dan masyarakat India.

Dalam usaha mendapatkan data-data penting bagi melengkapkan lagi disertasi yang dikaji, penulis menggunakan beberapa buah perpustakaan seperti :

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Za’ba Universiti Malaya.
3. Perpustakaan Pengajian Islam Universiti Malaya.
4. Perpustakaan Awam Islam, Pusat Islam Malaysia.
5. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
6. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
7. Perpustakaan Negara Kuala Lumpur.
8. Perpustakaan Negara Singapura.

**(c) Metode Temubual**

Temubual ialah soalan yang menyoal responden secara lisan dan berhadapan dengannya.<sup>7</sup> Ia juga membolehkan pengkaji mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan dan pengalaman dalam bentuk penyertaan langsung daripada peserta kajian sendiri.<sup>8</sup> Temuduga dalam penyelidikan boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu temuduga *standard* (*standard interview*) dan temuduga mendalam (*exploratory*

---

<sup>7</sup> Azhar Harun & Nawawi Abdullah (2004), *Metodologi Penyelidikan Ekonomi Dan Sains Sosial*. Singapura: Thomson, h. 67.

<sup>8</sup> Marohaini Yusuff (2001), “Pengutipan dan Pengumpulan Data Perlakuan dan Proses Menulis Karangan dalam Bilik Darjah”, dalam Marohaini (ed) (2001), *Penyelidikan Kualitatif : Pengalaman Kerja Lapangan*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, h. 109.

*interview*). Dalam kedua-dua jenis temuduga ini, penyelidik hendaklah bersemuka dengan responden.<sup>9</sup>

Penulis menggunakan metode temubual dalam kajian ini dengan pihak-pihak yang terlibat secara langsung di dalam kajian ini khususnya dari ketua bahagian dakwah di Darul Arqam. Metode temubual yang digunakan dalam kajian ini merupakan metode temubual yang tidak berstruktur yang mana penulis memberikan soalan secara terbuka kepada responden berdasarkan maklumat yang dikehendaki. Metode ini digunakan dalam usaha mengumpulkan maklumat tentang pendekatan dakwah yang dilakukan oleh badan dakwah Islam di Singapura terhadap masyarakat bukan Islam. Senarai pihak yang ditemubual boleh didapati di halaman 121-122.

#### **(d) Metode Observasi**

Metode ini ialah cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek kajian, sama ada pengamatan itu dilakukan dalam situasi sebenar ataupun khusus untuk tujuan kajian.<sup>10</sup> Ia mempunyai kelebihan iaitu penyelidik dapat memerhati secara langsung tingkah laku subjek kajian, dapat mengelak daripada kesilapan tanggapan memberi tafsiran dan membuat kesimpulan dan meneroka isu secara mendalam dan berkemungkinan memperolehi maklumat di luar jangkaan.<sup>11</sup>

Penulis menggunakan metode ini hasil daripada penglibatan penulis sendiri dalam beberapa aktiviti dakwah yang dilakukan oleh institusi dakwah Darul Arqam. Pengalaman ini dapat membantu penulis dalam usaha mengumpulkan maklumat yang tepat dan sempurna.

---

<sup>9</sup> Asmah Haji Omar (2002), *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*, c. 2. Selangor Darul Ehsan, h. 85.

<sup>10</sup> Winarno Surachmad, *op.cit.*, h. 155.

<sup>11</sup> Ahmad Sunawari Long, *op.cit.*, h. 52.

### **(e) Metode Soal Selidik**

Soal selidik diertikan sebagai rangkaian soalan yang distrukturkan berdasarkan pembolehubah-pembolehubah yang dikenalpasti untuk menghasilkan sejumlah data bagi menjelaskan masalah yang dikaji.<sup>12</sup>

Soal selidik dalam kajian ini digunakan untuk mengukur dan mendapatkan maklumat responden seperti latarbelakang responden dan pendapat responden tentang ilmu yang diperolehi dan juga kesan pada diri mereka setelah menghadiri program yang dikendalikan oleh Darul Arqam.

Metode soal selidik yang digunakan ialah metode yang berdasarkan kaedah rawak mudah. Pensampelan rawak mudah ialah suatu kaedah pemilihan saiz sampel ( $n$ ) yang diperolehi daripada suatu populasi ( $N$ ). Tiap-tiap ahli dalam populasi berkenaan mempunyai probabiliti yang sama untuk dipilih sebagai sampel.<sup>13</sup>

Seramai 42 orang responden yang terlibat dalam soal selidik ini. Mereka terdiri daripada 20 orang yang baru memeluk Islam kurang daripada 3 tahun dan 22 orang yang cenderung memeluk Islam. Mereka adalah peserta program permulaan dalam Islam (*Beginners' Course On Islam*). Borang soal selidik boleh dirujuk di bahagian lampiran.

Semua data yang diperolehi daripada soal selidik ini akan dianalisis dan hasil kajian akan dihuraikan dalam bentuk peratusan dan kekerapan. Dapatkan hasil kajian akan dibincangkan dalam bab tiga.

---

<sup>12</sup> Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah : Amalan Dalam Pengajian Islam*, Selangor : Kamil & Shakir Sdn. Bhd., h. 76.

<sup>13</sup> Azhar Harun & Nawawi Abdullah, *op.cit*, h. 54

## **1.9 METODE ANALISIS DATA**

Setelah segala data yang diperlukan terkumpul melalui metode-metode di atas, penulis menganalisis data-data tersebut. Penganalisaan data-data itu dibuat dengan menggunakan metode-metode berikut :

- a) Metode Induktif
- b) Metode Deduktif
- c) Metode Komparatif

### **1.9.1 Metode Induktif**

Metod induktif akan digunakan untuk menjadikan maklumat yang bersifat khusus kepada satu maklumat yang bersifat umum.<sup>14</sup>

Metode ini banyak digunakan oleh penulis bagi mengumpulkan maklumat tentang halangan serta permasalahan dalam aktiviti dakwah di Singapura.

### **1.9.2 Metode Deduktif**

Metode ini digunakan untuk menganalisis data yang bersifat umum kepada satu kesimpulan yang bersifat khusus.<sup>15</sup>

Metode ini digunakan oleh penulis bagi menyatakan beberapa permasalahan dan halangan dalam perlaksanaan dakwah di Singapura.

---

<sup>14</sup> Koenjaraningrat (1979), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: PT Gramedia, h.133.

<sup>15</sup> Imam Barnadib (1982), *Arti Method Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FBI-IKIP, h. 52.

### **1.9.3 Metode Komparatif**

Metode analisis data yang berbentuk komparatif merupakan cara membuat kesimpulan dengan membuat perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi semasa membuat penelitian.<sup>16</sup>

Metode ini digunakan oleh penulis dalam menganalisa perbandingan antara pendekatan dakwah Rasulullah SAW pada peringkat permulaan di Mekah dengan pendekatan dakwah yang dilakukan oleh institusi Islam di Singapura. Berdasarkan metode tersebut, segala data dan maklumat yang didapati dibandingkan antara satu sama lain dan seterusnya dibuat suatu kesimpulan.

Metode ini digunakan dalam usaha membuat perbandingan antara pendekatan dakwah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dengan pendekatan dakwah yang dilakukan oleh institusi Islam di Singapura dan membuat kesimpulan dalam mencari persamaan dan juga perbezaan. Berdasarkan keterangan mengenai metode-metode yang telah digunakan dalam penyelidikan ini, adalah diharapkan hasil penemuan dari kajian ini akan memuaskan dan tidak dapat dipertikaikan.

---

<sup>16</sup> *Ibid.*, h. 136.

## BAB DUA

### METODOLOGI DAKWAH NABI SAW DI PERINGKAT PERMULAAN

#### 2.1 PENDAHULUAN

Kajian dalam bab ini adalah untuk mengenal pasti metode yang digunakan oleh Nabi SAW dalam dakwah Baginda SAW pada peringkat permulaan di Mekah. Metode kajian ini merupakan kajian kepustakaan sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab pertama.

#### 2.2 METODOLOGI DAKWAH

##### 2.2.1 Pengertian Metodologi Dakwah

Metodologi berasal daripada perkataan “metode” yang bererti cara melakukan sesuatu, sistem.<sup>1</sup>

Metodologi pula ialah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin.<sup>2</sup>

Terdapat beberapa perkataan dalam bahasa Arab yang sangat dekat pengertiannya dengan metode. Perkataan-perkataan itu ialah uslub, manhaj dan juga wasilah. Adapun uslub dengan makna umum atau am ialah cara dakwah yang melibatkan pemilihan isi untuk disesuaikan dengan sasaran, pemilihan saluran dan media untuk disesuaikan dengan sasaran dan pemilihan bentuk penyampaian yang

---

<sup>1</sup> Noresah Bt Baharom *et al.* (ed.) (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1030.

<sup>2</sup> *Ibid.*

lebih menarik sasaran. Uslub dengan makna am ini sama dengan pengertian manhaj.<sup>3</sup>

Pengertian uslub dengan makna khusus pula ialah sebagaimana yang diberikan oleh Nawfal, iaitu cara penyampaian atau bentuk persembahan isi kandungan dengan ibarat dan bentuk yang tertentu.<sup>4</sup>

Oleh kerana asas ilmu dakwah diambil dari al-Quran dan hadis, maka pengertian perkataan-perkataan tersebut yang dikaitkan dengan dakwah sama dengan pengertian metodologi dakwah.<sup>5</sup>

Menurut Zaydān, metode dakwah ialah cara untuk menyampaikan dakwah dan cara untuk mengatasi sebarang masalah yang berbangkit.<sup>6</sup>

Metodologi dakwah juga diertikan sebagai ilmu yang bersifat kajian dan sistematik mengenai cara dakwah. Secara ringkas, ia juga disebut sebagai ilmu atau kajian tentang cara dakwah. Ia juga boleh diertikan secara ringkas sebagai sains cara dakwah atau kajian cara dakwah.<sup>7</sup>

Kesimpulannya, dalam kajian ini khususnya dan berdasarkan kepada pengertian-pengertian yang telah dikemukakan, metode dakwah yang dimaksudkan oleh penulis di sini ialah manhaj dan bukan uslub. Uslub merupakan salah satu daripada metodologi dakwah Nabi SAW dalam peringkat permulaan dakwah yang akan dibincangkan dalam kajian ini juga.

---

<sup>3</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2005), *Metodologi Dakwah*, c. 3. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 1.

<sup>4</sup> Abū al-Majd al-Sayyīd Nawfal (1997), *al-Da‘wah Ilā Allāh Ta‘āla Khasāisuhā, Muqawwamatuhā, Manāhijuhā*, h. 189.

<sup>5</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2005), *op.cit*, h. 3.

<sup>6</sup> Dr ‘Abd al-Karīm Zaydān (1968), *Uṣūl al-Da‘wah*. Baghdād: Dār al-Nādhīr, h. 377.

<sup>7</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2005), *op.cit.*, h. 2.

## 2.2.2 Asas Metodologi Dakwah

Allah SWT memerintahkan Rasulullah SAW untuk menyampaikan dakwah dan tidak membiarkan Baginda SAW memilih sendiri cara dakwah, walaupun Rasulullah SAW memiliki akal yang cerdas dan memiliki kearifan yang paripurna. Allah yang menentukan asas metode dakwah iaitu dengan hikmah, pengajaran yang baik dan debat dengan cara yang lebih baik. Itulah metode yang diajarkan Allah yang tidak ada alternatif lain kecuali seorang dai harus menerapkannya.<sup>8</sup> Firman Allah SWT:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَهِلَهُمْ بِالَّتِي هُنَّ أَحَسَّنُ<sup>٢</sup> إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ  
بِالْمُهَتَّدِينَ

*“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk”.*

Surah al-Nahl (16): 125

Dr. Wahbah Zuhaylī dalam menafsirkan ayat di atas menerangkan bahawa seseorang dai harus menggunakan salah satu daripada tiga cara iaitu hikmah, nasihat yang baik atau perdebatan dengan cara yang baik.<sup>9</sup>

Soal metodologi dakwah telahpun diberi panduan oleh Allah dan rasul-Nya. Nabi Muhammad SAW telah menyuruh umatnya menurut jejak langkahnya di

<sup>8</sup> Jum‘ah Amin ‘Abd al-‘Azīz (1989), *al-Da‘wah, Qawā‘id wa Uṣūl*, c. 2. Iskandariyyah: Dār al-Da‘wah, h. 8.

<sup>9</sup> Dr. Wahbah al-Zuhaylī (1991), *al-Tafsīr al-Munīr Fī al-‘Aqīdah al-Syar‘iyah al-Manhaj*, jil 14. Birūt: Dar al-Fikr, h. 273.

dalam berdakwah. Metodologi itu tidak lain dari metodologi hikmah, nasihat yang baik dan perdebatan dengan cara yang baik. Metodologi yang tiga serangkai ini tetap tidak berubah dan sesuai digunakan sehingga akhir dunia.<sup>10</sup>

Zaydān menjelaskan bahawa sumber rujukan dalam mengariskan kaedah serta teknik dakwah ialah al-Quran, sunah nabawi, sejarah hidup salafūṣālih, analisa ulama dan pengalaman.<sup>11</sup>

Menurut Prof Dr. Ab Aziz bin Mohd Zin, sumber pokok kepada metode dakwah adalah tiga sahaja, iaitu al-Quran, sunah dan pengalaman berdasarkan keadaan sasaran.<sup>12</sup>

Beliau juga menjelaskan bahawa asas metode dakwah ialah penjelasan yang nyata dan jelas, berperingkat-peringkat, mudah, menjinakkan, adanya sebab di sebalik sesuatu suruhan dan larangan, serta bersesuaian dengan keadaan sasaran.<sup>13</sup>

Cara dakwah yang harus dilakukan oleh setiap pendakwah ialah dengan cara hikmah, cara nasihat yang baik, cara perbincangan, dialog dan perbahasan yang terbaik.<sup>14</sup>

Kesimpulannya, asas metodologi dakwah adalah al-Quran dan sunah. Pengalaman juga merupakan asas metodologi dakwah kerana seseorang dai harus melihat kepada keadaan sasarnya agar bersesuaian dengan keadaan pada masa kini. Tiga metode utama yang telah ditunjukkan al-Quran ialah dengan hikmah, nasihat yang baik dan perdebatan dengan cara yang lebih baik. Selain daripada tiga

<sup>10</sup> Prof. Madya Dr. Wan Hussien Azmi (1989), “Pelaksanaan Metodologi Dakwah”, *Dakwah Jalan Hidup Sejahtera*. Kuala Lumpur: Penerbitan YADIM, bil 148, Julai 1989, h. 22.

<sup>11</sup> Dr ‘Abd al-Karīm Zaydān, *op.cit.*, h. 378.

<sup>12</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2003), *Pengantar Dakwah Islamiah*, c. 3. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 78.

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 81.

<sup>14</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2005), *op.cit.*, h. 8.

metode utama ini, Baginda SAW juga telah menggunakan berbagai metode sampingan yang lain. Di antara metode dakwah Nabi SAW pada peringkat permulaan di Mekah ini ialah pengakuan baginda SAW sebagai utusan Allah, metode kandungan dan penyampaian isi dan juga strategi. Ini telah dipraktikkan oleh Nabi SAW. Perincian dan kepentingan metode-metode yang disebutkan ini akan dibincangkan secara khusus di dalam kajian ini.

### **2.2.3 Kepentingan Metodologi Dakwah**

Dakwah hendaklah dilakukan kepada sasaran dengan menggunakan cara yang boleh mempengaruhi sasaran. Maka, metode-metode yang dikenal pasti untuk tujuan tersebut hendaklah digunakan.<sup>15</sup>

Jum‘ah Amin ‘Abd al-Aziz mengatakan bahawa seorang dai harus mengetahui dan memahami metodologi dakwah, agar sasaran merasa puas dan yakin dengan dakwah yang disampaikan, seperti penyampaian yang baik, keindahan uslub, *targhib*, mempergunakan kebijaksanaan dan nasihat yang baik, bantahan dengan cara yang lebih baik, mempertimbangkan situasi dan kondisi dan penggunaan sarana publikasi dan informasi yang paling moden. Oleh sebab itu, adalah penting bagi seorang dai untuk mengetahui apa yang dikatakan dan bersikap bijaksana terhadap apa yang ia dakwahkan.<sup>16</sup>

Dengan menggunakan pendekatan ini, matlamat dakwah akan semakin hampir dan apa yang diharapkan akan tercapai walaupun ia memakan masa yang lama. Sebaliknya, dengan menggunakan pendekatan yang lain apa yang diharapkan

---

<sup>15</sup> Ab Aziz Mohd Zin *et al.* (2006), *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Penerbit Universiti Malaya, h. 96.

<sup>16</sup> Jum‘ah Amin ‘Abd al-‘Aziz, *op.cit.*, h. 26.

mungkin tidak akan tercapai, malah mungkin semakin jauh tersasar daripada matlamat.<sup>17</sup>

Metode adalah satu perkara yang penting dalam berdakwah kerana metode merupakan cara bagaimana pengajaran yang disampaikan itu dapat mempengaruhi sasaran untuk menerimanya. Sesuatu pengajaran walaupun baik, susah untuk diterima oleh sasaran jika cara penyampaiannya tidak betul.<sup>18</sup>

Berdasarkan kedudukan tersebut, metodologi dakwah memainkan peranan yang penting kerana penggunaan metode yang sesuai akan mempengaruhi dan memperolehi keyakinan dan kepercayaan kepada sasaran. Ini sekaligus akan membawa kejayaan dalam usaha dakwah. Sebaliknya, pendekatan yang salah tidak akan mencapai matlamatnya, bahkan mungkin akan tersasar daripada matlamat.

## **2.3 MASYARAKAT MEKAH SEBELUM KERASULAN NABI SAW**

### **2.3.1 Pendahuluan**

Nabi Muhammad SAW bukan sekadar diutuskan untuk memperbaiki akidah, adat dan ibadat. Baginda SAW juga diutus untuk menghapuskan segala bentuk jahiliah yang telah berakar umbi di kalangan masyarakat Arab pada masa itu. Keadaan masyarakat Arab pada masa itu amat memerlukan seorang penyelamat bagi menghapuskan kejahilan dan membersihkan unsur keberhalaan yang telah wujud berabad-abad lamanya. Nabi Muhammad SAW telah menjalankan dakwahnya kepada masyarakat di Mekah yang terdiri dari pelbagai golongan. Untuk mengenal pasti keadaan masyarakat Arab jahiliah dalam kajian ini khususnya, faktor-faktor

---

<sup>17</sup> Dr ‘Abd al-Karīm Zaydān (1968), *op.cit.*, h. 381.

<sup>18</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2003), *op.cit.*, h. 76.

yang akan dibincangkan ialah yang berkaitan dengan kepercayaan, sosial dan ekonomi masyarakat Arab pada masa itu.

### **2.3.2 Masyarakat Mekah Dari Sudut Kepercayaan**

Pegangan agama kaum Quraisy sangat lemah. Ini disebabkan kerana mereka jauh dari masa kenabian dan berada lama dalam kejahanan. Di samping itu, mereka banyak terpengaruh oleh adanya ajaran menyembah berhala yang tersebar di sekitar Jazirah Arab. Sehingga mereka sangat kuat sekali keyakinannya terhadap berhalaberhala.<sup>19</sup>

Kebanyakan masyarakat Arab pada waktu itu mengamalkan kepercayaan animisme seperti mempercayai roh, penunggu atau kuasa ghaib. Corak penyembahan mereka dan pemujaan yang dilakukan bergantung kepada keadaan, suasana tempat tinggal dan pekerjaan mereka. Golongan yang beragama pula boleh dibahagikan kepada lima golongan iaitu penyembahan berhala, Majusi, Nasrani, Yahudi dan pengikut agama Hanif iaitu agama Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail a.s.<sup>20</sup>

Keadaan umat manusia menjelang kedatangan agama Islam secara umumnya sedang menempuh jalan bunuh diri. Selama kurun waktu tersebut, umat manusia telah lupa akan penciptanya, lupa akan dirinya sendiri dan lupa akan nasib hari depannya. Mereka tidak dapat membezakan antara kebajikan dan kejahanan, antara yang baik dan yang buruk. Mereka tenggelam di dalam kekusutan fikiran, tidak menoleh kepada agama yang benar dan kepada hari kemudian sesudah mati. Mereka tidak memikirkan betapa pentingnya kedudukan jiwa dan hati-nurani, tidak

---

<sup>19</sup> Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Ḥusnī al-Nadwī (2001), *al-Sīrah al-Nabawiyah*, c. 12. Bīrūt: Dār Ibn Kathīr al-Thāniyah, h. 96 & 97.

<sup>20</sup> Mahayudin Hj. Yahaya & Ahmad Jelani Halimi (1996), *Sejarah Islam*, c. 5. Selangor Darul Ehsan: Penerbit Fajar Bakti, h. 9.

memikirkan kebahagian hidup di akhirat dan tidak pula memikirkan kewajiban mengabdi kemanusiaan. Bahkan berfikir memperbaiki keadaan pun tidak juga.<sup>21</sup>

Kaum Quraisy pada waktu itu tenggelam dalam lembah keberhalaan. Ramai di kalangan mereka yang percaya kepada segala macam khurafat atau tayahul yang menyesatkan. Mereka sedikit pun tidak mengerti cara beragama yang benar seperti yang diajarkan oleh Ibrahim a.s.<sup>22</sup>

Disebut dalam kitab *al-Rahiṣ al-Makhtūm* bahawa walaupun masyarakat Arab jahiliah mempunyai berbagai-bagi pegangan, mereka masih lagi mewarisi saki baki agama Nabi Ibrahim a.s. Mereka tidak meninggalkan semua ajaran Nabi Ibrahim a.s seperti membesarluaskan Kaabah, bertawaf di sekelilingnya, melakukan ibadat haji, wuquf di Arafah, Muzdalifah dan menghadiahkan binatang sembelihan. Tetapi banyak perkara-perkara bid'aah yang mereka campur aduk dalam ibadat-ibadat tersebut.<sup>23</sup>

Agama-agama yang dianuti oleh orang-orang Arab sebelum kedatangan Islam telah terpesong dan terungkai daripada ajaran asalnya. Dengan silih bergantinya masa, maka lahirlah di kalangan mereka apa yang lahir di kalangan pada penyembah berhala, iaitu adat resam dan tradisi yang berbentuk khurafat. Ianya memberi kesan yang mendalam terhadap kehidupan sosial, politik dan keagamaan.<sup>24</sup>

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, ini menunjukkan bahawa masyarakat Arab jahiliah mempunyai bermacam-macam sistem kepercayaan, sama ada kepercayaan asal yang dipusakai turun-temurun atau kepercayaan-kepercayaan

---

<sup>21</sup> H.M.H. al-Ḥamīd al-Ḥusaynī (2006), *Riwayat Hidup Nabi Besar Muhammad SAW.*, c. XI. Bandung: Pustaka Hidayah, h. 68.

<sup>22</sup> *Ibid*

<sup>23</sup> Safiyyu al-Raḥmān al-Mubārakfūrī (1976), *al-Rahiṣ al-Makhtūm*. Birūt: Dār al-Thaqāfiyah, h. 43.

<sup>24</sup> *Ibid.*, h. 47.

yang dibawa dari luar Semenanjung Tanah Arab. Berdasarkan keadaan pada masa itu, seorang rasul sangat diperlukan untuk menyelamatkan penghuni bumi ini daripada tenggelam dalam kerosakan dan kehancuran.

### **2.3.3 Masyarakat Mekah Dari Sudut Sosial**

Sebelum kedatangan agama Islam, kaum Arab sama ada yang tinggal di bandar atau di padang pasir kesemuanya hidup di bawah naungan sistem berkabilah. Sistem kabilah merupakan suatu unit sosial yang mengawal sistem pentadbiran masyarakat. Penyatuan masyarakat berkabilah adalah berlandaskan pertalian darah dan keturunan serta mempunyai semangat setiakawan. Setiap kabilah mempunyai nama dan status yang dipelihara dan dipertahankan. Andainya mereka menang dalam perang, maka anggota-anggota yang ditawan akan dijadikan hamba abdi jika sekiranya tiada siapa yang melindungi atau menebusi mereka. Melalui semangat setiakawan inilah, menyebabkan mereka sering berperang.<sup>25</sup>

Menurut Dr Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī, kerakteristik masyarakat Arab pada masa itu masih menampakkan fitrah kemanusiaan dan kecenderungan yang sihat dan kuat serta cenderung kepada kemanusiaan yang mulia, seperti penolong, dermawan, rasa harta diri dan kesucian. Hanya sahaja, mereka tidak memiliki pengetahuan yang akan mengungkapkan jalan ke arah itu kerana mereka hidup di dalam kegelapan, kebodohan, dan alam fitrah yang pertama. Akibatnya, mereka sesat jalan, tidak menemukan nilai-nilai kemanusiaan tersebut. Selanjutnya, mereka membunuh anak dengan dalih kemuliaan dan kesucian, memusnahkan harta

---

<sup>25</sup> Mahayudin Hj. Yahaya & Ahmad Jelani Halimi, *op.cit.*, h. 6.

kekayaan dengan alasan kedermawanan dan membangkitkan perperangan di antara mereka dengan alasan harga diri dan kepahlawanan.<sup>26</sup>

Muhammad al-Ghazālī menyifatkan pada masa perutusan Nabi SAW, Mekah sedang digoncangkan oleh gelombang nafsu dan perbuatan-perbuatan dosa yang cukup hebat. Orang-orang yang hidup di situ merupakan bukti kuat bagi kematangan nafsu, kelumpuhan fikiran atau tumbuhnya fikiran namun yang menjurus kepada perbudakan nafsu saja.<sup>27</sup>

Mekah pada saat itu juga penuh dengan orang-orang yang sudah sangat keterlaluan dalam mengingkari nikmat Allah SWT. Kebanyakan mereka sudah buta daripada kebenaran atau memang mereka sengaja mengingkari kebenaran tersebut.<sup>28</sup>

Moral penduduk Mekah sangat menurun sekali walaupun mereka masih memegang teguh beberapa sifat mulia yang ada dalam masyarakat jahiliah. Namun pada umumnya mereka selalu terbiasa oleh moral yang buruk seperti berjudi, minum khamar, pelacuran, merampas harta orang dengan cara batil, serta membunuh orang secara zalim dan segala macam perbuatan keji yang lain.<sup>29</sup>

Namun, masyarakat Arab jahiliah juga memiliki akhlak yang mulia dan terpuji sehingga menimbulkan ketakjuban manusia. Antara akhlak-akhlak yang mulia ialah sikap pemurah. Mereka sering berlumba-lumba untuk mempamerkan sikap pemurah dan merasa megah dengan sikap ini. Mereka juga terkenal dengan sifat selalu menunaikan janji sehingga bagi mereka, perjanjian adalah seperti agama yang perlu dipegang kemas. Mereka juga mempunyai sifat berbangga diri dan tidak

---

<sup>26</sup> Dr Muhammad Sa‘id Ramaqān al-Būtī (1994), *Fiqh al- Sirah*. Birūt: Dār al-Fikr, h. 18.

<sup>27</sup> Muhammad al-Ghazālī (2005), *Fiqh al- Sirah*, c. 3. Kaherah: Dār al-Shurūq, h. 21.

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> Abū al-Hasan ‘Alī al-Ḥusnī al-Nadwī, *op.cit.*, h. 96.

sanggup dihina dan dizalimi. Apabila mereka berazam untuk melakukan sesuatu yang mulia, maka tidak ada yang boleh menghalang keazamannya itu. Orang Arab jahiliah juga terkenal dengan sifat kesabaran dan memiliki nilai murni kehidupan badwi sebab cara hidup mereka tidak tercemar dengan pencemaran-pencemaran akibat perubahan tamadun dan jerangkap-jerangkapnya.<sup>30</sup>

Kesimpulannya, walaupun masyarakat Arab sebelum kerasulan Nabi SAW mempunyai fitrah kemanusiaan yang mulia seperti penolong, dermawan, rasa harta diri dan kesucian hidup, mereka masih lagi hidup dalam kegelapan cahaya keimanan. Mereka juga keterlaluan dalam mengingkari nikmat Allah SWT dan membuat bermacam perbuatan keji yang lain.

#### **2.3.4 Masyarakat Mekah Dari Sudut Ekonomi**

Dari segi ekonomi, orang-orang Arab belum mengenal laut sebagai sarana lalu lintas barang dagangan dan perjalanan jauh. Pada masa itu pertukaran barang dagangan yang terpenting ialah antara negeri-negeri yang terletak di Timur dan Barat Semenanjung Arab. Ketika itu negeri Arab telah menjadi lalu lintas perniagaan bagi saudagar-saudagar dari Mesir yang mengangkut barang-barang dagangan menuju negeri-negeri di Timur melalui Teluk Persia.<sup>31</sup>

Orang Arab Badwi hampir keseluruhannya hidup bertani dan menternak binatang seperti unta, kambing dan biri-biri. Mereka berkhemah di lembah yang terdapat takungan air bagi memajukan usaha ternakan dan tanaman. Bagi mereka yang tinggal di bandar pada lazimnya menjalani urusan perniagaan dan pertukangan. Mereka bermiaga secara kafilah. Setiap kafilah mengandungi ramai pedagang.

---

<sup>30</sup> Safīyu al-Rahmān al-Mubārakfūri, *op.cit*, h. 51-53.

<sup>31</sup> H.M.H. al-Ḥamīd al-Ḥusaynī, *op.cit.*, h. 39.

Barang-barang perdagangan dibawa dengan unta kerana unta merupakan binatang yang kuat berjalan di padang pasir. Selain perniagaan, ada juga yang mengaut keuntungan hasil cukai yang dikenakan ke atas pedagang-pedagang yang melalui kawasan mereka.<sup>32</sup>

Perbezaan di antara golongan yang bertamadun dengan golongan Badwi adalah jelas. Orang Arab di bandar mengamalkan dasar ekonomi bebas, iaitu yang lebih terkenal dengan dasar kapitalis. Sistem ekonomi bebas di bandar-bandar di Semenanjung Tanah Arab melahirkan dua golongan yang amat jauh jarak antara kedua-duanya iaitu golongan miskin dan lemah. Manakala sistem ekonomi yang berlaku di kalangan orang badwi tidak sedemikian. Dengan itu, jurang pemisahan di antara mereka tidak begitu jauh.<sup>33</sup>

Dalam kitab *al-Rahiṣ al-Makhtūm* merumuskan bahawa orang Arab adalah bangsa yang terkebelakang dalam lapangan perindustrian. Mereka terlibat dalam aktiviti penternakan, sementara kebanyakannya wanita terlibat dalam lapangan tenunan. Namun produk yang dihasilkan itu kebanyakannya disediakan untuk tujuan peperangan. Lantaran itu kefakiran, kelaparan dan kekurangan pakaian merupakan masalah yang umum dalam masyarakat Arab.<sup>34</sup>

Daripada fakta-fakta yang disebutkan, dapat disimpulkan bahawa masyarakat Mekah sebelum kerasulan Nabi SAW mempunyai bermacam-macam kepercayaan. Tetapi bentuk kepercayaan yang utama ialah kepercayaan warisan nenek moyang yang dipanggil kepercayaan keberhalaan. Dari segi sosial pula, moral penduduk

---

<sup>32</sup> Mahayudin Hj. Yahaya & Ahmad Jelani Halimi, *op.cit.*, h. 8.

<sup>33</sup> Prof. Madya Dr. Ab. Aziz bin Mohd Zin (1996), “Sasaran Dakwah Pada Masa Nabi SAW: Kajian Khusus Tentang Keadaan Kemasyarakatan Orang Arab Jahiliah”, *Jurnal Usuluddin*, Bil 4, Mei 1996, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, h. 41.

<sup>34</sup> Safīyu al-Raḥmān al-Mubārakfūri, *op.cit.*, h. 51.

Mekah sangat menurunkan sekali walaupun mereka masih memegang teguh beberapa sifat mulia. Arak, zina dan judi menjadi amalan kebanggaan di kalangan mereka. Dari segi ekonomi pula, dapat disimpulkan bahawa masyarakat Arab mempunyai dasar ekonomi yang memberi ruang penindasan terhadap golongan miskin dan lemah seluas-luasnya.

## **2.4 METODOLOGI DAKWAH NABI SAW DI PERINGKAT PERMULAAN**

### **2.4.1 Pendahuluan**

Dakwah Nabi Muhammad SAW semasa di Mekah, iaitu selama lebih kurang 13 tahun adalah berkaitan dengan akidah. Dalam melaksanakan tugas dakwah, Nabi SAW menggunakan berbagai cara dan pendekatan yang berbeza. Jika dikaji metodologi dakwah Nabi SAW di peringkat permulaan di Mekah, ia boleh dilihat daripada beberapa sudut, iaitu membina kepercayaan yang meyakinkan bahawa Baginda SAW adalah utusan Allah SWT (*ithbāt al-riṣālah*), kandungan, penyampaian isi, media dan strategi dakwah Baginda SAW.

### **2.4.2 Pengakuan Sebagai Utusan Allah SWT**

Sudut yang pertama dalam metodologi dakwah Nabi SAW di Mekah ialah sudut pembinaan kepercayaan masyarakat. Dari sudut ini, tugas Nabi SAW yang mula-mula dalam dakwahnya ialah membina kepercayaan bahawa Baginda SAW adalah utusan Allah SWT.<sup>35</sup>

Sebelum dilantik menjadi rasul, Nabi SAW memang telah dipercayai oleh masyarakat Mekah kerana budi pekertinya yang mulia dan sifatnya yang bijaksana.

---

<sup>35</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2005), *op.cit.*, h. 46.

Keadaan ini cukup jelas apabila Baginda SAW digelarkan dengan *al-Amin*. Perkara yang pertama dalam dakwah Baginda SAW ialah menegaskan bahawa Baginda SAW adalah utusan Allah SWT untuk membawa hidayah dan kesejahteraan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Baginda SAW menegaskan apa yang disampaikan itu adalah semata-mata perintah daripada Allah SWT.<sup>36</sup>

Allah SWT telah menjelaskan perkara tersebut melalui firmanNya :

قُلْ يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا

*“Katakanlah wahai Muhammad : wahai sekali manusia, sesungguhnya aku adalah pesuruh Allah kepada kamu semua”.*

Surah al-A‘raf (7): 158

Ayat ini menjelaskan bahawa Nabi SAW disuruh memperkenalkan dirinya bahawa Baginda SAW adalah utusan Allah SWT kepada manusia.

Ibn Kathīr menafsirkan ayat di atas bahawasanya dari kemuliaan dan keagungan yang telah diberikan oleh Allah SWT kepada Nabi SAW, sesungguhnya Baginda SAW telah diutus kepada keseluruhan manusia.<sup>37</sup>

Dalam penjelasan yang mula-mula kepada kaum keluarganya yang diadakan selepas jemputan makan, Baginda SAW menegaskan kepada keluarganya bahawa Allah SWT telah memerintahkan Baginda SAW supaya memberi peringatan kepada keluarga Baginda SAW.<sup>38</sup>

---

<sup>36</sup> *Ibid*, h. 45

<sup>37</sup> ‘Imād al-Dīn Abū al-Fidā’ Ismā‘il ibn Kathīr (1997), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, jil. 14, c. 10. Bīrūt: Dār al-Ma‘rifah, h. 265

<sup>38</sup> Al-Alūrī, Ādam ‘Abd Allāh (1988), *Tarīkh al-Da’wah Ila Allāh Bayna al-Ams wa al-Yaum*. Qāherah: Wahbah, h. 150.

Zaydān menjelaskan bahawa pengakuan Nabi SAW sebagai utusan Allah bermaksud mengetahui, mempercayai dan menyakini sepenuhnya bahawa Muhammad SAW adalah utusan Allah.<sup>39</sup>

Di samping itu, kepercayaan diri Nabi SAW juga terbina melalui sikap keikhlasan Baginda SAW dalam usaha yang dilakukan. Penekanan yang dibuat ialah usaha yang dilakukan semata-mata kerana Allah SWT, bukan untuk mendapat sesuatu perkara atau ganjaran.<sup>40</sup> Firman Allah SWT :

قُلْ مَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ وَمَا أَنَا بِالْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٣٨﴾

*“Katakanlah wahai Muhammad, bahawa aku tidak meminta kepada kamu sebatang bayaran kerana menyampaikan ajaran al-Quran ini, dan bukanlah aku dari orang yang mengada-ngada”.*

Surah al-Şadd (38) : 86

Ayat di atas menjelaskan bahawa Nabi SAW tidak meminta sebarang balasan yang berbentuk material dalam usaha menjalankan dakwah. Hal ini jelas membuktikan tentang kebenaran kenabian Nabi SAW. Secara zahirnya, orang yang berdusta akan menunjukkan kecenderungannya kepada dunia.<sup>41</sup>

Ayat ini juga menjelaskan antara lain keikhlasan Nabi SAW dalam menjalankan tugasnya sebagai rasul yang bukan untuk mendapatkan sebarang habuan keduniaan, seperti mana yang dapat disaksikan oleh sasaran pada masanya.<sup>42</sup> Keadaannya yang sedemikian ini dapat menarik kepercayaan bahawa Baginda SAW merupakan seorang yang patut diikuti.

<sup>39</sup> ‘Abd al-Karīm Zaydān, *op.cit.*, h. 25.

<sup>40</sup> Ab Aziz Mohd Zin (2005), *op.cit.*, h. 47.

<sup>41</sup> Dr. Wahbah al-Zuhaylī, *op.cit.*, jil. 23, h. 236

<sup>42</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2005), *op.cit.*, h. 48.

Sa'īd Hawā' mengatakan bahawa konsistensi Rasulullah SAW memikul beban dakwah secara bersungguh-sungguh tanpa mengharap imbalan dunia sedikitpun adalah bukti atas kebenaran risalah dan kerasulan Baginda SAW.<sup>43</sup>

Salah satu implementasi kepada keimanan bahawa Allah SWT adalah Tuhan dan sembahannya ialah mempercayai para utusan Allah SWT. Keengganan menerima para rasul ini bererti tidak mempercayai para utusan Allah SWT dan tidak memberi penghormatan yang sepatutnya kepada Allah SWT.<sup>44</sup>

Richard Bell telah menyebutkan bahawa pernyataan Nabi SAW yang Baginda SAW adalah nabi dan utusan yang mendapat wahyu dari Allah SWT untuk disampaikan kepada sesama orang Arab dikecam dan diserang hampir sejak hari pertama ia mengemukannya.<sup>45</sup> Ini membuktikan bahawa Richard Bell, seorang yang bukan Islam, akur tentang kenabian Nabi SAW.

Walau kepada golongan mana pun dan di mana sekali pun tempatnya, pokok pembawaan para rasul adalah sama. Mereka menyeru manusia memperhambakan diri hanya kepada pencipta alam ini iaitu Allah SWT kerana Allah SWT sahajalah yang layak dipuja dan diperhambakan diri.<sup>46</sup>

Nabi Muhammad SAW adalah rasul terakhir yang diutuskan oleh Allah SWT kepada manusia untuk membawa manusia ke jalan yang benar dan selamat, sama ada dalam hal kepercayaan dan amalan hidup.<sup>47</sup>

<sup>43</sup> Sa'īd Ḥawā' (1986), *al-Rasūl*. Bīrūt: Dār al-Salām, h. 75.

<sup>44</sup> 'Abd al-Karīm Zaydān, *op.cit.*, h. 26.

<sup>45</sup> Richard Bell (1998), *Bell's Introduction to the Quran*. Lilian D. Tedjasudhana (terj.). Jakarta: Seri INIS, h. 15.

<sup>46</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2003), *op.cit.*, h. 45.

<sup>47</sup> *Ibid*, h. 66.

Firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِيَ إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا<sup>ۖ</sup>  
فَاعْبُدُونِ

*“Dan Kami tidak mengutus seorang rasul pun sebelum kamu (sebelum Muhammad SAW), melainkan Kami wahyukan kepadanya; bahwasanya tidak ada Tuhan (yang hak) melainkan Allah, maka sembahlah Aku”.*

Surah al-Anbiyā’ : (21) : 25

Allah SWT juga telah berfirman :

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ  
مُّصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ التَّوْرَةِ وَمُبَشِّرًا بِرَسُولٍ يَأْتِي مِنْ بَعْدِي اسْمُهُ  
أَحْمَدُ

*“Ingatlah semasa Isa putera Maryam berkata : Wahai bani Israil, sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepadamu yang membenarkan kitab yang turun sebelumku yakni Taurat dan memberi khabar gembira mengenai kedatangan rasul selepasku yang bernama Ahmad”.*

Surah al-Saf (61): 6

Dr Ved Prakash Upaddhayaya di dalam bukunya *Muhammad in the Vedas and Puranas* berkata bahawa satu hakikat yang terbukti pada hari ini adalah sifat-sifat utusan akhir zaman ini seperti yang disebut di dalam Veda, Bible dan kitab agama Buddha menepati sifat-sifat Muhammad.<sup>48</sup>

<sup>48</sup> Dr Ved Prakash Upaddhayaya (1998), *Muhammad in the Vedas and the Puranas*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, h. xiii.

Berdasarkan kepada fakta-fakta yang diterangkan, tugas Nabi SAW menjadi mudah dan memberi kesan apabila sasaran dakwah memberi sepenuh kepercayaan mereka dan mengiktiraf kedudukan Baginda SAW sebagai utusan Allah SWT. Ini kerana mengimani bahawa Muhammad SAW adalah seorang nabi dan rasul, bererti menerima bulat-bulat segala yang dibawa dan disampaikan oleh Baginda SAW.<sup>49</sup>

Jum'ah Amin menjelaskan bahawa dengan memuliakan pihak yang memerintahkan, iaitu Allah SWT, maka hendaklah juga pada memuliakan penyampai atau mubalighnya, iaitu Rasulullah SAW.<sup>50</sup>

Pengakuan bahawasanya Nabi SAW adalah seorang pengutus daripada Allah SWT bukan sahaja terdapat dalam al-Quran, bahkan ianya juga diakui oleh beberapa sumber yang datangnya dari orang yang bukan Islam sendiri sepetimana yang telah diterangkan.

#### **2.4.3 Reaksi Masyarakat Arab Ketika Pengutusan Nabi SAW**

Dalam kajian ini, didapati bahawa dakwah Nabi SAW dalam tiga tahun yang pertama ini tidak mendapat tentangan dan tuduhan daripada masyarakat Arab pada masa itu. Ini adalah kerana dalam sangkaan masyarakat Arab itu, seruan yang dibawa oleh Muhammad bin Abdullah itu tidak akan jauh berbeza sebagaimana yang telah dialami pendeta-pendeta dan hukama-hukama yang terdahulu. Jikalau mereka terdengar berita tentang seruan dakwah yang dilakukan oleh Nabi SAW yang waktu itu masih menggunakan pendekatan diam-diam (rahsia), mereka tidak terpengaruh dengan apa yang mereka dengar.<sup>51</sup>

---

<sup>49</sup> *Ibid.*, h. 33.

<sup>50</sup> Jum'ah Amin 'Abd al-'Aziz, *op.cit.*, h. 170.

<sup>51</sup> H. Zainal Arifin Abbas (1969), *Sejarah Dan Perjuangan Nabi Muhammad*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, h. 250.

Orang-orang Quraisy tidak menaruh perhatian terhadap dakwah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Mereka menganggap bahawa Muhammad SAW adalah salah seorang daripada pemeluk agama yang selalu berbicara tentang ketuhanan dan hak-haknya.<sup>52</sup>

Muhammad Ibn Ishāq mengatakan bahawa ketika Rasulullah SAW mula melakukan dakwah kepada orang-orang Quraisy, mereka tidak menghindar ataupun mengganggu apa yang dilakukan oleh Nabi SAW.<sup>53</sup>

Berdasarkan daripada keterangan-keterangan di atas, ternyata bahawa dakwah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW pada peringkat permulaan selama tiga tahun tidak mendapat tuduhan dan tentangan daripada masyarakat Arab pada masa itu. Ini adalah kerana pada umumnya, mereka beranggapan bahawa seruan yang dibawa oleh Rasulullah SAW itu merupakan satu gerakan sementara dan akan lenyap dengan sendirinya.

#### 2.4.4 Kandungan

Faktor pertama yang menjadi tarikan dalam dakwah ialah isi dakwah. Isi dakwah dalam bahasa Arab ialah *mawdū‘ al-da‘wah*. Ia bermaksud ajaran Islam itu sendiri yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW sebagaimana yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah.<sup>54</sup>

‘Abd Allāh Nāsih ‘Ulwān menyatakan bahawa pendakwah seharusnya mengaitkan isi dakwah dengan suasana realiti sasaran. Isi dakwah dan masalah yang perlu untuk ditangani serta pemikiran yang hendak didakwah kepada sasaran tidak

<sup>52</sup> Muhammad al-Ghazālī, *op.cit.*, h. 45.

<sup>53</sup> Muhammad Ibn Ishāq (2002), *Sirah Ibn Ishaq: Buku Tertua Tentang Sejarah Nabi Muhammad*. Dewi Candraningrum (terj.) Surakarta: Muhammadiyah University Press, h. 176.

<sup>54</sup> ‘Abd al-Karim Zaydān, *op.cit.*, h. 7.

akan mendapat kesan yang baik jika pendakwah tidak mengetahui pemikiran sasaran yang hendak didakwah. Begitu juga jika pemilihan isi dakwah tidak sesuai dengan realiti pemikiran dan kehidupan sasaran, ianya tidak akan memberi kesan yang baik.<sup>55</sup>

Mohd Amin Abdul Rahim menjelaskan bahawa pemilihan isi dakwah merupakan salah satu faktor bagi kejayaan kegiatan dakwah. Hanya dengan pemilihan isi dakwah yang tepat dan betul, kegiatan tersebut akan berjaya.<sup>56</sup>

Muhammad al-Ghazālī menyebutkan bahawa isu yang menduduki tempat pertama ketika Rasulullah SAW memulakan seruannya ialah mengesakan Allah SWT (tauhid) secara mutlak.<sup>57</sup>

Pada peringkat permulaan ini juga, Baginda SAW menyeru keluarga dan sahabat-sahabatnya yang paling karib kepada pokok-pokok ajaran Islam seperti yang disebutkan di dalam ayat-ayat al-Quran setakat yang telah diterimanya, iaitu menyeru pada kewujudan Allah dan meninggalkan pemujaan berhala.<sup>58</sup>

Ketika Rasulullah SAW memulakan dakwah sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT, beliau mengajak manusia supaya sujud dan sembah kepada Allah SWT, seterusnya meninggalkan amalan pemujaan berhala dan patung-patung.<sup>59</sup>

Dakwah yang disampaikan oleh Nabi SAW disesuaikan dengan keadaan masyarakat pada ketika itu, iaitu dengan memberi beberapa pendedahan berhubung

<sup>55</sup> Abd Allāh Nāsih ‘Ulwān (1985), *Kayfa Yad‘ū al-Dā‘īyah*. Riyāḍ: Dār al-Salām, h. 111.

<sup>56</sup> Mohd Amin Abdul Rahim (2001), *Panduan Pendakwah Secara Praktikal*. Kuala Lumpur: Darul Fikir, h. 57.

<sup>57</sup> Muhammad al-Ghazālī, *op.cit*, h. 78.

<sup>58</sup> Mohd Mokhtar Shafii (1998), *Sebelum Dan Sesudah Wahyu*, c. 2. Kuala Lumpur: Penerbitan ELMAN, h. 123.

<sup>59</sup> H.M.H. al-Ḥamīd al-Ḥusaynī, *op.cit.*, h. 291.

dengan asas agama. Pembinaan asas akidah adalah penting bagi mengubah corak kehidupan sesebuah masyarakat dengan segala peraturan yang dilakukan di luar kebiasaan kehidupan seharian.<sup>60</sup>

Dr Mahdi Rizqu Allāh Alhmad menerangkan bahawa pada peringkat permulaan dakwah Nabi SAW, Baginda SAW memulakan dakwah dengan mengajak manusia untuk mengesakan Allah SWT dan membersihkan unsur-unsur kemosyikan.<sup>61</sup> Contohnya ialah firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ ۝ قُمْ فَأَنذِرْ ۝ وَرَبِّكَ فَكِبِّرْ ۝ وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ ۝  
وَالْرُّجْزَ فَاهْجُرْ ۝ وَلَا تَمْنُنْ تَسْتَكْثِرْ ۝ وَلِرَبِّكَ فَاصْبِرْ ۝

“Wahai orang yang berselimut! Bangunlah, lalu berilah peringatan! Serta agungkanlah Tuhanmu, dan bersihkanlah pakaianmu, dan tinggalkanlah segala perbuatan yang keji. Janganlah engkau memberi dengan maksud memperoleh balasan yang lebih banyak. Serta bersabarlah kerana Tuhanmu”.

Surah al-Muddatḥir (74) : 1-7

Berkata Ibn Kathīr maksud ayat (وَرَبِّكَ فَكِبِّرْ) ialah mengagungkan dan mengesakan Allah SWT. Maksud ayat (وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ) ialah membersihkan diri daripada maksiat dan dosa.<sup>62</sup>

Dr. Wahbah al-Zuhailī pula menafsirkan maksud ayat (وَرَبِّكَ فَكِبِّرْ) ialah mengagungkan Allah SWT dalam ibadat, dalam perkataan dan segala hal-ehwal.

<sup>60</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2005), *op.cit.*, h. 48.

<sup>61</sup> Dr Mahdi Rizq Allāh Alhmad (1996), *al-Sīrah al-Nabawiyah*. Riyāḍ : Dār al-Salām, h. 156.

<sup>62</sup> ‘Imād al-Dīn Ismā‘il Ibn Kathīr (1997), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīz*, jil. 4. Bīrūt: Dār al-Ma‘rifah, h. 470.

Maksud ayat (وَالرُّجُزْ فَأَنْجُزْ) ialah meninggalkan berhala dan penyembahan yang lain, melainkan menyembah pada Allah SWT.<sup>63</sup>

Pada peringkat pertama dakwah Nabi SAW ini, Rasulullah SAW telah menyeru keluarga dan sahabat-sahabat Baginda SAW kepada pokok agama Islam yang disebutkan dalam ayat-ayat di atas, iaitu percaya kepada adanya Allah SWT dan meninggalkan pemujaan berhala.<sup>64</sup>

Surah-surah al-Quran yang turun di Mekah menjelaskan masalah-masalah yang berkaitan dengan akidah serta amalan yang diwajibkan oleh Allah SWT kepada hamba-hambanya. Ini telah dipesankan oleh Rasulnya supaya dilestarikan pelaksanaan dan pengembangannya. Isu dakwah yang disampaikan pada masa waktu itu ialah mengesakan Allah SWT secara mutlak, iman kepada hari akhirat, penyucian jiwa dan menjaga eksistensi masyarakat Islam.<sup>65</sup>

Pada permulaan dakwah, Nabi SAW menyeru ahli keluarga dan teman-teman yang rapat dengan Baginda SAW supaya beriman kepada Allah SWT dan Rasulnya serta meninggalkan amalan menyembah berhala dan mengajak mereka melakukan kebaikan dan kebijakan serta meninggalkan yang mungkar seperti berjudi, minum arak, menipu, merompak, berzina dan membunuh anak.<sup>66</sup>

Pada awal-awal masa Islam ini, belum dikenalkan kepada masyarakat Arab berbagai jenis ibadah, perintah dan amalan-amalan yang lain. Wahyu hanyalah

---

<sup>63</sup> Dr. Wahbah al-Zuhaylī, *op.cit.*, jil. 29, h. 220.

<sup>64</sup> Prof Dr Ahmad Shalabi (1975), *Sejarah Dan Kebudayaan Islam*, jil 1. Prof Muchtar Jahja (terj.), c. 2, Singapura: Pustaka Nasional, h. 120.

<sup>65</sup> Muḥammad al-Ghazālī, *op.cit.*, h. 73-74.

<sup>66</sup> Mahayudin Hj. Yahaya (1993), *Sirah Nabi Muhammad SAW*. Selangor Darul Ehsan: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 102.

menjelaskan kepada mereka tentang berbagai jenis masalah tauhid (mengesakan Allah SWT) dan mendorong mereka untuk menyucikan jiwa.<sup>67</sup>

Tauhid, iaitu mengesakan Allah SWT, merupakan persoalan pertama yang disentuh oleh Rasulullah SAW di mana beliau sendiri membuat seruan kepada tauhid dalam khutbahnya yang pertama kepada ahli keluarganya sendiri.<sup>68</sup>

Mengikut H. Zainal Arifin Abbas, pokok pengajaran yang disampaikan oleh Rasulullah SAW ketika dakwah permulaan ini ialah membangunkan pengetahuan dan menegakkan kepercayaan dalam hati manusia bahawa di dalam seluruh alam ini tidak ada sekutu bagi Allah SWT, tidak ada yang dapat memberi syafaat dan tidak ada perantara antara Allah SWT dengan hamba-hambaNya kerana dalam soal menyembah dan mematuhi Allah SWT, setiap manusia harus berhubungan langsung dengan Allah SWT.<sup>69</sup>

Pada awal-awal masa Islam ini, belum dikenalkan kepada sasaran dakwah Baginda SAW tentang berbagai jenis ibadah, perintah dan amalan-amalan yang lain. Wahyu hanyalah menjelaskan kepada mereka tentang berbagai jenis masalah tauhid (mengesakan Allah SWT) dan mendorong mereka untuk menyucikan jiwa.<sup>70</sup>

Berdasarkan kepada fakta-fakta yang disebut, dapat disimpulkan bahawa kaedah berdakwah yang berjaya mestilah berdasarkan keupayaan mengenal pasti keperluan sasaran. Zaydān telah menjelaskan bahawa dakwah yang berjaya mestilah

---

<sup>67</sup> Safīyu al-Rahmān al-Mubārakfūrī, *op.cit.*, h. 89.

<sup>68</sup> Munīr Muḥammad al-Ghabān, *op.cit*, h. 45.

<sup>69</sup> H. Zainal Arifin Abbas, *op.cit*, h. 276-278.

<sup>70</sup> Safīyu al-Rahmān al-Mubārakfūrī (1976), *op.cit.*, h. 89.

berdasarkan keupayaan mengenal pasti penyakit sasaran dakwah dan mengetahui ubat yang diperlukan serta memastikan ubat ini adalah betul.<sup>71</sup>

Isi dan kandungan dakwah sangat luas dan ia mencakupi keseluruhan Islam itu sendiri, yang di dalamnya terdapat bermacam-macam bahagian dan sudut. Sasaran dakwah juga bermacam-macam keadaan. Maka antara isi dengan sasaran perlu disesuaikan. Dari sini bermula metode pada isi, iaitu kesesuaian isi dengan sasaran.<sup>72</sup>

Pendekatan isi dakwah al-Quran dimulai dengan mengemukakan isu-isu akidah. Selepas itu diterangkan pula tentang hukum-hukum syarak satu-persatu.

Dalam hal ini, ‘Ā’ishah (ra) menjelaskan :

إِنَّمَا نَزَّلَ مَا نَزَّلَ أَوْلَ مِنْهُ سُورَةً مِنْ الْمُفَصَّلِ فِيهَا ذِكْرُ الْجَنَّةِ وَالنَّارِ، حَتَّىٰ إِذَا ثَابَ

النَّاسُ إِلَى الْإِسْلَامِ نَزَّلَ الْحَلَالَ وَالْحَرَامَ ، وَ لَوْ نَزَّلَ أَوْلَ شَيْءًا لَا تَشْرِبُوا الْخَمْرَ

لَقَالُوكُمْ لَا نَدْعُ الْخَمْرَ أَبْدًا ، وَ لَوْ نَزَّلَ لَا تَرْزُنُوكُمْ لَقَالُوكُمْ لَا نَدْعُ الزِّنَا أَبْدًا

“Sesungguhnya yang pertama kali turun dari al-Quran ialah surah Mufassal, yang berhubung dengan syurga dan neraka. Selepas seseorang itu teguh dengan Islam, turunlah ayat-ayat yang menerangkan tentang perkara-perkara yang halal dan perkara-perkara yang haram. Seandainya yang mula-mula diturunkan dari al-Quran berhubung dengan tegahan meminum arak, mereka akan berkata: Kami tidak akan meninggalkan arak sampai bila-bila pun. Kalaulah yang mula-mula diturunkan melarang tentang zina, mereka akan berkata : Kami tidak akan meninggalkan zina sampai bila-bila pun”.<sup>73</sup>

<sup>71</sup> ‘Abd al-Karīm Zaydān, *op.cit.*, h. 421.

<sup>72</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2005), *op.cit.*, h. 83.

<sup>73</sup> Muḥammad b. Ismā‘il Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī (2000), *Sahīh al-Bukhārī*, “Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān bāb Ta'līf al-Qur'ān”, no. hadis 4993, al-Riyāḍ: Dār al-Salām, h. 433.

Hadis di atas menjelaskan bahawa isi dakwah yang dikemukakan kepada sasaran mengikut bahagian-bahagian tertentu dimulakan dengan akidah dan selepas itu diikuti dengan penjelasan hukum satu persatu. Kalau tidak berbuat demikian, Islam amat sukar untuk diterima oleh sasarannya.<sup>74</sup>

Sebagai kesimpulan, isi dakwah hendaklah disesuaikan dengan keperluan dan keadaan sasaran. Ini telah dibuktikan oleh Nabi SAW apabila isi dakwah yang disampaikan menekankan isu akidah kerana ia amat penting dan sangat diperlukan pada masa itu. Ia umpsama penyakit yang memerlukan ubat dengan segera. Dengan demikian, pemilihan isi yang sesuai berdasarkan anutan dan pegangan hidup pada masa itu serta kesesuaianya dengan peringkat sasaran, masalah dan penyakit sasaran merupakan metodologi utama. Ini telah memainkan peranan yang penting pada permulaan dakwah Nabi SAW.

#### **2.4.5 Persembahan Isi**

Persembahan isi dakwah merupakan antara salah satu faktor yang dapat menarik dan memikat jiwa sasaran. Ia juga merupakan faktor untuk menjayakan dakwah. Sebaliknya, kalau persembahan isi dakwah yang baik dan sesuai dengan keadaan sasaran, maka mereka tidak akan tertarik dan sukar menerima ajaran Islam. Bahkan akan menjemukan sasaran dan tidak menghayati apa yang disampaikan.

Pendekatan gaya penyampaian isi dakwah di sini memberi erti uslub dakwah sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Sayyid Nawfal yang memberi maksud

---

<sup>74</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2005), *op.cit.*, h. 90.

menyampaikan pengertian, pemikiran dan asas hukum-hukum (mesej dakwah) dengan ibarat dan bentuk yang tertentu.<sup>75</sup>

Menurut Ab. Aziz bin Mohd. Zin, gaya persembahan isi dakwah ialah bentuk sesuatu isi atau mesej yang dipersembahkan kepada sasaran. Isi dakwah yang terdiri daripada akidah, syariah dan akhlak boleh dikemukakan kepada sasaran dengan berbagai-bagai gaya persembahan.<sup>76</sup>

‘Abd Allāh Nāsih ‘Ulwān menyatakan uslub dakwah ialah *targhib* dan *tarhib* (menggalakkan dan menakutkan), cerita, perumpamaan, peringatan dengan janji baik dan janji buruk, menunjuk kepada perkara yang lebih penting, gurau senda, dialog, soal jawab, mengambil peluang dari sesuatu keadaan dan mengajar melalui perbuatan.<sup>77</sup>

Seruan untuk berbuat kebaikan, melaksanakan ketaatan dan beristiqamah di atas perintah Allah adalah amal soleh yang sangat ditekankan dalam al-Quran dan sunnah. Semua ini didahului dengan kepastian khabar gembira dan balasan baik di dunia dan di akhirat. Oleh itu, setiap dai sepatutnya memahami keadaan sasaran dakwahnya.<sup>78</sup>

Rasulullah SAW memulakan dakwah Baginda SAW berpandukan firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ قُمْ فَأَنذِرْ وَرِبَّكَ فَكِيرْ وَثِيَابَكَ فَطَهَرْ  
وَأَرْجَزْ فَاهْجُرْ وَلَا تَمْنُنْ تَسْتَكْبِرْ وَلِرِبَّكَ فَاصْبِرْ

<sup>75</sup> Abū al-Majd al-Sayyid Nawfal, *op.cit.*, h. 189.

<sup>76</sup> Ab. Aziz bin Mohd. Zin (2004), *op.cit.*, h. 69.

<sup>77</sup> ‘Abd Allāh Nāsih ‘Ulwān, *op.cit.*, h. 117-133.

<sup>78</sup> Jum‘ah Amin ‘Abd al-‘Aziz, *op.cit.*, h. 209.

“Wahai orang yang berselimut! Bangunlah, lalu berilah peringatan! Serta agungkanlah Tuhanmu, dan bersihkanlah pakaianmu, dan tinggalkanlah segala perbuatan yang keji. Janganlah engkau memberi dengan maksud memperoleh balasan yang lebih banyak. Serta bersabarlah kerana Tuhanmu”.

Surah al-Muddathir (74) : 1-7

Dr. Wahbah al-Zuhailī menafsirkan ayat (فَأَنذِرْ) ialah bangun dan serta berilah peringatan yang menakutkan kepada penduduk Mekah, serta ajukan kepada mereka bahawa mereka akan ditimpa azab sekiranya tidak memeluk agama Islam.<sup>79</sup> Imam al-Shawkānī juga menafsirkan sedemikian.<sup>80</sup>

Prof Dr Hamka menafsirkan ayat (فَأَنذِرْ) ialah “bangunlah dan mulailah lancarkan tugas yang dipikulkan ke atas dirimu. Sejak ini engkau tidak dapat berdiam diri lagi. Jalan sudah terentang di hadapanmu, lalu peringatkanlah! Sampaikanlah peringatan itu kepada kaum engkau”.<sup>81</sup>

Rasulullah SAW lebih banyak menggunakan kaedah *inzār* ketika berdakwah disebabkan beberapa faktor, antaranya ialah golongan manusia yang dihadapi oleh Baginda SAW sudah memiliki keimanan dasar. Mereka mengakui kekuasaan Allah SWT, cuma mereka menyekutukan-Nya dalam ibadat mereka dan orang yang memerlukan *inzār* lebih banyak dari golongan yang memerlukan kepada *tabshīr*.<sup>82</sup>

<sup>79</sup> Dr. Wahbah al-Zuhaylī, *op.cit.*, jil. 29, h. 220.

<sup>80</sup> Muḥammad Ibn ‘Alī Ibn Muḥammad al-Shawkānī (1996), *Fatḥ al-Qadīr*. Bīrūt: al-Maktabah al-‘Asriyyah, h. 402.

<sup>81</sup> Prof. Dr. Hamka (1988), *Tafsir Al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, h. 7723.

<sup>82</sup> Ali Mustafa Yuqub (1997), *Sejarah Dan Metode Dakwah Nabi*. Jakarta: Pustaka Firdaus, h. 49.

Dalam peringkat permulaan ini, Rasulullah SAW menggunakan metode *inzār* kepada sasaran dakwahnya supaya menjunjung tinggi akan sekalian perintah Allah SWT di samping uslub *tarhib* dan *targhib*.<sup>83</sup>

Sesuai dengan firman Allah yang terdapat dalam ayat kedua dalam surah al-Muddathir, Rasulullah SAW lebih banyak menggunakan kaedah *inzār* ketika berdakwah. Kaum Arab pada masa itu tiada mengingkari adanya Tuhan Maha Tinggi, bahkan mengakui kewujudan Allah SWT. Mereka mempercayai yang Allah itu pencipta dan pemberi rezeki kepada segala sesuatu. Namun, mereka menjadikan berhala yang mereka sembah itu sebagai perantara dengan Allah SWT. Mereka bermaksud beribadat kepadanya supaya mereka mendekatkan diri kepada Allah SWT.

*Inzār* bukan sahaja sekadar memberi amaran. Dalam masa yang sama juga, peringatan diberi kepada sasaran dakwah bahawa segala nikmat yang ada akan dirampas jika mereka tidak menerima atau jika mereka mengkufuri Allah SWT. Ketiadaan nikmat ini bererti mereka akan menerima kesengsaraan.<sup>84</sup> Antara ayat al-Quran yang menggunakan cara ini adalah seperti firman Allah SWT:

لَا يَأْكُفِ قُرَيْشٌ إِلَّا لَفِيهِمْ رِحْلَةُ الْشِتَّاءِ وَالصَّيفِ فَلَيَعْبُدُوا رَبَّهُمْ هَذَا أَلْبَيْتُ الَّذِي أَطْعَمَهُم مِّنْ جُوعٍ وَآمَنَهُم مِّنْ حَوْفٍ

<sup>83</sup> Hj Zainal Arifin Abbas, *op.cit.*, h. 218.

<sup>84</sup> Dr ‘Abd al-Karīm Zaydān, *Usūl al-Da‘wah*, *op.cit.*, h. 431.

*“Untuk melindung kaum Quraisy. Melindung mereka selama musim dingin dan musim panas. Hendaklah mereka menyembah Tuhan rumah ini. Tuhan yang memberikan makanan kepada mereka untuk menahan lapar dan menenteramkan mereka dari ketakutan”.*

Surah Quraisy (106): 1-4

Rasulullah SAW mengambil pendekatan dengan cara memberi khabar gembira kepada sesiapa yang menerima dakwahnya bahawasanya mereka akan mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Jiwa manusia suka kepada kejayaan lebih-lebih lagi jika ia nampak di hadapan mata mereka. Inilah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW kepada pemimpin Quraisy yang datang menemuinya di rumah Abu Talib. Baginda SAW mengatakan jika mereka menerima dakwahnya semua kabilah dan bukan hanya kabilah Arab sahaja akan dapat dikuasai dan berpihak kepada mereka.<sup>85</sup>

Persembahan isi kandungan dakwah melalui rangsangan ini juga sangat sesuai dengan sasaran, kerana ia boleh meninggalkan kesan yang baik, sama ada untuk melakukan kebaikan atau menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang dilarang.<sup>86</sup>

Pada masa yang sama juga, dakwah yang dijalankan oleh Nabi SAW dilakukan secara lemah lembut dan penuh hikmah sebagaimana yang disebut dalam ayat 125 surah an-Nahl.

Mahayudin Hj Yahaya menyebutkan bahawa dakwah yang dilaksanakan pada peringkat permulaan ini dijalankan oleh Nabi SAW adalah secara lemah

---

<sup>85</sup> Ibn al-Athir, al-Jazari Abū al-Sādat al-Mubārak bin Muḥammad (1986), *al-Kamil fī al-Tarīkh*, jil. 3. Birūt: Dar al-Fikr, h. 63.

<sup>86</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2005), *op.cit*, h. 164.

lembut dan penuh hikmah. Ini yang dilakukan oleh Nabi SAW sebagaimana selaras dengan firman Allah SWT:<sup>87</sup>

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالْقِيَ هَيْ  
أَحَسْنُ ۝ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۝ وَهُوَ أَعْلَمُ  
بِالْمُهَتَّدِينَ ۝

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk”.

Surah al-Nahl (16): 125

Memberi contoh teladan yang baik juga merupakan uslub dakwah yang berjaya. Melalui contoh teladan yang baik, ia lebih senang bagi sasaran melihat dan mengikuti sesuatu amalan.<sup>88</sup> Menurut Muḥammad Sa‘id Ramaḍān al-Būtī, selama empat puluh tahun Rasulullah SAW hidup bersama orang-orang Quraisy dan mereka melihat sendiri akhlaknya yang mulia semenjak kecil lagi.<sup>89</sup>

Selanjutnya, memberi contoh teladan yang baik juga merupakan salah satu uslub dakwah yang mudah menarik perhatian sasaran. Apa yang dianjurkan Rasulullah SAW kepada sekalian kaumnya, adalah Baginda SAW sendiri melakukannya dan mana-mana sifat yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW kepada

<sup>87</sup> Mahayudin Hj. Yahaya (1993), *Sirah Nabi Muhammad SAW (Zaman Mekah)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 102.

<sup>88</sup> Ab. Aziz bin Mohd Z in (2005) *op.cit.*, h. 164.

<sup>89</sup> Muḥammad Sa‘id Ramaḍān al-Būtī, *op.cit.*, h. 54.

kaumnya, Baginda SAW sendiri yang lebih dahulu mempunyai sifat tersebut.

Dengan demikian, Rasulullah SAW melengkapkan antara teori dan praktikal.<sup>90</sup>

Semasa dakwah di peringkat permulaan ini, peribadi Nabi SAW yang menarik dan ajakannya yang menawan hati itu menyebabkan orang-orang yang mempercayainya terus menerima seruan dakwah.<sup>91</sup>

Kesimpulannya, Nabi SAW telah menggunakan beberapa uslub khas semasa Baginda SAW memulakan tugas berdakwah pada peringkat permulaan. Walaupun terdapat banyak uslub semasa menjalankan tugas dakwah, Nabi SAW hanya menggunakan uslub yang tertentu kerana dakwah pada masa itu dijalankan secara rahsia. Di antara uslub yang digunakan oleh Nabi SAW ialah *tarhib* dan *targhib*, berlemah-lembut, memberi contoh dalam apa yang dibicarakan dan juga melakukan dakwah dengan hikmah.

#### 2.4.6 Media

Media bermaksud alat atau perantara komunikasi (perhubungan), seperti radio, televisyen dan akhbar.<sup>92</sup> Media dakwah bererti saluran dakwah atau saluran isi dakwah untuk disampaikan kepada sasaran. Ia juga disebut sebagai wasilah dakwah.<sup>93</sup>

---

<sup>90</sup> H. Zainal Arifin Abbas, *op.cit.*, h. 221.

<sup>91</sup> Mohd Mokhtar Shafii (1988), *Sebelum Dan Sesudah Wahyu*. Kuala Lumpur: Penerbitan ELMAN, h. 124.

<sup>92</sup> Noresah Bt Baharom, *op.cit*, h. 1011.

<sup>93</sup> Ab. Aziz bin Mohd. Zin (2003), *op.cit.*, h. 92.

Media dakwah juga merupakan jalan untuk menyambungkan penyampaian isi kepada sasaran. Ia terkandung dalam semua media yang berbeza seperti masjid, sekolah, kitab, perjalanan dan perkara yang berkaitan dengannya.<sup>94</sup>

Al-Qahtānī menyatakan bahawa media dakwah ialah alat yang dapat membantu pendakwah dalam menyampaikan dakwah.<sup>95</sup>

Ab. Aziz bin Mohd. Zin menjelaskan bahawa media dakwah hendaklah disesuaikan dengan sasarannya. Sebaliknya dakwah yang disampaikan melalui media yang tidak sesuai dengan sasaran akan mengurangi daya tarikan dan pengaruhnya, bahkan langsung tidak memiliki daya tarikan sama sekali.<sup>96</sup>

Pada zaman Rasulullah SAW, Baginda SAW telah menggunakan media tulisan dan lisan untuk berdakwah.<sup>97</sup>

Media yang digunakan oleh Nabi SAW pada peringkat permulaan dakwah Baginda SAW lebih banyak kepada lisan dan tulisan. Al-Quran memainkan peranan yang amat penting di mana Nabi SAW mengajarkan al-Quran kepada para sahabatnya, menyuruh mereka menghafalnya dan menghuraikan maksud ayat-ayat. Nabi SAW mengumpulkan sahabat-sahabatnya yang telah memeluk Islam di rumah Ibn Abī al-Arqām dan mengajarkan setiap ayat al-Quran yang baru turun, menyuruh mereka menghafalnya sampai dapat, kemudian menghuraikan segala maksudnya dan jika ayat-ayat itu ayat yang perlu diamalkan.<sup>98</sup>

---

<sup>94</sup> Abū al-Majd al-Sayyid Nawfal, *op.cit.*, h.189.

<sup>95</sup> Sa‘id bin ‘Alī bin Wahab al-Qahtānī (2000), *al-Hikmah Fī al-Da‘wah ’Ilā Allāh Ta‘āla*. Riyāḍ: Maktabah al-Mālik Fahad al-Wataniyyah, h. 126.

<sup>96</sup> Ab. Aziz bin Mohd. Zin (2005), *op.cit.*, h. 183.

<sup>97</sup> Abdul Munir Haji Ismail (1989), “Melaksanakan Tugas Yang Mulia”. *Dakwah Jalan Hidup Sejahtera*. Kuala Lumpur: Penerbitan YADIM, Bil 148, Julai 1989, h. 40.

<sup>98</sup> H. Zainal Ariffin Abbas, *op.cit.*, h. 259.

Pertemuan harian yang berlangsung secara rutin di rumah Ibn Abī al-Arqām telah berhasil mengubah keadaan manusia. Jiwa-jiwa itu berinteraksi dengan wahyu yang diturunkan sehingga menjadikannya sebagai manusia baru yang berbeza sekali dari sebelumnya.<sup>99</sup>

Beberapa media yang digunakan pada masa jahiliah digunakan juga oleh Nabi SAW dalam menyalurkan dakwahnya. Antara media tersebut ialah syair dan khutbah.<sup>100</sup>

Nabi SAW menggunakan media-media yang sedia ada pada zamannya kerana saluran atau media itu tidaklah terlalu baik dan tidaklah terlalu buruk. Baik buruk sesuatu media ditentukan oleh matlamat, isi dan cara penggunaannya. Oleh yang demikian, Nabi SAW menggunakan sesetengah media yang sedia ada, di samping menambah beberapa media baru.<sup>101</sup>

Setiap rasul menggunakan saluran media masing-masing melalui apa sahaja yang ada pada zaman mereka. Oleh kerana masyarakat Arab pada zaman Nabi SAW masyhur dengan syair, maka di antara mukjizat Nabi SAW adalah dalam bentuk keindahan bahasa al-Quran.<sup>102</sup>

Mannā‘ Khalīl al-Qattān menjelaskan bahawa kemukjizatan al-Quran terdapat dalam susunan bunyi yang indah melalui nada huruf-hurufnya ketika mendengar harakat dan *sukun*-nya, *mad* dan *ghunnah*-nya, *fāsilah* dan *maqta*'-nya,

<sup>99</sup> Munīr Muhammad al-Ghabān, *op.cit*, h. 50.

<sup>100</sup> Dr. Muhyuddin ‘Abd al-Halīm, (1980), *al-I‘lām al-Islāmī wa Tatgiqatuhu al-‘Amaliyyah*. Miṣr: al-Khanājī, h. 148-150.

<sup>101</sup> Ab. Aziz bin Mohd. Zin (2003), *op.cit*, h. 94.

<sup>102</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2005), *op.cit.*, h. 186.

sehingga telinga tidak pernah merasa bosan, bahkan ingin senantiasa terus mendengarnya.<sup>103</sup>

#### 2.4.7 Strategi

Strategi bermaksud, ilmu tentang cara-cara merancang dan melaksanakan tindak-tanduk peperangan, ilmu siasat perang. Ia juga diertikan sebagai rancangan yang teratur (yang memperhitungkan berbagai faktor) untuk mencapai matlamat atau kejayaan.<sup>104</sup>

Oleh kerana dakwah adalah satu tanggungjawab yang besar ke atas setiap orang Islam dan merupakan usaha yang rumit dan berpanjangan, maka ia hendaklah dilakukan berdasarkan satu perancangan gerak kerja dan strategi peringkat demi peringkat.<sup>105</sup>

Sudah sedia maklum bahawa Mekah adalah markas bagi agama orang-orang Arab, tempat pelayan-pelayan Kaabah, pengurus berhala-berhala yang disucikan oleh seluruh orang Arab, sehingga untuk melakukan kebaikan di sana menjadi begitu sukar dan memerlukan tekad yang kuat supaya tidak goyah oleh berbagai musibah dan bencana. Untuk menghadapi hal tersebut, pada tahap permulaan, dakwah dilakukan secara rahsia, agar penduduk Mekah tidak dikejutkan oleh perkara-perkara yang boleh membangkitkan kemarahan masyarakat Mekah pada masa itu.<sup>106</sup>

Ketika Rasulullah SAW memulakan dakwah, Baginda SAW melakukannya secara rahsia kerana bimbang berlaku kejutan di kalangan orang-orang Arab

---

<sup>103</sup> Mannā‘ al-Qattān (1998), *Mabāhis fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, c. 35. Bīrūt: Muassasah al-Risālah, h. 240.

<sup>104</sup> Noresah Bt Baharom, *op.cit.* h. 1525.

<sup>105</sup> Ab. Aziz bin Mohd. Zin (2003), *op.cit.*, h. 96.

<sup>106</sup> Safiyu al-Rahmān al-Mubārakfūri, *op.cit.*, h. 87.

sehingga menjadikan mereka sukar untuk menerimanya. Rasulullah SAW hanya menyeru orang-orang yang dipercayainya sahaja.<sup>107</sup>

Pada peringkat permulaan ini juga, dakwah hanya dilakukan berdasarkan pilihan peribadi-peribadi dai tentang karakteristik sasaran dakwah.<sup>108</sup>

Di samping keluarga terdekat, Nabi SAW mendahulukan dakwah kepada golongan yang hanya ada tanda-tanda akan menerima Islam dan yang berpontensi dalam dakwah. Mereka itu seperti Abū Bakar dan ‘Umar al-Khattāb.<sup>109</sup>

Perjumpaan secara individu sering dilakukan oleh Rasulullah SAW. Kaedah yang digunakan ini dapat memberi kefahaman sepenuhnya kepada seseorang kerana ia berpeluang bertanya sesuatu yang menjadi kekeliruan kepadanya. Pendekatan individu ini tidak menimbulkan kejutan kepada masyarakat Arab dan ia memudahkan kerja dakwah Rasulullah SAW.<sup>110</sup>

Rumah Ibn Abī al-Arqām telah dipilih untuk mengendalikan dakwah cara sembunyi. Melalui cara ini, pihak musuh tidak dapat mengesan perkembangan dakwah. Pihak musuh hanya sedar tentang perkembangan dakwah setelah ia agak kuat dengan bilangan pengikut yang ramai yang berjaya diislamkan.<sup>111</sup>

Prof Dr. Muhammad Amahzun menjelaskan di antara manfaat dakwah dilakukan secara sembunyi-sembunyi agar dapat mengintai setiap gerak-geri musuh-musuh dakwah, sehingga jemaah muslim dapat cepat-cepat mengambil tindakan

---

<sup>107</sup> Ustaz Johari Yaman (2005), *Mengenal Rasulullah SAW*, c. 2. Kuala Lumpur: Penerbitan Nadi Minda, h. 89-90.

<sup>108</sup> Munīr Muḥammad al-Ghabān, *op.cit.*, h. 21.

<sup>109</sup> Adām ‘Abd Allāh al-Alūrī, (1989), *Tarīkh al-Da‘wah al-Islamiyyah bayna al-Ams ila al-Yaum Qāherah*: Maktabah Wahbah, h. 145.

<sup>110</sup> Ali Mustafa Yaqub (1997), *Sejarah dan Metode Dakwah Nabi*. Jakarta: Pustaka Firdaus, h. 126.

<sup>111</sup> Dr. Muṣṭafā al-Sibā‘ī (t.t.), *al-Sīrah al-Nabawiyyah Durūs wa ‘Ibar*. Bīrūt: al-Maktabah al-Islāmī, h. 47-49.

yang tepat untuk menghindari dan menggagalkan ancaman atau bahaya yang akan diperlakukan oleh orang-orang musyrik.<sup>112</sup>

Kesimpulannya, Rasulullah SAW telah memulakan dakwah Baginda SAW secara rahsia agar tidak mengejutkan penduduk Mekah dengan perkara yang boleh membangkitkan kemarahan mereka. Dengan demikian, Rasulullah SAW hanya menyeru orang-orang yang dipercayai sahaja. Ini merangkumi keluarga dan juga golongan yang ada tanda-tanda akan menerima Islam dan yang berpontensi dalam dakwah. Perjumpaan individu sering dilakukan dalam peringkat permulaan ini dan rumah Ibn Abī al-Arqām telah dipilih untuk menjalankan aktiviti ini kerana kedudukan rumah beliau yang strategik.

Berdasarkan pada fakta-fakta yang disebut di atas, Rasullah SAW telah berusaha melakukan pelbagai pendekatan bagi menarik manusia kepada Allah SWT. Usaha yang dijalankan oleh Rasulullah SAW ini adalah jalan yang seharusnya diikuti oleh setiap pendakwah memandangkan segala perbuatan Rasulullah SAW semuanya bersumberkan wahyu daripada Allah SWT. Kesimpulannya, metode dakwah Nabi SAW di peringkat awal selama tiga tahun di Mekah tertumpu kepada beberapa faktor utama.

Faktor-faktor yang dibentangkan dalam kajian ini ialah; yang pertama, pengakuan Nabi SAW sebagai utusan Allah SWT. Kedua, kandungan dakwah yang menumpukan persoalan akidah kerana itulah yang diperlukan oleh masyarakat Arab pada waktu itu. Ketiga, gaya penyampaian isi dakwah yang dikenali juga sebagai uslub. Keempat, media yang digunakan oleh Nabi SAW bersesuaian dengan

---

<sup>112</sup> Prof Dr. Muḥammad Amahzun (2002), *Manhaj Nabīyy fī Da‘wah min Khilālis Sirrah al-Ṣāḥīḥah : al-Ma‘rifah, al-Tarbiyyah, al-Thakhrīth, al-Tanzīh*. Anis Maftukhin, Nandang Burhanuddin Lc (terj.) Jakarta: Qisthi Press, h. 161.

keadaan masyarakat pada waktu itu. Kelima, strategi Nabi SAW dalam menyebarkan dakwah, seperti berahsia dan memilih orang-orang tertentu sebagai sasaran dakwah pada peringkat awal. Ini merupakan sebahagian daripada metodologi dakwah Nabi SAW bagi mengetengahkan ajaran Islam menurut kesesuaian pada peringkat permulaan dalam situasi yang selaras dengan keperluan semasa dan setempat.

## BAB TIGA

### DAKWAH DI SINGAPURA

#### 3.1 PENDAHULUAN

Kajian dalam bab ini adalah untuk mencapai objektif kedudukan institusi dakwah di Singapura dalam usaha menjalankan aktiviti dakwah terhadap masyarakat non-Muslim. Penulis telah menjalankan soal selidik untuk mengetahui keberkesanan kelas-kelas yang dihadiri oleh mereka yang cenderung memeluk Islam dan juga golongan yang baru memeluk Islam. Seramai 42 responden telah terlibat dalam soal selidik ini. Perincian metode soal selidik ini telah dibincangkan dalam bab pertama. Bab ini dimulakan dengan pengenalan tentang Singapura serta masyarakatnya yang berbilang bangsa dan kedudukan agama mereka. Bab ini juga akan membincangkan tentang keadaan ekonomi dan sosial Singapura. Metode kajian ini merupakan kajian kepustakaan dan lapangan sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab pertama.

Singapura adalah sebuah negara kecil di Asia Tenggara yang terletak di penghujung Semenanjung Malaysia. Ia terdiri dari sebuah pulau besar dan lebih kurang 60 buah pulau-pulau kecil. Singapura telah menjadi negara yang berdaulat pada tahun 1965 dengan Lee Kuan Yew sebagai Perdana Menteri dan Yusof Ishak sebagai Presiden pertamanya.<sup>1</sup> Konstitusi Republik Singapura menyatakan bahawa Singapura menjadi sebuah negara yang berdaulat dan dipanggil dengan Republik Singapura.<sup>2</sup> Saiz keluasan Singapura hanya 692.7 kilometer persegi dengan bilangan penduduk sebanyak 3,608,500 orang. Daripada jumlah tersebut 2,713,200 dari

---

<sup>1</sup> *Journey Through Singapore* (2003), National Library Board (Singapore). Singapura: Times Media Private Limited, h. 6.

<sup>2</sup> *The Constitution of the Republic of Singapore* (1965), Section 2(1)(d), Constitution (Amendment) Act 1965 (No. 8 of 1965) and the Republic of Singapore Independence Act 1965 (No. 9 of 1965).

penduduknya berbangsa Cina, 490,500 berbangsa Melayu, 319,100 berbangsa India dan 85,500 berbangsa lain.<sup>3</sup>

Singapura pula adalah sebuah negara yang memiliki sebuah pasaran ekonomi yang maju dan terbuka dengan GDP (Hasil Dalam Negeri Kasar) per kapita kelima tertinggi di dunia. Perkilangan serta perkhidmatan perniagaan kewangan wang merupakan jentera kembar ekonomi Singapura. Bidang eksport, perindustrian dan perkhidmatan juga merupakan aspek-aspek terpenting dalam ekonomi Singapura. Era globalisasi yang terjadi pada saat ini menyebabkan Singapura memberi lebih perhatian kepada usaha untuk menjadikan negara tersebut sebagai sebuah pusat kewangan dan teknologi di rantau Asia.<sup>4</sup>

Sebagai negara yang maju, Singapura mempunyai isu sosial yang kebanyakannya dipengaruhi dari negara barat. Isu globalisasi dan kemodenan juga mempunyai pengaruh terhadap isu sosial masyarakat Singapura. Kerajaan Singapura memainkan peranan yang besar untuk mengatasi sebarang isu sosial yang ada, baik dari sudut bangsa dan juga agama, memandangkan Singapura didiamai oleh masyarakat yang berbilang bangsa dan agama.<sup>5</sup> Isu-isu sosial yang penting seperti pendidikan, keluarga dan pekerjaan merupakan isu dan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat Singapura sekarang ini.<sup>6</sup>

Setiap bangsa mempunyai kepercayaan dan perayaan mereka yang tersendiri. Hubungan antara kaum dan agama sangat penting kerana ia menghasilkan keamanan

---

<sup>3</sup> *Singapore Yearbook 2007* (2007), Ministry of Information, Communications and the Arts, h. 34-35.

<sup>4</sup> <http://ms.wikipedia.org/wiki/Singapura>, 19 November 2008.

<sup>5</sup> [http://www.photius.com/countries/society/singapore\\_society\\_the\\_social\\_system](http://www.photius.com/countries/society/singapore_society_the_social_system), 14 September 2009.

<sup>6</sup> [http://www.mendaki.org.sg/content\\_files/sosial.htm](http://www.mendaki.org.sg/content_files/sosial.htm), 14 September 2009.

dan persefahaman melalui kepelbagaian amalan-amalan, budaya dan kepercayaan masyarakat.

### **3.2 KEDUDUKAN AGAMA DI SINGAPURA**

Banci terakhir yang setakat ini dijalankan pada tahun 2000 menunjukkan bahawa 14.9% daripada jumlah keseluruhan penduduk Singapura beragama Islam. Sementara penganut Buddha ialah sebanyak 42.5%, Kristian sebanyak 14.6%, Taoisme sebanyak 8.5%, Hindu sebanyak 4%, agama lain sebanyak 0.6% dan yang tidak beragama sebanyak 14.8%. Penganut agama Buddha daripada bangsa Cina adalah yang terbanyak peratusnya diikuti dengan penganut Kristian yang juga kebanyakannya daripada bangsa Cina.<sup>7</sup>

Singapura yang bersistemkan sekular tidak menghalang rakyatnya mengamalkan kepercayaan agama masing-masing selagi ianya tidak menyalahi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Dalam perkara Kebebasan Beragama akta 15(1) menyatakan bahawa setiap orang berhak mengamalkan agamanya dan menyebakannya.<sup>8</sup> Akta 15(3) pula memberi hak kepada setiap agama untuk menguruskan perkara agamanya, menubuhkan institusi untuk agama atau tujuan mengutip dana dan memiliki harta dan menguruskannya mengikut undang-undang.<sup>9</sup> Tetapi dalam kebebasan ini ada batasannya sebagaimana dinyatakan pada akta 15(4) bahawa ini tidak membolehkan sebarang laku yang bercanggah dengan undang-undang umum yang berkaitan dengan arahan umum, kesihatan umum dan moral.<sup>10</sup>

---

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> *The Constitution of the Republic of Singapore, op.cit.*, (1965), Part IV, Fundamental Liberties, (15) Freedom of Religion, Section 15(1).

<sup>9</sup> *Ibid.*, Section 15(3).

<sup>10</sup> *Ibid.*, Section 15(4).

### **3.3 MASYARAKAT SINGAPURA**

Dalam perbincangan ini, pengkaji akan menumpukan kajian terhadap tiga masyarakat utama di Singapura, iaitu masyarakat Melayu, Cina dan India. Aspek yang akan dibincangkan ialah agama, budaya dan kepercayaan mereka. Hasil daripada perbincangan ini akan memberikan maklumat tentang keadaan masyarakat Singapura masa kini dari sudut-sudut yang dinyatakan di atas. Ia juga dapat membantu usaha dakwah bagi mengenal pasti metode yang sesuai agar dapat diaplikasikan kepada mereka.

#### **3.3.1 Masyarakat Melayu**

Masyarakat Melayu merangkumi sebanyak 13.6% daripada jumlah penduduk tetap Singapura.<sup>11</sup> Sebahagian besar masyarakat Melayu di Singapura adalah golongan muslim yang bermazhab Shafii. Ada juga golongan kecil masyarakat Melayu yang beragama Kristian.

Bangsa Melayu mempunyai kedudukan yang istimewa. Dalam akta 152 dinyatakan bahawa ianya menjadi tanggungjawab kerajaan menjaga kepentingan bangsa dan agama yang minoriti di Singapura. Kerajaan hendaklah mengenal pasti kedudukan istimewa orang Melayu di mana mereka adalah penduduk asal Singapura dan dengan itu kerajaan hendaklah melindungi, memberi keamanan, menyokong dan mempromosi politik, pendidikan, agama, ekonomi, sosial dan kepentingan budaya dan bahasa Melayu.<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup> *Singapore Yearbook 2007, op.cit.*, h. 34.

<sup>12</sup> The Constitution of the Republic of Singapore, *op.cit.*, Section XIII, General Provisions, Minorities and Special Positions of Malays.

Contoh yang terbaik bagi mengetahui susunan rapat di antara agama dan bangsa adalah dari masyarakat Melayu. Ini adalah kerana 99.6% masyarakat Melayu beragama Islam. Bahkan Islam adalah kriteria asas bagi menentukan sama ada seseorang itu diklasifikasikan sebagai bangsa Melayu bagi urusan rasmi atau undang-undang. Tidak seperti agama lain, pengaruh Islam terhadap pengikutnya adalah tetap kerana tidak ada peruntukan dalam Islam bagi seorang Muslim untuk menukar kepada agama lain atau melucutkan keislaman seseorang itu. Dalam keadaan demikian, orang Melayu akan senantiasa dikenal pasti sebagai orang Islam.<sup>13</sup>

Budaya masyarakat Melayu di Singapura pada umumnya sama dengan kebudayaan masyarakat Melayu di Malaysia. Bahasa yang digunakan oleh masyarakat Melayu Singapura juga sama dengan mereka di Malaysia.<sup>14</sup>

Terdapat banyak pantang larang yang terkandung dalam masyarakat Melayu. Pantang larang ini merupakan satu disiplin lisan yang terkandung dan diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat Melayu. Kewujudan pantang larang khususnya dalam masyarakat Melayu berkait rapat dengan dua situasi yang terhasil daripada kejadian spontan dan memerlukan unsur-unsur pantang larang seperti jangan duduk atas bantal, nanti naik bisul atau jangan baring di kawasan lapang, nanti dilangkah helang. Kedua-dua unsur pantang larang ini dihasilkan untuk mendidik masyarakat khususnya kanak-kanak supaya mengamalkan gaya hidup sihat dan bersopan santun.<sup>15</sup>

---

<sup>13</sup> Saw Swee-Hock, (2007), *The Population of Singapore*, c. 2. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, h. 59.

<sup>14</sup> [http://en.wikipedia.org/wiki/Malays\\_in\\_Singapore](http://en.wikipedia.org/wiki/Malays_in_Singapore), 15 April 2008.

<sup>15</sup> Radio Singapura Internasional, <http://www.rsi.sg/malay/pusaka/view/20080227095530/1.html>, 23 Jun 2008.

Situasi yang kedua wujudnya pantang larang ialah akibat daripada kepercayaan karut masyarakat dahulu tentang sesuatu perkara atau kejadian. Contohnya tentang puaka, hantu dan sebagainya. Antara pantang larang yang terhasil daripada unsur ini ialah jika pulang lewat malam, hantu akan mengikut atau jika terhantuk di alang pintu semasa hendak keluar rumah jangan diteruskan kerana alamat sial mendatang.<sup>16</sup>

Selain daripada adat dan pantang larang yang diamalkan oleh masyarakat Melayu, elemen kepercayaan juga mempengaruhi kehidupan sebahagian daripada anggota masyarakat ini. Elemen-elemen kepercayaan tersebut adalah seperti kepercayaan kepada roh, semangat atau keramat yang membabitkan wali, pawang dan bomoh. Malah, sebahagian masyarakat Melayu dikatakan biasa dengan penggunaan “guna-guna”, tangkal dan pemujaan.<sup>17</sup> Walaupun pemujaan kepada keramat atau roh tertentu ditentang oleh ajaran Islam, tetapi ia masih diamalkan.

### **3.3.2 Masyarakat Cina**

Pada masa kini, 75.2% daripada penduduk Singapura berbangsa Cina atau hampir tiga dari empat rakyat Singapura berbangsa Cina. Mengikut bancian terakhir yang dikeluarkan pada tahun 2000, 42.5% rakyat Singapura yang berbangsa Cina mengakui bahawa mereka menganuti agama Buddha, 8.5% Taoisme, 14.6% Kristian dan 14.8% tidak beragama. Sebahagian besar orang Cina di Singapura mendaftarkan diri mereka sebagai penganut agama Buddha.<sup>18</sup>

---

<sup>16</sup> *Ibid.*

<sup>17</sup> Mohd Taib Osman (1983), “Unsur-unsur Islam Popular dalam Kepercayaan Orang Melayu”, dalam *Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia*, (ed Mohd Taib Osman & Wan Kadir Wan Yusuff), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 111.

<sup>18</sup> Singapore Census of Population 2000, Department of Statistics, Table 39.

Dari segi pencapaian masyarakat Cina dalam pekerjaan, kelas 1 (pengetua, profesional dan pekerja teknikal) di kalangan mereka dari 10.1% pada tahun 1970 kepada 10.0% pada tahun 1980, 29.8% pada tahun 1990 dan akhirnya, 46.2% pada tahun 2000.<sup>19</sup>

Pada dasarnya, kepercayaan dan agama kaum Cina dapat dibahagikan kepada tiga iaitu ajaran Taoisme, ajaran Konfusianisme dan agama Buddha. Setiap daripadanya mempunyai ajaran dan nilai umbi dan kerangka budaya dan pemikiran orang Cina sehingga setiap tingkah laku dan identiti mereka tidak dapat dipisahkan daripada pengaruh agama dan ajaran tersebut. Oleh yang demikian, kumpulan agama ini dikenali sebagai *Chinese Religion* yang merujuk kepada pengamalan cara beragama secara tradisional yang merangkumi budaya dan kepercayaan mereka. Menurut kaum Cina, *Chinese Religion* berdasarkan nilai logik dan simbol-simbol tersendiri yang memperkenalkan keunikan agama tersebut. *Chinese Religion* telah dibawa ke Singapura oleh pendatang dari negeri Cina. Ia mengandungi aspek yang didatangi dari sejarah Cina termasuklah kepercayaan yang berusia lebih dari 100,000 tahun. Ini juga merangkumi kepercayaan pada dewa-dewa dan juga berkaitan dengan fahaman Hindu yang berbentuk *karma* dan *nirvana*.<sup>20</sup>

Amalan *Feng Shui*<sup>21</sup> juga dipercayai memberi pengaruh yang besar kepada nasib untung orang Cina. Tujuannya ialah untuk memaksimakan tekanan yang positif sambil meminimakan tekanan yang negatif untuk meningkatkan nasib baik

---

<sup>19</sup> Leo Suryadinata (2002), *Ethnic Chinese in Singapore and Malaysia: A Dialogue Between Tradition and Modernity*. Singapura : Times Academic Press, h. 16

<sup>20</sup> Singapore, *The Encyclopedia* (2006), National Heritage Board, h. 116.

<sup>21</sup> *Feng* yang bermaksud angin dan *Shui* bermaksud air. Menurut kepercayaan Taoisme, kedua-dua elemen ini sangat mempengaruhi keseimbangan hidup manusia.

seseorang. Ia berkaitan kedudukan sesuatu, sama ada tempat perniagaan, duduk letak perkakas atau kedudukan pintu yang mempengaruhi nasib seseorang.<sup>22</sup>

Masyarakat Cina mempunyai adat resam atau pantang larang yang agak unik. Kehidupan sehari-hari mereka yang dipengaruhi oleh persekitaran dana alam sekeliling menyebabkan mereka banyak bergantung kepada nasib. Dalam pelbagai perkara, tukang tilik mempunyai peranan yang besar sebagai pakai rujuk dalam hal-hal kelahiran, perkahwinan dan kematian.<sup>23</sup>

Kesimpulannya, sebahagian amalan hidup kaum Cina tidak dapat dipisahkan dan sangat sebat dengan jiwa mereka. Keterampilan masyarakat Cina bukan terletak kepada ciri-ciri fizikalnya sahaja, tetapi lebih cenderung kepada apa yang mereka percayai dan amalkan selama ini.

### **3.3.3 Masyarakat India**

Perkataan “India” dalam konteks Singapura telah digunakan dari tahun 1950-an bagi menunjukkan orang yang mendatang dari benua kecil India. Ini termasuk Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka, Nepal, Bhutan dan Maldives.<sup>24</sup>

Pada asalnya, kaum India yang datang hanya menganggap Singapura sebagai tempat persinggahan yang sementara bagi mencari wang dan menghantar wang pulang. Kemudian, mereka membawa keluarga ke Singapura dan akhirnya menetap di sini. Bangsa Tamil daripada India Selatan merangkumi 80% daripada keseluruhan kaum India yang menetap di Singapura. Masyarakat India di Singapura merupakan masyarakat yang agak terpencil dan mereka amat mengambil berat dalam

---

<sup>22</sup> Singapore, *The Encyclopedia*, op.cit., h. 116.

<sup>23</sup> Syed Mahadzir Syed Ibrahim (2007), *Adat Resam Masyarakat Cina*. Selangor: Cooray's House of Publications Sdn Bhd, h. 4.

<sup>24</sup> Singapore, *The Encyclopedia*, op.cit., h. 235.

mengekalkan budaya mereka ketika berhadapan dengan budaya-budaya lain yang banyak terdapat di Singapura pada masa kini.<sup>25</sup>

Masyarakat India merangkumi 8.8% daripada penduduk Singapura. Mengikut bancian yang dikeluarkan pada 2000, 179,187 masyarakat India termasuk dalam golongan agama yang berikut :<sup>26</sup>

Jadual 3.1 :Golongan Agama Dalam Masyarakat India Di Singapura

Agama	Jumlah	Peratusan
Hindu	99,328	55.4%
Islam	46,927	25.6%
Kristian	21,702	12.1%
Sikh	9,626	5.4%
Buddha	1,166	0.7%
Tak bergama	987	0.6%
Agama lain	453	0.3%

Sumber : Singapore Census of Population 2000

Agama Hindu bukan berasal daripada seorang Nabi dan diakui bukan dibawa oleh manusia. Istilah Hindu diambil daripada Sungai Sindhu (Indus) yang terletak di bahagian Timur Laut India.<sup>27</sup> Nama asal agama Hindu ialah *Sanaathana-dharma* dan *Vaidika-dharma*. *Sanaathana-dharma* bermakna agama yang kekal abadi, menandakan fakta bahawa agama ini tidak mengenal asal usulnya ataupun wujud sejak dunia ini dihuni manusia. *Vaidika-dharma* pula bererti agama yang berdasarkan

<sup>25</sup> *Cultures Of The Word, Singapore* (1990). Singapura: Times Editions Pte Ltd, h. 38.

<sup>26</sup> Singapore Census of Population 2000, *op.cit.*, Table 39.

<sup>27</sup> N.M. Idaikkadar (1979), *Latar Belakang Kebudayaan Hindu*, c. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1.

kitab-kitab Veda. Terdapat empat kitab Veda, *Rig Veda* (kitab suci yang tertua di dunia), *Yajur Veda*, *Sama Veda* dan *Atharva Veda*.<sup>28</sup>

Agama Hindu percaya kepada konsep kelahiran semula. Setiap jiwa individu harus merentangi kelahiran semula yang diumpamakan sebagai laut untuk mencapai kebebasan kerohanian semasa hayatnya. Agama Hindu juga percaya kepada konsep karma yang menerangkan bahawa buat baik akan dibalas kebaikan, buat jahat dibalas kejahatan. Konsep karma merangkumi pertuturan, minda atau pemikiran dan perbuatan.<sup>29</sup>

Sistem Kasta timbul dalam masyarakat Hindu yang berbilang bangsa. Ia tiada kaitan dengan agama tetapi dikaitkan dengan strata masyarakat beragama Hindu. Secara umumnya, masyarakat India masih mengamalkan Sistem Kasta, iaitu *Brahmin* untuk kelas atasan, ketua atau pemimpin mereka, *Ksatiya* untuk golongan pahlawan, *Vaisyas* untuk golongan petani yang menjadi tuan tanah dan Sundras disebut *pariah* atau *out-cast* yang terdiri daripada buruh atau masyarakat kelas bawahan.<sup>30</sup>

Masyarakat Hindu mempunyai beberapa kepercayaan dalam amalan sehari-hari mereka. Di antara kepercayaan ini ialah ketika mendengar bunyi loceng. Mereka mempercayai ianya sebagai petanda yang baik, lebih-lebih lagi mendengar loceng kuil dipercayai membawa tuah dan kejayaan. Sebaliknya, sekiranya cermin muka di rumah didapati retak ataupun pecah, ia dipercayai sebagai suatu petanda yang buruk. Susu yang tertumpah juga dianggap sebagai suatu petanda buruk kerana selalunya

---

<sup>28</sup> M. Rajantheran (1997), *Kepercayaan Orang India*. Shah Alam, Malaysia: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 2.

<sup>29</sup> *Cultures Of The Word, Singapore*, op.cit., h. 63.

<sup>30</sup> N.M. Idaikkadar, op.cit., h. 18.

susu lembu yang disediakan untuk tujuan sembahyang. Sekiranya tertumpah, maka ia dianggap sebagai suatu petanda yang buruk.<sup>31</sup>

Terdapat banyak lagi kepercayaan masyarakat Hindu, seperti batuk sewaktu makan yang dipercayai berlaku kerana ada seseorang sedang mengingati, merindui ataupun memarahinya. Cedera ketika menguruskan upacara yang baik seperti upacara perayaan dan sebagainya dipercayai sebagai suatu petanda yang buruk. Sekiranya tapak tangan berasa gatal, ia dipercayai sebagai petanda orang tersebut akan mendapat duit ataupun akan membelanjakan wangnya. Kelopak mata yang terkenyit-kenyit dipercayai sebagai menandakan petanda baik ataupun buruk.<sup>32</sup>

### **3.4 DAKWAH DARUL ARQAM**

#### **3.4.1 Latar belakang**

Pada tahun 1970-an, Kumpulan Saudara Baru atau *The New Brothers Group* telah ditubuhkan dengan berobjektif mengadakan sebuah tempat bagi orang yang baru memeluk Islam bertemu dan membina perhubungan agama, persaudaraan dan sosial sesama mereka. Pada tahun 1976, kumpulan ini membuat permohonan kepada MUIS untuk menggunakan sebuah rumah di Pheng Geck Avenue yang di bawah harta wakaf yang diuruskan oleh MUIS untuk kepentingan saudara baru. Rumah Saudara Baru dirasmikan pembukaannya pada 27 November 1977. Pada tahun 1979 apabila saudara Ridzuan Wu memimpin kumpulan ini, ianya didaftarkan secara rasmi di Pejabat Pendaftar Persatuan dan dikenali sebagai “*The Muslim Converts’ Association*”. Pendaftarannya diluluskan pada tahun 1980 dan rumah tersebut kemudiannya dikenal sebagai Darul Arqam bersempena dengan nama seorang

---

<sup>31</sup> M. Rajantheran, *op.cit.*, h. 104-106.

<sup>32</sup> *Ibid.*, h. 110-112.

sahabat Rasulullah SAW yang membenarkan rumahnya digunakan untuk kepentingan dakwah. Sekarang Darul Arqam telah memiliki rumah persatuannya sendiri yang bertempat di 32 Onan Road, Singapura, dengan berbagai-bagai kemudahan dan ditadbir oleh staf-staf sepenuh masa yang digajikan.<sup>33</sup>

Muhd Mubarak Habib Mohd, Timbalan Presiden, Jabatan Dakwah dan Pendidikan Darul Arqam Darul Arqam mengatakan bahawa Darul Arqam merupakan institusi dakwah yang tunggal yang terlibat dalam dakwah non-Muslim di Singapura.<sup>34</sup>

Darul Arqam telah diiktirafkan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) sebagai sebuah institusi dakwah yang mengurus ehwal saudara baru sepenuhnya.<sup>35</sup>

### **3.4.2 Program Dakwah**

Secara umum, program dakwah yang dijalankan oleh Darul Arqam tertumpu kepada aktiviti ceramah. Ceramah-ceramah demikian dilakukan di dalam dan juga di luar Darul Arqam. Berikut adalah program dakwah yang dianjurkan oleh Darul Arqam :

(a) Ceramah-ceramah Umum (*Public Talks*)

Setiap tahun Jabatan Dakwah dan Pendidikan mengadakan 6 hingga 8 ceramah umum di tempat-tempat umum yang boleh dihadiri sekitar 600 orang. Tujuannya untuk membawa mesej Islam kepada masyarakat umum terutama non-Muslim. Topik yang dipilih untuk ceramah umum ini disesuaikan dengan isu-isu semasa agar dapat menarik Muslim dan non-Muslim. Penceramah yang dijemput bukan sahaja merupakan mereka yang terkenal dari luar negara, tetapi kebanyakan

---

<sup>33</sup> <http://www.darul-arkam.org.sg>, 23 September 2008.

<sup>34</sup> Muhd Mubarak Habib Mohd, Timbalan Presiden, Jabatan Dakwah dan Pendidikan Darul Arqam. Temu bual pada 24 Ogos 2008.

<sup>35</sup> Berita Harian, September 16, 2005 “Darul Arqam urus ehwal saudara baru sepenuhnya”.

mereka merupakan golongan mualaf. Melalui ceramah-ceramah ini, terutama tentang pengalaman seseorang sebelum dan sesudah memasuki Islam, ia diharapkan agar dapat memberi gambaran dan kesan kepada mereka yang ingin memeluk Islam tentang cabaran dan masalah-masalah yang mungkin dihadapi setelah memeluk Islam.<sup>36</sup>

Menurut Encik Anis s/o Madarsa Maricar, pada tahun 2007, di antara penceramah yang diundang ialah Imam Feisal Abdul Rauf yang menyampaikan ceramah “*Building a Stronger Muslim : A Global Perspective*”.<sup>37</sup>

(b) Ceramah-ceramah di Darul Arqam (*In-House Talks*)

Ceramah khas pula diadakan di Auditorium Darul Arqam sebulan sekali untuk saudara baru dan ahli Darul Arqam. Biasanya ceramah ini akan membincangkan isu-isu kontemporari yang menarik minat masyarakat Islam umumnya. Ceramah khas ini biasanya dihadiri sekitar 150 hingga 300 orang.<sup>38</sup>

Pada tahun 2007, sebanyak 9 ceramah telah diadakan di Darul Arqam oleh penceramah undangan luar dan dalam negeri. Topik-topik yang dibincangkan meliputi berbagai aspek kehidupan sebagai masyarakat Islam dari isu identiti sehingga bab haji.<sup>39</sup>

(c) Melawati rumah penyembahan agama lain

Menurut Encik Muhd Mubarak Habib Mohd, pihak Darul Arqam mengadakan lawatan ke tempat penyembahan agama-agama lain untuk bertukar-tukar pendapat

---

<sup>36</sup> The Muslim Converts’ Association of Singapore (Darul Arqam) Annual Report 2007, h. 18.

<sup>37</sup> Anis Madarsa Maricar, merangkap Ketua Jabatan Dakwah dan Pendidikan Darul Arqam. Temubual pada 5 Ogos 2008.

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> The Muslim Converts’ Association of Singapore (Darul Arqam) Annual Report 2007, *op.cit.*, h. 18.

dalam isu-isu agama. Pihak-pihak berkenaan daripada tempat-tempat yang dilawati amat memberikan kerjasama mereka semasa lawatan seperti diadakan.<sup>40</sup>

Menurut Encik Junaidi bin Ali, lawatan yang disebut di atas hanyalah terbuka pada pelajar-pelajar remaja Darul Arqam (*Darul Arqam Youth School*) dan staf Darul Arqam.<sup>41</sup>

(d) Ceramah Ramadan (Ramadan Short Talks)

Sepanjang bulan Ramadan, jabatan ini juga mengadakan ceramah-ceramah ringkas setiap hujung minggu sebelum berbuka puasa. Ceramah-ceramah ini bertujuan memberi penerangan kepada mereka yang baru memeluk Islam agar memahami ibadah puasa dan berkat bulan Ramadan.<sup>42</sup>

Menurut Encik Junaidi bin Ali, sebanyak empat ceramah telah diadakan pada tahun ini dan setiap ceramah telah dihadiri oleh sekitar 200 peserta.<sup>43</sup>

(e) Sesi Mengenali Islam (*Knowing Islam*)

Program 2½ jam ini diadakan setiap Ahad secara percuma. Program ini memberi peluang bagi peserta untuk mengetahui perkara-perkara yang asas tentang Islam. Ia juga memberi maklumat kepada peserta tentang program-program yang diadakan di Darul Arqam dan prosedur pengIslamian.<sup>44</sup>

---

<sup>40</sup> Muhd Mubarak Habib Mohd, *op.cit.*

<sup>41</sup> Junaidi Ali, Pegawai Senior, Jabatan Dakwah dan Pendidikan Darul Arqam. Temubual pada 13 Oktober 2008 .

<sup>42</sup> The Muslim Converts' Association of Singapore (Darul Arqam) Annual Report 2007, *op.cit.*, h. 19.

<sup>43</sup> Junaidi Ali, *op.cit.*

<sup>44</sup> Anis s/o Madarsa Maricar, *op.cit.*

Pada tahun 2007, ia telah dihadiri seramai 621 peserta yang terdiri daripada 344 non-Muslim, 246 peserta yang kelahiran Islam dan 41 mualaf.<sup>45</sup>

### **3.4.3 Program Pendidikan**

Darul Arqam juga menganjurkan kelas-kelas pendidikan khusus bagi mereka yang hendak mengetahui lebih lanjut tentang Islam atau mereka yang ingin dan juga baru memeluk Islam. Kelas-kelas sedemikian amat penting kerana peserta akan dapat mempelajari Islam dengan lebih mendalam. Kelas ini juga dihadiri oleh masyarakat Melayu kerana mereka lebih selesa menghadiri kelas yang menggunakan bahawa Inggeris sebagai bahasa perantaraan. Berikut adalah kelas-kelas yang dianjurkan oleh Darul Arqam :

- (a) Kursus Permulaan Dalam Islam (*Beginners' Course on Islam*)

Program ini dibuka untuk peserta yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang Islam. Ini diadakan secara percuma selama 10 minggu. Program ini membincangkan secara khusus tentang aspek keimanan. Peserta juga akan dibawa ke masjid untuk memberi pendedahan tentang adab-adab di masjid secara praktikal. Setiap tahun, kursus ini diadakan sebanyak 28 kali dalam bahasa Inggeris dan Mandarin dan pada tahun 2007, sebanyak 36% orang Islam telah menghadiri kursus ini, diikuti dengan 31% orang yang bukan Islam. Baki 26% adalah mereka yang tidak mendaftar tetapi langsung hadir pada hari kursus tersebut.<sup>46</sup>

---

<sup>45</sup> The Muslim Converts' Association of Singapore (Darul Arqam) Annual Report 2007, *op.cit.*, h. 21.

<sup>46</sup> *Ibid*, h. 22.

Menurut Encik Bani Mohamad bin Ali, beliau telah mengajar kelas ini selama 9 tahun dan secara umumnya, seramai 40 peserta akan mengikuti kelas ini pada setiap modul.<sup>47</sup>

(b) Kelas Tutorial Solat (*Solah Tutorial*)

Setelah selesai program *Beginners' Course On Islam*, para peserta digalakkan agar mengikuti kelas tutorial solat yang diadakan selama 6 minggu. Bagi peserta yang kesuntukan masa, mereka boleh mengikut kelas tutorial solat ringkas yang diadakan selama 4 minggu. Dengan bilangan peserta yang kecil (5 peserta pada satu masa), ia memudahkan kelas ini dijalankan secara efektif dengan bimbingan seorang guru. Pada tahun 2007, peserta yang baru memeluk Islam dan yang bukan Islam merangkumi 70% daripada jumlah peserta.<sup>48</sup>

(c) Kursus Solat Sunat (*Sunnah Prayer Course*)

Sebanyak 24 kursus diadakan sepanjang 2007. Kursus ini yang ditawarkan secara percuma dijalankan selama 8 minggu. 136 peserta telah menghadirinya pada tahun 2007.<sup>49</sup>

(d) Program Pengajian Islam dalam Bahasa Inggeris (*English Islamic Programme*)

Program ini dikhurasukan untuk orang dewasa dan ia merangkumi fiqah, al-Quran, tauhid dan hadis. Namun, pada tahun 2007, bilangan peserta yang mengikut program ini telah berkurang. Kebanyakan peserta yang menghadiri program ini ialah

---

<sup>47</sup> Bani Mohamad Ali, tenaga pengajar Darul Arqam. Temubual pada 14 Oktober 2008.

<sup>48</sup> The Muslim Converts' Association of Singapore (Darul Arqam) Annual Report 2007, *op.cit.*, h. 24.

<sup>49</sup> Muhd Mubarak Habib Mohd, *op.cit.*

mereka yang dilahirkan dalam agama Islam (61%), mualaf (36%), sementara orang yang bukan Islam (15%).<sup>50</sup>

Dari sudut pemerhatian, penulis mendapati program ini adalah program yang lebih intensif jika dibandingkan dengan program atau kelas-kelas yang lain. Tambahan pula, guru-guru yang mengajar dalam kelas ini merupakan guru-guru yang bertauliah yang mempunyai didikan agama yang rasmi.

(e) Tafsir (*Understanding the Quran*)

Program ini memberi fokus kepada menafsiran al-Quran dengan memberi tumpuan kepada kepentingan, faedah dan hukum daripada surah-surah yang dipelajari. Kursus ini adakan setiap minggu dan ia adalah percuma.<sup>51</sup>

(f) Fiqah

Kelas ini dibahagian kepada empat bahagian, ibadat, munakahat, jenayah dan muamalat. Matlamat kelas ini ialah untuk memberi peserta yang baru memeluk Islam ilmu pengetahuan umum tentang istilah-istilah berikut. Kelas ini diadakan setiap minggu dan ia adalah percuma.<sup>52</sup>

(g) Adab dan Akhlak

Kelas ini bertujuan memberi pendedahan kepada mereka yang baru memeluk Islam tentang adab Islam agar dapat diperlakukan dalam kehidupan mereka seharian.

---

<sup>50</sup> The Muslim Converts' Association of Singapore (Darul Arqam) Annual Report 2007, *op.cit.*, h. 26.

<sup>51</sup> [http://www.darularqam.org.sg/dqv2/web/cms/detailed\\_subpage.asp?fsid=1&topic=EDUCATION](http://www.darularqam.org.sg/dqv2/web/cms/detailed_subpage.asp?fsid=1&topic=EDUCATION), 22 September 2008.

<sup>52</sup> *Ibid.*

Kelas ini diadakan setiap minggu dan ia adalah percuma.<sup>53</sup> Buat sementara waktu, kelas ini dihentikan.<sup>54</sup>

### **3.5 KEBERKESANAN PROGRAM DAKWAH DAN PENDIDIKAN**

Secara umum, program dakwah dan pendidikan yang dijalankan oleh Darul Arqam telah memberi kesan yang positif, baik kepada masyarakat non-Muslim yang cenderung memeluk Islam, dan juga mereka yang baru memeluk Islam. Pengkaji membincangkan keberkesanan program dakwah dan pendidikan disini kerana ia dapat memberi kepastian dan jawaban pada soalan adakah metode yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dapat diaplikan atau tidak di Darul Arqam khususnya pada masa ini.

#### **3.5.1 Program Dakwah**

Dalam program dakwah khususnya, banyak tumpuan diberikan kepada ceramah-ceramah di luar dan juga di dalam Darul Arqam, Encik Mohamed Meeranudeen, Penolong Ketua Jabatan Dakwah dan Pendidikan, mengatakan bahawa penceramah yang diundang dari luar negeri selalu menarik ramai peserta. Contohnya, ceramah yang diberikan oleh Khalil Moore, seorang Kristian yang memeluk Islam, telah menarik sekitar 400 orang. Ceramah tersebut diadakan pada 22 Julai 2008.<sup>55</sup>

Untuk mengetahui keberkesanan program dakwah ini, penulis telah menjalankan soal selidik. Seramai 20 responden yang baru memeluk Islam kurang daripada 3 tahun telah terlibat. Mereka merupakan peserta yang kerap menghadiri ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh Darul Arqam. Daripada 20 responden ini,

---

<sup>53</sup> *Ibid.*

<sup>54</sup> Junaidi Ali, *op.cit.*

<sup>55</sup> Mohamed Meeranuddin Mohd Sidique, Penolong Ketua, Jabatan Dakwah dan Pendidikan Darul Arqam. Temubual pada 21 September 2008.

60% (12 peserta) daripada mereka baru memeluk Islam kurang daripada satu tahun.

15% (3 peserta) telah memeluk Islam dari 1 hingga 3 tahun, manakala 25% (5 peserta) telah memeluk Islam lebih daripada 3 tahun.

Jadual 3.2 : Kekerapan Menghadiri Ceramah Setiap Tahun

Bilangan Ceramah Setahun	Bilangan Responden	Peratusan
8 hingga 10	5	25%
5 hingga 7	10	50%
Kurang dari 5	5	25%
Jumlah	20	100%

Sumber : Soalselidik pada 5 November 2008

Daripada bilangan responden yang diberi borang soal selidik, seramai 25% (5 responden) mengatakan bahawa mereka menghadiri 8 hingga 10 ceramah yang diadakan tiap tahun, manakala 50% (10 responden) mengatakan bahawa mereka menghadiri 5 hingga 7 ceramah tiap tahun. 25% (5 responden) pula mengatakan bahawa mereka menghadiri kurang dari 5 kali ceramah setahun. Di antara alasan yang diberi ialah kesuntukan masa dan masalah peribadi.

Secara keseluruhan, semua responden berpuas hati dan telah mendapat manfaat yang banyak selepas menghadiri ceramah-ceramah. Ini telah memberi kesan kepada mereka untuk mempraktikkan ilmu yang didapati dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Jadual 3.3 : Keberkesanan Program Dakwah

Sudut	Amat Bagus	Bagus	Sederhana	Jumlah
Ilmu	11 (55%)	4 (20%)	5 (25%)	20 (100%)
Ibadah	12 (60%)	3 (15%)	5 (25%)	20 (100%)
Akhlik	13 (65%)	7 (35%)	-	20 (100%)

Sumber : Soalselidik pada 10 Oktober 2008

Secara khusus, 55% (11 peserta) mengatakan bahawa ilmu yang mereka dapati amat bagus, manakala 20% lagi (4 peserta) mengatakan bagus. 25% (5 peserta) mengatakan ilmu yang didapati adalah sederhana. Dari segi ibadah pula, 60% (12 peserta) juga mengatakan amat bagus, 15% (3 peserta) mengatakan bagus, manakala 25% (5 peserta) mengatakan sederhana. Dari segi akhlak pula, 65% (13 peserta) mengatakan amat bagus dan 35% (7 peserta) mengatakan bagus. Dari segi amalan sehari-hari pula, kesemua 20 responden mengatakan bahawa amalan mereka adalah lebih baik setelah mereka mengikuti ceramah-ceramah jika dibandingkan pada masa dahulu. 95% (19 peserta) mengatakan bahawa mereka akan cuba terus menghadiri ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh Darul Arqam, manakala 5% (1 peserta) mengatakan kemungkinan tidak akan menghadiri ceramah lagi kerana sebab-sebab peribadi.

Salah seorang daripada responden mengatakan bahawa ceramah-ceramah yang dihadiri beliau telah mengukuhkan iman beliau dan memberi pemahaman yang jelas dalam kehidupan yang sebenar sebagai seorang Muslim.

Puan Radiah Begum mengatakan bahawa setelah menghadiri ceramah-ceramah, beliau sekarang lebih rasa berani untuk megajak dan mendorong teman-temannya yang lain untuk memeluk Islam dan menyiapkan diri untuk hari akhirat. Beliau juga menegaskan bahawa beliau sekarang semakin rajin untuk beribadah dan menyedari bahawa segala ilmu yang beliau perolehi yang tiada kaitan dengan Allah bukan dinamakan ilmu yang sebenar.<sup>56</sup>

---

<sup>56</sup> Radhiah Begum Abdullah, seorang mualaf. Temubual pada 14 Oktober 2008.

Encik Fauzy Yeo Abdullah, mengatakan bahawa beliau telah mendapat banyak ilmu daripada ceramah yang diadakan dan antara kesan yang beliau rasa ialah perasaan takut untuk melakukan dosa.<sup>57</sup>

Program dakwah melalui lawatan yang diadakan oleh Darul Arqam ke persatuan-persatuan agama lain di Singapura juga mendapat sokongan yang menggalakkan. Setiap kali lawatan sedemikian diadakan, hampir 20 peserta yang mengikutinya. Selain mengetahui lebih lanjut tentang agama-agama lain di Singapura, dalam rangka masa yang sama juga, persatuan-persatuan yang dilawati akan dapat mendengar keterangan tentang Islam.<sup>58</sup>

### **3.5.2 Program Pendidikan**

Untuk mengetahui keberkesanan program pendidikan secara khas, penulis telah menjalankan soal selidik terhadap kelas yang dihadiri oleh golongan non-Muslim yang mempunyai kecenderungan memeluk Islam dan juga kelas yang dihadiri oleh golongan mualaf. Kelas tersebut ialah kelas permulaan dalam Islam (*Beginners Course On Islam*) dan juga kelas tutorial solat (*solat tutorial*).

#### **(a) Golongan Yang Cenderung Memeluk Islam**

Seramai 22 responden telah diberi borang soal selidik untuk mengetahui berbagai aspek daripada pelajaran yang mereka ikuti.

Secara keseluruhannya, 90% (20 peserta) mengatakan bahawa mereka tidak menghadapi sebarang kesulitan dalam memahami apa yang diajar. Hanya 5% (1

---

<sup>57</sup> Fauzy Yeo Abdullah, seorang mualaf. Temubual pada 5 November 2008.

<sup>58</sup> Muhd Mubarak Habib Mohd, *op.cit.*

peserta) yang mengatakan bahawa ianya susah dan 5% lagi (1 peserta) mengatakan separuh susah.

**Jadual 3.4 : Keberkesanan Program Pendidikan – Golongan Yang Cenderung Memeluk Islam**

Sudut	Amat Bagus	Bagus	Sederhana	Jumlah
Ilmu Tauhid	10 (45%)	10 (45%)	2 (10%)	22 (100%)
Ibadah	10 (45%)	11 (50%)	1 (5%)	22 (100%)
Akhlik	11 (50%)	10 (45%)	1 (5%)	22 (100%)

Sumber : Soalselidik pada 10 Oktober 2008

Dari sudut ilmu yang diperolehi, responden telah ditanya dari sudut tauhid, ibadah dan juga akhlak. Berkenaan tauhid, 45% (10 peserta) mengatakan bahawa ianya amat bagus, manakala 45% lagi (10 peserta) mengatakan bagus. 10% (2 peserta) mengatakan ilmu yang didapati adalah sederhana. Dari segi ibadah pula, 45% (10 peserta) juga mengatakan amat bagus, 50% (11 peserta) mengatakan bagus, manakala 5% (1 peserta) mengatakan sederhana. Dari segi akhlak pula, 50% (11 peserta) mengatakan amat bagus, 45% (10 peserta) mengatakan bagus, dan 5% (1 peserta) sederhana. 64% (14 peserta) mengatakan bahawa mereka akan mengikuti kursus-kursus lanjutan yang dianjurkan oleh Darul Arqam, manakala 36% (8 peserta) mengatakan mereka tidak akan lanjutkan kelas pengajian mereka kerana sebab-sebab peribadi.

Para peserta kelas permulaan dalam Islam (*Beginners' Course On Islam*) telah diberi senaskah buku *Essence of Islam* dan peserta diajar berpandukan pada kandungan buku tersebut. 45% peserta mengatakan bahawa ilmu tauhid yang mereka pelajari amat bagus daripada sebelumnya. Ia adalah amat penting memandangkan mereka ketika menghadiri kelas ini masih lagi belum memeluk

Islam. Dengan demikian, mereka dapat membuat perbandingan yang jelas antara agama Islam dan agama yang mereka anuti pada ketika itu.

(b) Golongan Mualaf

Daripada golongan mualaf pula, penulis telah memberi borang soal selidik kepada 20 orang responden. Daripada 20 responden ini, 60% (12 peserta) daripada mereka baru memeluk Islam kurang daripada 1 tahun. 15% (3 peserta) telah memeluk Islam dari 1 hingga 3 tahun, manakala 25% (5 peserta) telah memeluk Islam lebih daripada 3 tahun.

Secara keseluruhan, 95% (19 peserta) daripada mereka mengatakan bahawa mereka tidak menghadapi sebarang kesulitan dalam memahami pengajian. Hanya 5% (1 peserta) yang mengatakan bahawa ianya separuh susah dan tiada peserta yang mengatakan bahawa kelas yang dipelajari adalah susah.

Jadual 3.5 : Keberkesanan Program Pendidikan – Golongan Mualaf

Sudut	Amat Bagus	Bagus	Sederhana	Jumlah
Ilmu Tauhid	11 (55%)	4 (20%)	5 (25%)	20 (100%)
Ibadah	12 (60%)	3 (15%)	5 (25%)	20 (100%)
Akhlik	13 (65%)	2 (10%)	5 (25%)	20 (100%)
Amalan Seharian	20 (100%)	-	-	20 (100%)

Sumber : Soalselidik pada 10 Oktober 2008

Dari sudut ilmu tentang tauhid, 55% (11 peserta) mengatakan bahwa ianya amat bagus, manakala 20% lagi (4 peserta) mengatakan bagus. 25% (5 peserta) mengatakan ilmu yang didapati adalah sederhana. Dari segi ibadah pula, 60% (12 peserta) juga mengatakan amat bagus, 15% (3 peserta) mengatakan bagus, manakala 25% (5 peserta) mengatakan sederhana. Dari segi akhlak pula, 65% (13 perserta)

mengatakan amat bagus, 10% (2 peserta) mengatakan bagus dan 25% (5 peserta) sederhana.

Dari segi amalan sehari-hari pula, penilaian juga dibuat melalui tauhid, ibadah dan akhlak. Kesemua 20 responden mengatakan bahawa amalan mereka adalah lebih baik setelah mereka mengikuti kelas ini jika dibandingkan pada masa dahulu.

95% (19 peserta) mengatakan bahawa mereka akan mengikuti kursus-kursus lanjutan yang dianjurkan oleh Darul Arqam, manakala 5% (1 peserta) mengatakan tidak akan lanjutkan kelas pengajian kerana sebab-sebab peribadi.

Penulis juga telah menjalankan temuramah dengan beberapa mualaf yang pernah mengikut beberapa kelas yang dianjurkan oleh Darul Arqam. Antaranya ialah Siti Aishah yang asalnya adalah seorang Kristian dari Filipina dan bekerja sebagai pembantu rumah di Singapura. Beliau telah mengikuti kelas permulaan dalam Islam (*Beginners Course On Islam*) selama setahun sebelum memeluk Islam. Beliau mengatakan bahawa sejak memeluk Islam dan menghadiri kelas-kelas di Darul Arqam, beliau merasa bahagia dan sekarang mempunyai matlamat hidup. Setelah enam tahun beliau memeluk Islam, akhirnya suaminya pula memeluk Islam pada tahun 2008. Sekarang beliau banyak menghabis masa pada hujung minggu mengikut kelas-kelas di Darul Arqam. Beliau berharap anak-anaknya akan memeluk Islam pada masa akan datang.<sup>59</sup>

Seorang lagi mualaf yang dulunya beragama Hindu mengatakan bahawa kelas-kelas yang dihadirinya di Darul Arqam telah banyak merubah dirinya untuk menjadi Muslim yang baik. Walaupun sudah hampir 20 tahun beliau memeluk

---

<sup>59</sup> Siti Aishah Abdullah, seorang mualaf. Temubual pada 23 September 2008.

Islam, beliau masih lagi menghadiri kelas-kelas yang diadakan di Darul Arqam untuk mempelajari ilmu agama dan membaca al-Quran.<sup>60</sup>

Encik Yasin Chang, seorang mualaf yang telah memeluk agama Islam selama lebih dari 10 tahun telah banyak mendapat manfaat daripada kelas-kelas yang beliau hadiri semasa baru memeluk Islam. Walaupun beliau tidak lagi menghadiri kelas di Darul Arqam, namun beliau akur bahawa ilmu yang dipelajarinya dulu amat berguna sehingga sekarang.<sup>61</sup>

Selanjutnya, Encik Bani Mohamad bin Ali mengatakan bahawa kelas yang dikendalikan beliau menunjukkan kesan yang positif kerana bilangan peserta tidak pernah merosot. Beliau juga telah banyak menerima maklum balas yang positif terhadap pemahaman peserta tentang isu-isu umum dalam Islam.<sup>62</sup>

Dari sudut obersevasi pula, penulis yang telah lama menjadi guru sambilan di Darul Arqam sejak tahun 2003, mendapati kelas-kelas yang dianjurkan banyak memberi kesan yang positif pada non-Muslim walaupun mereka hanya datang untuk mengetahui lebih lanjut terhadap Islam. Bagi yang baru memeluk Islam pula, apa yang dipelajari akan cuba diamalkan sebaik termampu, walaupun mereka masih lagi belum dapat melaksanakannya dengan sebaiknya. Oleh kerana sebahagian besar daripada mereka adalah pembantu rumah daripada Filipina, mereka tetap dapat menjalankan ibadat sehari-hari, walaupun majikan mereka bukan orang Islam.

Namun, ada juga yang tidak dapat menghadiri kelas secara berterusan kerana tidak diberi cuti oleh majikan mereka pada hujung minggu. Mereka juga disuruh oleh majikan untuk menjaga anjing dan menyiapkan makanan dari daging yang

---

<sup>60</sup> Radhiah Begum Abdullah, *op.cit.*

<sup>61</sup> Yasin Chang, seorang mualaf. Temubual pada 20 Oktober 2008.

<sup>62</sup> Bani Mohamad Ali, *op.cit.*

tidak halal. Ada juga golongan yang memeluk Islam menerusi perkahwinan dan jika mereka menghadapi masalah dalam rumah tangga mereka, mereka tidak lagi menghadiri kelas dan mungkin tidak mengamalkan apa yang telah dipelajari.

Kesimpulannya, program dakwah dan pendidikan yang dianjurkan oleh Darul Arqam telah memberi kesan yang positif pada mereka yang mengikutinya dari golongan non-Muslim, golongan yang cenderung untuk memeluk Islam dan juga mereka yang baru memeluk Islam. Ini berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang diberi oleh beberapa staf dari Jabatan Dakwah dan Pendidikan. Keterangan-keterangan lain yang diperolehi melalui soal selidik juga menunjukkan bahawa program yang dilalui oleh responden telah memberi kesan yang positif kepada mereka baik dari segi ilmu dan juga amalan. Di antara maklum balas yang diberikan oleh responden non-Muslim ialah mereka mendapat berbagai maklumat ketika membuat perbandingan antara agama yang mereka anuti dan agama Islam. Seterusnya, kelas-kelas yang dijalankan, khususnya kelas permulaan dalam Islam (*Beginners Course On Islam*) dan tutorial solat (*solat tutorial*) mudah difahami dan menarik. Ramai juga responden mengatakan bahawa sekarang mereka mempunyai matlamat hidup setelah memeluk Islam.

## **BAB EMPAT**

### **APLIKASI DI SINGAPURA**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Bab ini adalah untuk mencapai objektif yang ketiga iaitu mengetahui kesesuaian metode dakwah Rasulullah SAW di peringkat permulaan di Mekah untuk diaplikasikan di Singapura pada masa ini kepada golongan non-Muslim. Kajian ini tertumpu kepada usaha institusi Darul Arqam yang telah melakukan usaha untuk mengaplikasikan metode dakwah Rasulullah SAW yang telah dibincangkan sebelum ini. Untuk mencapai objektif yang disebutkan, kajian ini menggunakan metode kajian lapangan sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab pertama disamping kajian kepustakaan.

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, masyarakat Mekah sebelum kerasulan Nabi SAW mempunyai bermacam-macam kepercayaan. Tetapi bentuk kepercayaan yang utama ialah kepercayaan warisan nenek moyang yang dipanggil kepercayaan keberhalaan. Dari segi sosial pula, moral penduduk Mekah sangat menurun sekali walaupun mereka masih memegang teguh beberapa sifat mulia. Arak, zina dan judi menjadi amalan kebanggaan di kalangan mereka. Dari segi ekonomi pula, masyarakat Arab mempunyai dasar ekonomi yang memberi peluang penindasan terhadap golongan miskin dan lemah seluas-luasnya. Rasulullah SAW telah berusaha melakukan pelbagai pendekatan dan menempuh jalan yang lurus bagi menarik manusia kepada Allah SWT. Metode dakwah Nabi SAW di peringkat awal selama tiga tahun di Mekah tertumpu kepada beberapa faktor utama, seperti berikut :

Faktor yang pertama ialah pengakuan Nabi SAW sebagai utusan Allah SWT. Kedua, kandungan dakwah yang menumpukan persoalan akidah kerana itulah yang

diperlukan oleh masyarakat Arab pada waktu itu. Ketiga, gaya penyampaian isi dakwah yang dikenali juga sebagai uslab. Rasulullah SAW telah menggunakan beberapa uslab yang khas pada masa itu seperti *tarhib* dan *targhib*. Keempat, media yang digunakan oleh Nabi SAW bersesuaian dengan keadaan masyarakat pada waktu itu. Kelima, strategi Nabi SAW dalam menyebarkan dakwah seperti berahsia dan memilih orang-orang tertentu sebagai sasaran dakwah pada peringkat awal. Ini merupakan sebahagian daripada metodologi dakwah Nabi SAW bagi mengetengahkan ajaran Islam menurut kesesuaian pada peringkat permulaan dalam situasi yang selaras dengan keperluan semasa dan setempat.

Telah dijelaskan bahawa Singapura, yang bersistemkan sekular, tidak menghalang rakyatnya mengamalkan kepercayaan agama masing-masing selagi ia tidak menyalahi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Kerajaan Singapura memberi hak kepada setiap agama untuk menguruskan perkara agamanya, menu buhkan institusi untuk agama atau tujuan mengutip dana dan memiliki harta serta menguruskannya mengikut undang-undang. Namun dalam kebebasan ini tidak dibenarkan sebarang laku yang bercanggah dengan undang-undang umum yang berkaitan dengan arahan umum, kesihatan umum dan moral.

#### **4.1.1 Perbandingan Keadaan Masyarakat**

Secara umumnya, pendekatan dakwah oleh Darul Arqam terhadap golongan yang cenderung memeluk Islam dan golongan yang baru memeluk Islam mempunyai persamaan dari beberapa sudut yang asas dengan pendekatan dakwah Rasulullah SAW. Namun begitu, terdapat juga ruang perbezaan yang kecil di antara pendekatan dakwah Darul Arqam dengan pendekatan dakwah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Ini disebabkan wujudnya perbezaan antara masayarat Singapura sekarang dan

masyarakat Rasulullah SAW pada masa itu dari beberapa sudut seperti kepercayaan, sosial dan ekonomi.

Sebagaimana yang telah diterangkan dalam bab-bab yang sebelum ini, jika dibandingkan masyarakat Arab sebelum kerasulan Nabi SAW dan juga masyarakat Singapura pada masa sekarang, masyarakat Arab mempunyai bermacam-macam kepercayaan yang diwarisi dari nenek moyang. Ini merupakan kepercayaan yang utama dan ia juga dipanggil sebagai kepercayaan keberhalaan. Manakala masyarakat Singapura terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum. Setiap kaum di Singapura masih berpegang teguh kepada adat dan budaya masing-masing.

Dari segi sosial pula, moral penduduk Mekah begitu rosak sekali walaupun dalam masa yang sama, mereka masih memegang teguh beberapa sifat mulia. Arak, zina dan judi menjadi amalan kebanggaan di kalangan mereka. Singapura juga mempunyai isu sosial yang kebanyakannya dipengaruhi dari negara barat. Isu globalisasi dan kemodenan juga mempunyai pengaruh terhadap isu sosial masyarakat Singapura. Kerajaan Singapura memainkan peranan yang besar untuk mengatasi sebarang isu sosial yang ada, baik dari sudut bangsa dan juga agama. Isu-isu sosial yang penting seperti pendidikan, keluarga dan pekerjaan merupakan isu dan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat Singapura sekarang ini.

Dari segi ekonomi pula, ramai masyarakat Arab pada masa itu terlibat dalam perdagangan dan pertenakan. Perbezaan di antara golongan masyarakat Arab pada zaman Nabi SAW yang bertamadun dengan golongan Badwi sangat jelas. Dasar ekonomi yang sedemikian memberi peluang penindasan terhadap golongan miskin dan lemah seluas-luasnya. Singapura pula adalah sebuah negara yang memiliki sebuah pasaran ekonomi yang maju dan terbuka dengan GDP (Hasil Dalam Negeri

Kasar) per kapita kelima tertinggi di dunia. Perkilangan serta perkhidmatan perniagaan kewangan wang merupakan jentera kembar ekonomi Singapura. Bidang eksport, perindustrian dan perkhidmatan juga merupakan aspek-aspek terpenting dalam ekonomi Singapura. Era globalisasi yang terjadi pada saat ini menyebabkan Singapura memberi lebih perhatian kepada usaha untuk menjadikan negara tersebut sebagai sebuah pusat kewangan dan teknologi di rantau Asia.

Fakta-fakta yang disebut di atas memperanguh usaha dakwah, baik di zaman Nabi SAW, mahupun di Singapura pada masa ini. Metode-metode yang dilakukan oleh Nabi SAW dalam peringkat permulaan dakwah Baginda SAW bagi mengetengahkan ajaran Islam selaras dengan keperluan semasa dan tempat pada masa itu. Fakta-fakta yang dibentangkan dalam masyarakat Singapura pada masa kini juga mempengaruhi pendekatan dalam berdakwah kepada golongan non-Muslim di Singapura. Kesesuaian metode Nabi SAW untuk diaplikasikan di Singapura akan dibentangkan di bawah ini

#### **4.2 APLIKASI AGAMA WAHYU DAN NABI SAW SEBAGAI UTUSAN ALLAH SWT**

Darul Arqam, dalam menjalankan tugas dakwah kepada masyarakat yang cenderung memeluk Islam atau baru memeluk Islam, pada umumnya menggunakan sebahagian besar metode yang digunakan oleh Nabi SAW pada permulaan dakwah Baginda SAW. Di sini, penulis akan menerangkan metode-metode yang dilakukan dari sudut pengakuan sebagai utusan Allah SWT, kandungan, persembahan isi, media dan juga strategi. Metode yang sedemikian merupakan metode yang dilakukan oleh Nabi SAW sebagaimana yang telah diterangkan.

Sebagaimana pendekatan Rasulullah SAW pada peringkat awal Baginda SAW memulakan dakwah, Darul Arqam juga menekankan kepentingan pengakuan bahawa Nabi SAW adalah utusan Allah SWT dan segala apa yang dibawa Baginda SAW merupakan wahyu daripada Allah SWT. Dalam buku *Essence Of Islam*, percaya kepada rasul-rasul umumnya dan kepada Nabi SAW khususnya telah dikemukakan dalam bab ketiga buku ini. Antara perkara-perkara yang disebut ialah pengutusan Nabi SAW pada seluruh manusia, ketaatan kepada Nabi SAW dan kehidupan dan tugas Nabi SAW.

Menurut Anis s/o Madarsa Maricar merangkap Ketua Jabatan Dakwah dan Pendidikan di Darul Arqam, penekanan tentang relevannya al-Quran dan hadis memainkan peranan yang utama dalam program *Beginners' Course On Islam*. Para peserta harus didedahkan bahawa al-Quran merupakan kitab pedoman yang bersumber daripada Allah SWT dan ianya kekal sebagai mukjizat sehingga hari kiamat.<sup>1</sup>

Seterusnya, selain dari penekanan tentang agama wahyu yang dibawa oleh Nabi SAW, perhatian juga diberikan kepada kepentingan hadis Nabi SAW. Walaupun Nabi SAW telah lama wafat, hadis-hadis Baginda SAW masih lagi menjadi sumber rujukan selepas al-Quran. Dengan demikian, selain mengajar golongan yang ingin memeluk Islam tentang kerasulan Nabi SAW, ada juga kelas yang khas untuk mempelajari hadis Nabi SAW selama tiga modul, di mana setiap modul berlangsung selama 8 minggu.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Anis Madarsa Maricar, *op.cit.* Temubual pada 5 Ogos 2008.

<sup>2</sup> *Ibid.* Temubual pada 3 Februari 2009.

Kelas-kelas sirah Rasullah SAW juga dianjurkan oleh Darul Arqam di mana penulis sendiri merupakan salah satu tenaga pengajarnya. Kelas ini diadakan sebanyak 3 modul, di mana setiap modul berlangsung selama 8 minggu.

#### **4.2.1 Tuduhan Yang Timbul Masa Kini**

Pada masa ini, berbagai tuduhan dan kritikan telah dilemparkan kepada agama Islam. Di antara tuduhan dan kritikan yang terkemuka termasuk kritikan dari Winston Churchill melalui bukunya *The River War* yang menyebutkan bahawa agama Islam adalah agama militan yang memaksa orang untuk menganutinya. Beliau juga mengatakan bahawa Nabi SAW adalah seorang pengecut, sebagaimana anjing yang mempunyai hidrofobia terhadap air.<sup>3</sup>

Richard Suskino pula telah menulis buku *The Sword of the Prophet*. Buku ini mengandungi isu kebangkitan Islam dari pola keganasan yang diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW sebagai pengasasnya.<sup>4</sup>

Tuduhan dan kritikan juga dilemparkan kepada al-Quran. Mark Durie menyebutkan bahawa al-Quran menggalakkan keganasan dan perang. Beliau juga mengatakan terdapat beberapa ayat yang menekankan bahawa keganasan merupakan satu kebaikan.<sup>5</sup>

Samuel Zwemer mendakwa bahawa al-Quran merupakan satu cerita rekaan dan tidak ada apa yang baru tentang al-Quran kecuali kepintaran Nabi Muhammad mencampurkan ramuan lama ke satu pemikiran baru untuk menyusahkan manusia.<sup>6</sup>

---

<sup>3</sup> Winston S. Churchill (1899), *The River War*. London : Longmans Green & Co.

<sup>4</sup> Richard Suskino (1972), *The Sword of the Prophet*. New York : Grosset & Dunlop.

<sup>5</sup> Mark Durie (2009), *Islamic Militancy, Opposing Viewpoints*. New York : Greenhaven Press, h. 89.

<sup>6</sup> [http://ms.wikipedia.org/wiki/Kritikan\\_terhadap\\_Islam](http://ms.wikipedia.org/wiki/Kritikan_terhadap_Islam), 2 Jun 2009.

Al-Quran juga dikatakan mengandungi kesilapan saintifik, mempunyai pelbagai ayat yang bertentangan dan penjelasan yang tidak benar. Kitab ini juga dikatakan tidak tulen dan mempunyai pengaruh Majusi dan Yahudi.<sup>7</sup>

Pada tahun 1988, Salman Rushdie telah menimbulkan satu kontroversi yang besar dengan menerbitkan sebuah novel *The Satanic Verses*. Novel ini menyentuh beberapa rangkap al-Quran yang meragukan. Novel ini menimbulkan kontroversi hebat di kalangan umat Islam kerana ramai mengatakan bahawa novel ini mengandungi banyak unsur kekufuran.<sup>8</sup>

Mannā‘ Khalīl al-Qattān mengatakan bahawa antara syubhah yang didakwa terhadap al-Quran ialah ianya bukan wahyu, tetapi daripada peribadi Nabi Muhammad SAW. Baginda SAW yang menciptakan maknanya dan menyusun bentuk gaya dan bahasanya. Nabi SAW juga telah dituduh menerima ilmu-ilmu al-Quran daripada seorang guru.<sup>9</sup>

Tuduhan juga dilemparkan terhadap Rasulullah SAW. Thomas Carlyle mengatakan bahawa beliau tidak mengagumi Nabi SAW sebagai nabi yang diutus oleh Allah SWT untuk menyampaikan risalah ketuhanan, tetapi tertumpu seluruhnya pada peranan. Menurut pendapatnya, kehebatan Nabi SAW dalam reformasi tidaklah melebihi Martin Luther dalam reformasi Kristian Katolik ketika meruntuhkan kekuasaan Tahta Suci (paus).<sup>10</sup>

Nabi SAW juga dituduh mengada-adakan al-Quran. Seterusnya, diberitakan bahawa Baginda SAW menikahi wanita dengan jumlah yang lebih dari yang

---

<sup>7</sup> *Ibid*

<sup>8</sup> Salman Rushdie (1988), *The Satanic Verses*. New York : Pan Books Ltd.

<sup>9</sup> ḨManā‘ al-Qattān, *op.cit.*, h. 36-41.

<sup>10</sup> Thomas Carlyle (1935) *On Heroes, Hero-Worship and the Heroic in History*. London : The Lieterature Network, h. 83.

diperbolehkannya dan masih banyak lagi yang dilontarkan terhadap Baginda SAW.<sup>11</sup>

Jerry Falwell pula, seorang Menteri Baptis dari Amerika Syarikat, menyifatkan Nabi Muhammad SAW sebagai seorang penganas.<sup>12</sup>

Selanjutnya, kontroversi mengenai karikatur Nabi Muhammad SAW pertama dimulai setelah dua belas karikatur Nabi Muhammad SAW diterbitkan di surat khabar *Jyllands-Posterns* pada 30 September 2005 di Denmark. Sebahagian orang Muslim dan non-Muslim menganggap gambar-gambar tersebut adalah penghinaan terhadap Islam dan menunjukkan Islam-fobia di Denmark.<sup>13</sup>

Tuduhan-tuduhan yang dilemparkan terhadap Islam berpunca daripada pihak-pihak yang menolak Islam sebagai agama wahyu daripada Allah SWT serta Nabi SAW sebagai seorang nabi yang diutuskan oleh Allah SWT. Dengan demikian, Darul Arqam hendaklah memberi penekanan dalam isu-isu yang menimbulkan keraguan dan tuduhan terhadap Islam. Darul Arqam beranggapan bahawa isu tentang kenabian Baginda SAW mudah diterima oleh masyarakat. Namun, ini tidak mencukupi jika dibandingkan dengan apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW. Metode mengaplikasikan Islam sebagai agama wahyu daripada Allah dan Nabi SAW adalah sebagai utusan Allah SAW harus diberi perhatian yang mendalam sebelum membincangkan isu-isu yang lain agar sasaran dakwah dapat menerima hakikat bahawa agama yang dibawa oleh Nabi SAW merupakan agama dari Allah SWT dan segala suruhan yang diperintahkan kepada Baginda SAW datang daripada Allah SWT. Ini sesuai dengan firman Allah SWT :

---

<sup>11</sup> . [http://ms.wikipedia.org/wiki/Kritikan\\_terhadap\\_Islam](http://ms.wikipedia.org/wiki/Kritikan_terhadap_Islam), 2 Jun 2009.

<sup>12</sup> *Ibid*

<sup>13</sup> [http://id.wikipedia.org/wiki/Karikatur\\_Nabi\\_Muhammad\\_Jyllands-Posten](http://id.wikipedia.org/wiki/Karikatur_Nabi_Muhammad_Jyllands-Posten), 19 May 2009.

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهُوَيْ، إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْدَهُ يُوحِي

“Dan tiadalah yang diucapkannya itu (*al-Quran*) menurut kemahuan hawa nafsunya. Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya”.

Surah al-Najm (53) : 3-4

Dr. Wahbah al-Zuhailī dalam menafsirkan maksud ayat di atas mengatakan bahawa ucapan Nabi SAW merupakan wahyu daripada Allah SWT kepada Baginda SAW, dan apa yang disampaikan merupakan perintah Allah SWT kepada Baginda SAW dengan langsung tanpa tambahan dan kekurangan.<sup>14</sup>

Peserta dalam kursus permulaan dalam Islam (*Beginners' Course On Islam*) yang dijalankan oleh Darul Arqam hanya didedahkan tentang kerasulan Nabi SAW secara umum, kepentingan dan keutamaan *al-Quran* dan hadis yang menjadi sumber hukum utama dalam agama Islam. Namun, dari sudut risalah Islam yang dibawa oleh Baginda SAW yang merupakan agama wahyu dari Allah SWT, ianya kurang diberi penekanan dalam kursus ini.

Dengan demikian, Darul Arqam harus memberi penekanan yang lebih intensif dalam isu mengaplikasikan agama wahyu dan Nabi SAW sebagai utusan Allah SWT. Ini adalah untuk memberi keyakinan yang mantap kepada sasaran dakwah bahwasanya agama yang dibawa oleh Rasulullah SAW bukanlah rekaan manusia, tetapi ianya datang daripada Allah SWT. Dalam masa yang sama juga, Darul Arqam harus menjawab segala bentuk tuduhan yang timbul pada masa kini terhadap Islam, *al-Quran*, kenabian Nabi SAW dan juga isu-isu yang lain sebagaimana yang telah diterangkan di dalam kajian ini.

---

<sup>14</sup> Dr. Wahbah al-Zuhaylī, *op.cit.*, jil. 27, h. 100

### 4.3 APLIKASI KANDUNGAN

Berlainan dengan masyarakat Nabi SAW yang merupakan golongan yang memuja patung-patung, masyarakat non-Muslim di Singapura pula terdiri daripada berbagai agama. Sebagaimana yang telah dijelaskan, pengikut Buddha di Singapura ialah sebanyak 42.5%, Kristian sebanyak 14.6%, Taoisme sebanyak 8.5%, Hindu sebanyak 4%, agama lain sebanyak 0.6% dan yang tidak beragama sebanyak 14.8%.

Mengikut istilah asal, golongan agama Hindu dan Buddha adalah golongan musyrik kerana tuhan atau tokoh digambarkan melalui patung berhala yang diberikan pemujaan. Mereka memuji patung berhala sebagai simbolik kepada tuhan atau tokoh yang berjasa kepada mereka. Pengikut-pengikut agama Hindu memuja patung berhala yang bermacam-macam sebagai dewa atau jelmaan tuhan.<sup>15</sup>

Menurut pengikut agama Hindu, Tuhan itu Maha Esa tiada duanya. Dalam salah satu ajaran filsafat Hindu, ditegaskan bahawa hanya ada satu kekuatan dan menjadi sumber dari segala yang ada (*Brahman*), yang memanifestasikan dirinya kepada manusia dalam beragam bentuk.<sup>16</sup>

Golongan yang beragama Kristian dan Yahudi pula dikelompokkan sebagai agama Samawi. Istilah asal mereka disebut ahli kitab. Mereka menolak Nabi Muhammad SAW sebagai nabi yang diutuskan untuk seluruh manusia. Golongan Yahudi menganggap Nabi Musa a.s sebagai nabi yang paling hebat.<sup>17</sup>

Golongan Kristian menganggap bahawa Nabi Isa a.s adalah anak tuhan. Mereka percaya kepada wujudnya tuhan yang satu sahaja dalam kehidupan ini,

---

<sup>15</sup> David Gibbons (2007), *Faiths & Religions of the Word, Who Believes in What, Where and When*. London, Worth Press Ltd, h. 118.

<sup>16</sup> [http://id.wikipedia.org/wiki/Agama\\_Hindu](http://id.wikipedia.org/wiki/Agama_Hindu), 27 April 2009.

<sup>17</sup> David Gibbons, *op.cit*, h. 98.

namun ianya wujud dalam golongan yang disayangi (*Community of Love*) dalam tiga makhluk - bapa, anak dan roh suci.<sup>18</sup>

Dengan demikian, perbezaan masyarakat Nabi SAW dan masyarakat Singapura pada masa kini adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian dalam tugas dakwah memandangkan wujudnya perbezaan dalam kepercayaan. Isi kandungan yang hendak disampaikan haruslah diberi perhatian yang khusus untuk menghilangkan kesamaran dan masalah yang dialami oleh sasaran. Kesamaran dan masalah yang hendak diselesaikan terdapat dalam dua perkara : (1) kesamaran dalam asas kepercayaan dan keagamaan, dan (2) kesamaran dan silap faham dalam isu-isu yang berkait dengan Islam.

Nabi SAW telah mengenal pasti bahawa tauhid dari segi mengesakan Allah SWT merupakan isu yang amat penting pada masa itu yang diibaratkan seperti penyakit yang memerlukan ubat dengan segera. Dengan demikian, penekanan yang hampir sama juga dilakukan oleh Darul Arqam dalam program *Beginners' Course On Islam*. Kandungan yang berdasarkan akidah digunakan oleh Darul Arqam untuk sasarannya kerana pembinaan atas tauhid adalah penting bagi mengubah corak kehidupan seseorang, khususnya peserta program *Beginners' Course On Islam*. Dengan demikian, kebanyakan isu-isu yang dikemukakan oleh Darul Arqam melalui buku *Essence of Islam* memberi pendedahan awal tentang masalah tauhid.

Oleh kerana tempoh program *Beginners' Course On Islam* adalah panjang, iaitu selama 10 minggu, maka isu-isu lain juga dikemukakan oleh Darul Arqam sebagaimana yang terdapat dalam buku *Essence of Islam* yang mengandungi topik-topik berikut:

---

<sup>18</sup> Malcom Guite (2006), *What Do Christians Believe*, London, Bookmarque Limited, h. 75.

1. Pengenalan tentang Islam
2. Rukun Iman
3. Rukun Islam
4. Bab Ibadah (termasuk taharah dan solat)
5. Adab Islam
6. Masjid (termasuk bab halal/haram dan cara pemakaian)

Jika dilihat daripada kandungan buku *Essence of Islam*, rukun iman merupakan salah sebuah isu yang dibincangkan dalam buku ini dan diajarkan dalam program *Beginners' Course On Islam*. Menurut Encik Anis, merangkap Ketua Jabatan Dakwah dan Pendidikan di Darul Arqam, Darul Arqam memilih isu-isu yang sesuai diajar kepada orang-orang yang cenderung memeluk Islam dan mereka yang baru memeluk Islam. Oleh kerana program *Beginners' Course On Islam* dijalankan selama 10 minggu, maka para peserta, selain diajar tentang tauhid, mereka juga diajar isu-isu lain yang telah dimuatkan dalam buku *Essence On Islam*. Ini, menurut Encik Anis, telah memberi kesan yang positif kerana peserta dapat mempelajari isu-isu yang lain selain daripada rukun iman dan program ini telahpun berjalan lebih daripada sepuluh tahun.<sup>19</sup>

Menurut Encik Meeranudden, oleh kerana masyarakat Singapura dan khususnya peserta program *Beginners' Course On Islam* merupakan orang-orang yang intelektual dan berpelajaran tinggi, mereka lebih mudah menerima isu akidah yang disampaikan oleh tenaga pengajar di Darul Arqam yang telah dilatih khas dan

---

<sup>19</sup> Anis Madarsa Maricar, *op.cit.* Temubual pada 14 Februari 2009.

mempunyai pengalaman untuk sasaran yang sedemikian. Dengan itu, selain daripada mengambil beberapa minggu untuk mengenalkan para peserta kepada isu akidah, mereka juga akan diajar tentang isu-isu lain yang terdapat di dalam buku *Essence On Islam*.<sup>20</sup>

Seorang peserta yang masih belum memeluk Islam, Puan Francesca Fernandez, mengatakan bahawa kandungan yang dibentangkan dalam program ini telah membolehkan beliau lebih memahami tentang kewujudan Allah SWT dan perkara-perkara ghaib yang lain. Ini menurut beliau, akan memudahkan lagi untuk menerima apa yang diajar kemudiannya seperti solat dan puasa, kerana beliau ingin mendapatkan keyakinan yang mantap sebelum memeluk Islam.<sup>21</sup>

Salah seorang mualaf iaitu Puan Radiah Begum mengatakan bahawa topik-topik yang dipelajari dalam program ini amat berkesan kerana ia mengajar mereka tentang tauhid dahulu sebelum mempelajari rukun-rukun Islam yang lain. Menurut beliau lagi, apabila seseorang telah mengenali Islam, maka ia telah menolak segala bentuk penyembahan dan menyerahkan diri kepada Tuhan yang sebenarnya iaitu Allah SWT.<sup>22</sup>

Menurut seorang guru yang mengajar program ini, persoalan dalam akidah selalu mengundang perbahasan yang menggalakkan daripada para peserta khususnya peserta yang cenderung untuk memeluk Islam. Ini menunjukkan bahawa persoalan akidah merupakan persoalan yang utama yang harus dipelajari untuk seseorang yang ingin mengetahui dan memeluk Islam.<sup>23</sup>

---

<sup>20</sup> Mohamed Meeranudeen Mohd Sidique, *op.cit.* Temubual pada 5 Januari 2009.

<sup>21</sup> Francesca Fernandez, seorang peserta kursus permulaan dalam Islam, Darul Arqam. Temubual pada 9 Januari 2009.

<sup>22</sup> Radiah Begum, *op.cit.* Temubual pada 9 Januari 2009.

<sup>23</sup> Bani Ali, *op.cit.* Temubual pada 8 Januari 2009.

Dari sudut lain pula, ada berbagai isu yang dibangkitkan oleh sebahagian peserta yang mengikuti kursus permulaan dalam Islam ini. Di antaranya ialah:

Seorang peserta dari Jerman mengatakan bahawa pandangan beliau terhadap Islam merupakan pandangan yang negatif, di mana beliau merasakan bahawa Islam bercanggah dengan idea barat ataupun cara hidup orang Barat. Beliau juga menyangka bahawa Islam mempromosi keganasan terhadap negara-negara Barat.<sup>24</sup>

Seorang lagi peserta, Rex yang berbangsa Cina mengatakan bahawa pada awalnya beliau tidak tertarik dengan Islam. Beliau menyangka Islam merupakan sebuah agama yang berbudaya Melayu dan Islam juga menggalakkan pengganasan.<sup>25</sup>

Seorang peserta lagi yang bernama Ivy, mengatakan bahawa undang-undang Islam tentang pakaian wanita dan juga pemakanan amatlah ketat dan tiada ruang kebebasan.<sup>26</sup>

Isu tauhid ternyata bukan merupakan isu yang hanya patut diberi keutamaan dalam kelas-kelas yang dijalankan oleh mereka. Walaupun tidak dinafikan tauhid merupakan isu yang amat penting, tetapi isu-isu yang lain harus juga diberi keutamaan sebagaimana yang telah dibentangkan sebelum ini.

Kesimpulannya, isi kandungan yang dibawa oleh Rasulullah SAW dalam tiga tahun pertama dakwah Baginda SAW ialah tauhid dari sudut mengesakan Allah SWT. Kajian ini mendapat bahawa tauhid yang telah dibentangkan oleh Rasulullah SAW adalah untuk menekankan bahawa antara Allah dan manusia tidak ada pihak

---

<sup>24</sup> Florient, seorang peserta Beginners' Course On Islam, Darul Arqam. Temubual pada 24 Jun 2009.

<sup>25</sup> Rex, seorang peserta Beginners' Course On Islam, Darul Arqam. Temubual pada 24 Jun 2009 .

<sup>26</sup> Ivy, seorang peserta Beginners' Course On Islam, Darul Arqam. Temubual pada 24 Jun 2009.

yang ketiga baik sebagai sekutu, sebagai pembantu mahupun sebagai perantara. Hubungan-hubungan individu mahupun sosial ditegakkan atas prinsip tauhid kepada Allah SWT secara sempurna dan mengakui kekuasaan Allah SWT. Ini diikuti pula dengan pembersihan diri daripada unsur-unsur penyembaan berhala agar mengenal pasti bahawa yang hanya berhak disembah hanyalah Allah SWT dan pengakuan bahawa Allah SWT adalah pencipta segala makhluk yang ada.

Berdasarkan fakta-fakta yang telah dibentangkan, dari segi persamaan, penulis mendapati bahawa kandungan dakwah yang dikemukakan oleh Darul Arqam dari segi tauhid dalam program yang dihadiri oleh golongan yang cenderung memeluk Islam dan juga golongan yang baru memeluk Islam amatlah sesuai dengan kandungan yang ditekankan oleh Rasulullah SAW semasa berdakwah kepada golongan Arab pada tiga tahun pertama dakwah Baginda SAW. Dari sudut yang lain pula, Darul Arqam harus juga menangani isu-isu yang dibentangkan oleh mereka yang masih lagi mempunyai fikiran negatif terhadap Islam di Singapura secara umumnya sebagaimana yang telah didapati dalam temubual.

#### **4.4 APLIKASI PERSEMBAHAN ISI**

Di Darul Arqam, setiap tenaga pengajar telah dilatih bukan sahaja untuk mengenal pasti isi kandungan dakwah yang hendak disampaikan kepada sasaran dakwah, bahkan mereka juga telah dilatih untuk mengemukakan dan menyentuh isu-isu yang sangat diperlukan oleh golongan orang cenderung memeluk Islam dan yang baru memeluk Islam. Mereka sedar bahawa jika persembahan isi dakwah tidak sesuai

dengan keadaan sasaran, maka peserta tidak akan tertarik dan sukar menerima ajaran Islam.<sup>27</sup>

Sebagaimana yang telah diterangkan, Nabi SAW menggunakan beberapa uslub khas semasa Baginda SAW memulakan tugas dakwah pada peringkat permulaan. Di antara uslub yang digunakan oleh Nabi SAW ialah *tarhib* dan *targhib*, berlemah-lembut, memberi contoh dalam apa yang dibicarakan dan juga melakukan dakwah dengan hikmah.

Metode *inzār* yang dilakukan pada masa permulaan Baginda SAW sesuai dilakukan pada masa itu. Ini adalah kerana kedudukan Rasulullah SAW sebagai ketua keluarga membolehkan Baginda SAW melaksanakan metode tersebut di mana dakwah dalam tiga tahun pertama ini dimulakan dalam rumah Nabi SAW.

Selanjutnya, selain daripada ahli keluarga Nabi SAW itu sendiri, Baginda SAW juga telah memulakan dakwah kepada golongan yang terdekat dan golongan yang mempunyai ikatan yang kukuh dengan Baginda SAW. Golongan yang sedemikian merupakan golongan yang tidak akan menolak apa yang disampaikan oleh Baginda SAW. Dengan demikian, metode *inzār* dapat dilaksanakan oleh Nabi SAW terhadap golongan yang disebut ini.

Dari sudut yang diaplikasi pula, sebahagian besar uslub yang digunakan oleh Nabi SAW dapat diaplikasikan di Darul Arqam semasa membimbang peserta yang mengambil program *Beginners' Course On Islam*. Masyarakat Singapura sekarang hidup dalam era kemodenan dan berpendidikan tinggi. Mereka suka membuat

---

<sup>27</sup> Muhd Mubarak Habib Mohd, *op.cit.* Temubual pada 2 Februari 2009

perbandingan sama ada dari apa yang mereka membaca atau melihat mengenai isu-isu semasa di samping menghabiskan banyak masa mengejar kemajuan globalisasi.<sup>28</sup>

Walaupun sebahagian besar uslub yang digunakan oleh Nabi SAW semasa berdakwah pada tiga tahun pertama boleh diaplikasikan di Singapura. Namun, uslub seperti uslub *tarhīb* dan *inzār*, tidak akan memberi kesan sekiranya ia merupakan *tarhīb* dan *inzār* semata-mata, tanpa diberitahu sebab atau atau hikmah disebalik *tarhīb* dan *inzār* itu.

Masyarakat sekarang tidak suka dipaksa dan dibebankan dengan sesuatu, apatah lagi ditakut-takutkan ketika hati mereka baru hendak mengenali dan berjinak-jinak dengan Islam. Mereka akan menjauhkan diri dari menghadiri kelas-kelas sekiranya pengajar menggunakan uslub *tarhīb* dan *inzār* semata-mata. Mereka lebih selesa ditunjukkan dengan cara *targhib* dan dalam bentuk pujukan.<sup>29</sup>

Namun, metode *tarhīb* dan *inzār* sebenarnya merupakan metode yang boleh diaplikasikan khususnya di Darul Arqam. Ini adalah kerana Nabi SAW menggunakan metode tersebut di kalangan ahli keluarga Baginda SAW dan juga kepada golongan yang terdekat dengan Baginda SAW. Ini menunjukkan bahawa metode sedemikian boleh digunakan kepada golongan yang serupa setelah membina ikatan perhubungan dan kepercayaan dikalangan sasaran dakwah.

Menurut salah seorang tenaga pengajar di Darul Arqam, kursus *Beginners' Course On Islam* yang dijalankan selama 10 minggu memang tidak dapat menggunakan pendekatan metode *tarhīb* dan *inzār* pada beberapa minggu awal program kerana beliau masih belum kenal dengan peserta yang mengikuti program

---

<sup>28</sup> Anis Madarsa Maricar, *op.cit.* Temubual pada 14 Februari 2009.

<sup>29</sup> Bani Ali, *op.cit.* Temubual pada 8 Jun 2009.

berikut. Namun, setelah beberapa minggu, beliau mendapat bahawa metode *tarhib* dan *inzār* boleh diaplikasikan semasa menyampaikan pengajaran. Ini dapat dilakukan setelah menjalinkan perhubungan di antara beliau dan juga para peserta program.

Seorang guru yang telah mengajar lebih daripada 20 tahun, Ustaz Hanapi Kassim mengatakan bahawa toleransi merupakan asas utama apabila mengajar golongan yang cenderung atau baru memeluk Islam. Toleransi dalam aspek ini dilakukan dalam dua bentuk, iaitu tasamuh dan *tadarruj* yang keduanya ini diaplikasikan mengikut sasaran yang didakwah. Ini adalah kerana sasaran pada masa kini merupakan orang-orang yang hidup dalam dunia yang moden dan sering mengaitkan logik dalam pertanyaan mereka. Kesimpulannya, beliau banyak menggunakan uslub yang lembut atau *soft approach* apabila berhadapan dengan sasarannya.<sup>30</sup>

Penulis pada satu masa dahulu merasakan bahawa uslub yang digunakan untuk mengajar di Darul Arqam merupakan uslub yang tidak berkesan dan tidak dapat membuat pendedahan yang berkesan. Namun, dari pengalaman penulis yang telah mengajar selama lebih empat tahun di Darul Arqam menunjukkan bahawa uslub yang digunakan selama ini membawa hasil yang baik memandangkan keadaan masyarakat Singapura pada masa sekarang.

Salah seorang guru yang telah lama mengajar program *Beginners' Course On Islam* iaitu Ustaz Syed Isa Bin Alkaff mengatakan bahawa walaupun setiap peserta telah diberikan buku *Essence On Islam*, guru tidak boleh hanya mengajar tanpa menggunakan uslub khas. Antara uslub yang digunakan oleh Ustaz Syed Isa

---

<sup>30</sup> Hanapi Kassim, pengajar, Darul Arqam. Temubual pada 28 Januari 2009.

Bin Alkaff ialah uslub perbandingan antara Islam dan agama lain. Ini memberi ruang bagi peserta untuk membuat perbandingan dengan kepercayaan yang mereka anuti selama ini dan dengan agama Islam yang mereka ingin memeluk, atau sekadar untuk memahami lebih mendalam. Ustaz Syed Isa juga banyak merujuk kepada kitab-kitab dakwah seperti *Usūl al-Da’wah* oleh ‘Abd al-Karīm Zāydān dan *al-Da’wah*, *Qawāid wa Usūl* oleh Jum’ah Amin ‘Abd al-‘Azīz dalam mengendalikan kelas beliau.<sup>31</sup>

Seorang lagi tenaga pengajar, Encik Bani Mohamad bin Ali, selalunya akan memulakan pengajian beliau dengan menerangkan beberapa adab dan akhlak penuntut ilmu. Beliau banyak merujuk kepada kitab *Iḥyā ‘Ulūm ad-Dīn* oleh Imam al Ghazālī dalam bab ini. Beliau juga akan menekankan kepentingan akidah sebelum memasuki bab-bab yang lain dan beliau sentiasa mengemukakan isu-isu agar pelajar memikirkan secara logik dan mengaitkan isu-isu tersebut dengan keadaan sekarang. Ini dilakukan kerana ramai pelajar merupakan golongan yang berpelajaran tinggi dan suka mengemukakan isu-isu secara logik dan qiyas. Namun Encik Bani sedar bahawa agama Islam ini bukan hanya berlandaskan logik semata-mata.<sup>32</sup>

Seorang mualaf mengatakan bahawa secara kesuluruhannya, cara penyampaian guru yang membimbing adalah bagus, lebih-lebih dalam isu akidah kerana pelajar telah diajak untuk memikirkan tentang matlamat kehidupan khususnya yang berkaitan dengan pegangan dan kepercayaan. Namun beliau mengatakan bahawa ada beberapa isu seperti qadak dan qadar tidak diterangkan

---

<sup>31</sup> Syed Isa Alkaff, pengajar, Darul Arqam. Temubual pada 20 Januari 2009.

<sup>32</sup> Bani Mohamad Ali, *op.cit.* Temubual pada 21 Januari 2009.

begitu mendalam. Ini mungkin kesuntukan masa ataupun guru yang mengajar tidak mahu menyentuh secara mendalam bab itu.<sup>33</sup>

#### **4.5 APLIKASI MEDIA**

Sebagaimana yang telah dibentangkan dalam bab kedua, media yang digunakan Rasulullah SAW pada peringkat permulaan dakwah lebih banyak kepada lisan melalui pertemuan harian yang berlangsung secara rutin di rumah Ibn Abī al-Arqām. Selain daripada media lisan dan tulisan, Rasulullah SAW juga menggunakan syair dan khutbah kerana masyarakat Arab pada zaman itu masyhur dengan syair.

Sebagaimana Nabi SAW bertemu sasaran dakwah Baginda SAW di rumah al-Arqām khususnya, ceramah-ceramah juga merupakan salah satu media dakwah yang dilakukan oleh Darul Arqam. Berikut adalah program dakwah yang dianjurkan oleh Darul Arqam :

(a) Ceramah-ceramah Umum (*Public Talks*)

6 hingga 8 ceramah umum ini diadakan di tempat-tempat umum yang boleh dihadiri sekitar 600 orang. Tujuannya untuk membawa mesej Islam kepada masyarakat umum terutama non-Muslim. Topik yang dipilih untuk ceramah umum ini disesuaikan dengan isu-isu semasa agar dapat menarik Muslim dan non-Muslim. Penceramah yang dijemput bukan sahaja merupakan mereka yang terkenal dari luar negara, tetapi kebanyakannya mereka merupakan mualaf.<sup>34</sup>

---

<sup>33</sup> Muhamad Abdullah Abdullah, seorang mualaf. Temubual pada 21 Januari 2009.

<sup>34</sup> The Muslim Converts' Association of Singapore (Darul Arqam) Annual Report 2007, h. 18.

(b) Ceramah-ceramah di Darul Arqam (*In-House Talks*)

Ceramah khas pula diadakan di auditorium Darul Arqam sebulan sekali untuk saudara baru dan ahlinya. Biasanya ceramah ini akan membincangkan isu-isu kontemporari yang menarik minat masyarakat Islam umumnya. Ceramah khas ini biasanya dihadiri sekitar 150 hingga 300 orang.<sup>35</sup>

(c) Ceramah Ramadan (*Ramadan Short Talks*)

Sepanjang bulan Ramadan, jabatan ini juga mengadakan ceramah-ceramah ringkas setiap hujung minggu sebelum berbuka puasa. Ceramah-ceramah ini bertujuan memberi penerangan kepada mereka yang baru memeluk Islam agar memahami ibadah puasa dan berkat bulan Ramadan.<sup>36</sup>

Menurut Encik Junaidi bin Ali, sebanyak empat ceramah telah diadakan pada tahun ini dan setiap ceramah telah dihadiri oleh sekitar 200 peserta.<sup>37</sup>

(d) Sesi Mengenali Islam (*Knowing Islam*)

Program 2½ jam ini diadakan setiap Ahad secara percuma. Program ini memberi peluang bagi peserta untuk mengetahui perkara-perkara yang asas tentang Islam.<sup>38</sup>

Di Darul Arqam juga, media melalui penerbitan juga merupakan wasilah yang berkesan sebagaimana yang diterangkan oleh Anis s/o Madarsa Maricar, merangkap Ketua Jabatan Dakwah dan Pendidikan, Darul Arqam. Beliau menerangkan bahawa penerbitan mereka sering mendapat maklum balas yang

---

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> *Ibid.*, h. 19.

<sup>37</sup> Junaidi Ali, *op.cit.* Temubual pada 13 Oktober 2008.

<sup>38</sup> Anis Madarsa Maricar, *op.cit.* Temubual pada 5 Ogos 2008.

positif, baik dari kalangan peserta yang mengikut kursus yang dianjurkan oleh mereka dan juga organisasi-organisasi luar. Ada pula peserta yang meminta lebih dari senaskah kerana ingin dikongsi di luar.<sup>39</sup>

Setiap peserta yang mengikut program *Beginners' Course On Islam* akan diberi buku *Essence of Islam*. Buku ini merupakan buku asas yang digunakan dalam program ini. Buku ini asalnya merupakan himpunan ceramah-ceramah yang telah diadakan pada tahun 70-an. Pada tahun-tahun berikutnya, Darul Arqam telah memperkembangkan buku ini agar ianya menjadi buku asas untuk program *Beginners' Course On Islam*. Buku ini juga dijadikan bahan rujukan peribadi bagi sesiapa yang ingin mengetahui perkara-perkara yang asas tentang Islam. Buku ini diberikan percuma kepada peserta program dan sesiapa yang berminat.<sup>40</sup>

Dengan penerbitan majalah yang mudah difahami juga oleh sasaran dakwah, wasilah sedemikian menjadi bahan yang praktikal bukan sahaja untuk golongan yang cenderung memeluk Islam dan juga yang baru memeluk Islam, bahkan bagi mereka yang ingin mengetahui tentang Islam secara umum.

Darul Arqam telah menerbitkan banyak majalah-majalah dan buku-buku secara percuma memandangkan masyarakat Singapura kebanyakannya boleh membaca. Daripada statistik, 95.7% rakyat Singapura boleh membaca dan 85% dari mereka mendapatkan pendidikan yang rasmi sekurang-kurangnya di peringkat menengah dan tinggi.<sup>41</sup> Dengan demikian, dakwah dalam bentuk penulisan merupakan salah satu wasilah yang dilakukan oleh Darul Arqam untuk program dakwah mereka. Di antara media dakwah Darul Arqam ialah :

---

<sup>39</sup> *Ibid.* Temubual pada 30 Jun 2009.

<sup>40</sup> Anis Madarsa Maricar, *op.cit.* Temubual pada 15 Ogos 2008.

<sup>41</sup> <http://www.singstat.gov.sg/stats/keyind.html#litedu>, 19 Januari 2009.

**i) Penerbitan**

**a) Majalah**

Majalah *The Muslim Reader* merupakan majalah utama yang diterbitkan oleh Darul Arqam dan diedarkan kepada ahlinya serta masyarakat umum. Selain daripada majalah *The Muslim Reader*, Darul Arqam juga menerbitkan majalah *Teens' Crossroads* yang dikhaskan untuk remaja. Ia membincangkan isu-isu yang dihadapi oleh remaja pada masa kini.<sup>42</sup>

**b) Buku-buku**

Di antara wasilah yang digunakan oleh Darul Arqam dalam program dakwahnya ialah penerbitan buku-buku secara percuma. Di antara buku-buku tersebut ialah :

1. *Islamic Worldwide*
2. *The Splendours of Islam*
3. *Jamal Badawi's Monotheism*
4. *Jamal Badawi's Prophethood*
5. *Jamal Badawi's Muslim Belief*
6. *What Every Christian Should Know About Islam*

---

<sup>42</sup> The Muslim Converts' Association of Singapore (Darul Arqam) Annual Report 2007, *op.cit.*, h. 31.

Pada tahun 2007, sebanyak 5972 penerbitan percuma ini telah diberikan kepada orang ramai termasuk pelajar-pelajar universiti.<sup>43</sup>

**c) Iklan dalam Akhbar dan Majalah**

Untuk memperkenalkan aktiviti-aktiviti dakwah Darul Arqam dengan lebih luas lagi, Darul Arqam meletakkan iklan-iklan di dalam akhbar tempatan mengenai ceramah-ceramah yang diadakan dan juga melalui majalah *Time Out* yang mempunyai sirkulasi sebanyak 40,000 naskhah.<sup>44</sup>

**ii) Sepanduk**

Sepanduk juga merupakan antara wasilah dakwah yang digunakan untuk memberitahu masyarakat Singapura tentang aktiviti yang dijalankan oleh Darul Arqam. Selain diletakkan sepanduk ini di luar bangunan Darul Arqam itu sendiri, ia juga diletakkan juga di lima masjid yang terletak di merata Singapura.<sup>45</sup>

Media dakwah melaui penggunaan sepanduk tidak digunakan oleh Nabi SAW pada masa Baginda SAW kerana ianya dilakukan secara rahsia.<sup>46</sup> Dengan demikian penggunaan sepanduk merupakan sesuatu yang tidak dilaksanakan pada masa itu. Sebaliknya, kerajaan Singapura tidak menghalang rakyatnya mengamalkan kepercayaan agama masing-masing selagi ianya tidak menyalahi peraturan-peraturan yang ditetapkan<sup>47</sup>. Walaupun sepanduk yang digunakan oleh Darul Arqam bukan digunakan untuk mempromosi agama, ianya digunakan untuk memberitahu masyarakat Singapura tentang aktiviti yang dijalankan oleh Darul Arqam.

---

<sup>43</sup> *Ibid.*

<sup>44</sup> The Muslim Converts' Association of Singapore (Darul Arqam) Annual Report 2007, *op.cit.*, h. 36

<sup>45</sup> Mohamed Meeranuddin Mohd Sidique, *op.cit.* Temubual pada 21 September 2008.

<sup>46</sup> Ustaz Johari Yaman (2005), *Mengenal Rasulullah SAW*, c. 2. Kuala Lumpur: Penerbitan Nadi Minda, h. 89-90.

<sup>47</sup> *The Constitution of the Republic of Singapore*, *op.cit.*, (1965), Part IV, Fundamental Liberties, (15) Freedom of Religion, Section 15(1).

### **iii) Wasilah Elektronik**

Darul Arqam telah menggunakan teknologi moden sebagai salah satu wasilah dakwah. Ini termasuk menyediakan lelaman web, khidmat pesanan ringkas (sms), dan televisyen. Media sedemikian digunakan untuk menyebarkan ceramah-ceramah, kursus-kursus, acara-acara khas dan lain-lain lagi kepada ahli Darul Arqam dan masyarakat umum yang telah mendaftar untuk menggunakan khidmat-khidmat tersebut.<sup>48</sup>

### **iv) Kegiatan Luar**

Darul Arqam juga telah menganjurkan beberapa acara yang melibatkan penganut-penganut agama lain agar dapat bertukar pendapat dan berinteraksi dengan mereka. Di antara acara-acara yang dianjurkan ialah Sukan Antara Agama (*Interfaith Games*), Golf Amal (*Charity Golf*) dan Karnival Famili Satu Dunia (*One World Family Carnival*). Dalam acara yang sedemikian, tetamu kehormat yang dijemput merupakan seorang non-Muslim. Kegiatan-kegiatan sedemikian dijalankan untuk mempromosi interaksi sosial dengan masyarakat umum.<sup>49</sup>

Di antara media yang digunakan oleh Darul Arqam dalam program dakwahnya ialah melawati rumah penyembahan agama lain. Menurut Encik Muhd Mubarak Habib Mohd, pihak Darul Arqam mengadakan lawatan ke tempat penyembahan agama-agama lain untuk bertukar pendapat dalam isu-isu agama. Pihak-pihak daripada tempat-tempat yang dilawati amat memberikan kerjasama mereka semasa lawatan seperti diadakan.<sup>50</sup>

---

<sup>48</sup> Junaidi Ali, *op.cit.* Temubual pada 13 Oktober 2008.

<sup>49</sup> The Muslim Converts' Association of Singapore (Darul Arqam) Annual Report 2007, *op.cit.*, h. 34.

<sup>50</sup> Muhd Mubarak Habib Mohd, *op.cit.* Temubual pada 24 Ogos 2008.

Kesimpulannya, wasilah yang digunakan oleh Nabi SAW pada permulaan dakwah Baginda SAW memang sesuai untuk diaplikasikan kepada masyarakat Singapura sekarang. Al-Quran menjadi rujukan yang tidak dapat dipisahkan dalam metode dakwah dari zaman dahulu hingga sekarang. Pertemuan yang sering diadakan melalui berbagai acara ceramah juga memainkan peranan yang penting dalam metode dakwah ini. Dalam masa yang sama dan dengan kemajuan zaman dalam era kemodenan dan globalisasi ini, media dakwah telah menjadi semakin canggih dan media-media tersebut telah digunakan juga oleh Darul Arqam sekarang demi memenuhi tuntutan dan kehendak sasaran dakwah agar tugas dakwah dapat dijalankan dengan berkesan.

#### **4.6 APLIKASI STRATEGI**

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab kedua, Rasulullah SAW telah memulakan dakwah Baginda SAW secara rahsia agar tidak mengejutkan penduduk Mekah dengan perkara yang boleh membangkitkan kemarahan mereka. Dengan demikian, Rasulullah SAW hanya menyeru orang-orang yang dipercayai sahaja. Ini merangkumi keluarga dan juga golongan yang ada tanda-tanda akan menerima Islam dan yang berpontensi dalam dakwah. Perjumpaan inividu juga sering dilakukan dalam peringkat permulaan ini dan rumah Ibni Abī al-Arqām telah dipilih untuk menjalankan aktiviti ini kerana kedudukan rumah beliau yang strategik.

Berlainan dengan metode Nabi SAW yang berdakwah secara sembunyi pada tiga tahun pertama, Darul Arqam tidak perlu menjalankan aktiviti dakwah mereka secara rahsia kerana persatuan ini telah mendaftar dengan Pendaftaran Persatuan sebagai badan dakwah dan badan yang bertanggungjawab untuk orang bukan Islam memeluk Islam di Singapura.

Encik Anis s/o Madarsa Maricar, merangkap Ketua Jabatan Dakwah dan Pendidikan, di Darul Arqam mengatakan, demi untuk mengembangkan usaha dakwah mereka, persatuan ini sering mengadakan ceramah umum di luar Darul Arqam dan juga ceramah yang diadakan di dalam persatuan itu sendiri. Sesi mengenali Islam (*Knowing Islam Session*) merupakan antara strategi untuk menarik golongan yang bukan Islam bagi mengenali Islam. Program 2½ jam ini diadakan setiap Ahad secara percuma. Program ini memberi peluang bagi peserta untuk mengetahui perkara-perkara yang asas tentang Islam. Ia juga memberi maklumat kepada peserta tentang program-program yang diadakan di Darul Arqam dan prosedur pengislaman.<sup>51</sup>

Antara usaha Darul Arqam juga ialah menambahkan ahlinya. Pada akhir Disember 2008, jumlah ahli mereka adalah sebanyak 2036. Di antara keistimewaan menjadi ahli ialah mereka akan mendapat majalah *The Muslim Reader* sebanyak 3 kali setahun secara percuma dan juga diskaun apabila membeli buku di Darul Arqam. Mereka juga akan diberi keutamaan apabila membuat pendaftaran untuk acara yang dianjurkan oleh Darul Arqam dan juga kelas-kelas agama yang lain.<sup>52</sup>

Kesimpulannya, apa yang diterangkan di atas tidak menunjukkan erti strategi yang sebenar dalam penulisan ini. Sebaliknya, Darul Arqam hanya menjalankan aktiviti-aktiviti yang telahpun dilakarkan dalam program dakwah dan pendidikan persatuan ini. Perkara ini diakui sendiri oleh Encik Anis s/o Madarsa Maricar.

Berdasarkan daripada fakta-fakta yang telah diterangkan dalam bab ini, dapat disimpulkan bahawa metode yang dilakukan oleh Nabi SAW boleh diaplikasikan di Singapura pada masa ini, khususnya di Darul Arqam. Namun, Darul Arqam kurang

---

<sup>51</sup> Anis Madarsa Maricar, *op.cit.* Temubual pada 5 Ogos 2008.

<sup>52</sup> The Muslim Converts' Association of Singapore (Darul Arqam) Annual Report '08, *op.cit.*, h. 7.

memberi penekanan dari sudut risalah Islam yang dibawa oleh Baginda SAW yang merupakan agama wahyu dari Allah SWT. Dengan demikian, Darul Arqam harus memberi lebih penekanan dalam isu mengaplikasikan agama wahyu dan Nabi SAW sebagai utusan Allah SWT. Ini adalah untuk memberi keyakinan yang mantap kepada sasaran dakwah bahawa agama Islam merupakan agama daripada Allah SWT. Dalam masa yang sama juga, Darul Arqam harus bersedia menjawab segala bentuk tuduhan yang timbul pada masa kini terhadap Islam, al-Quran, kenabian Nabi SAW dan jug isu-isu yang lain pada masa ini.

Dari sudut aplikasi kandungan pula, kajian ini mendapati bahawa kandungan dakwah yang diajarkan oleh Darul Arqam dalam program *Beginners' Course On Islam* dari segi tauhid sesuai dengan kandungan yang ditekankan oleh Rasulullah SAW. Dalam masa yang sama, Darul Arqam harus juga menangani isu-isu yang dibentangkan oleh mereka yang masih lagi mempunyai fikiran negatif terhadap Islam di Singapura secara umumnya.

Dari sudut aplikasi uslub pula, metode yang dilakukan oleh Nabi SAW seperti berlemah-lembut, memberi contoh dalam apa yang dibicarakan dan juga melakukan dakwah dengan hikmah sesuai untuk diaplikasikan pada masa sekarang. Metode *tarhīb* dan *inzār* khususnya merupakan metode yang boleh digunakan kepada sasaran di Darul Arqam setelah membina ikatan kepercayaan di antara tenaga pengajar dan peserta kursus. Ini dilakukan pada pertengahan kursus dan bukan pada minggu-minggu awal program *Beginners' Course On Islam*. Pengajar program *Beginners' Course On Islam* juga harus mempersiapkan diri mereka dengan isu-isu globalisasi sekarang. Masyarakat sekarang selalu mengaitkan isu-isu yang berlaku sekarang seperti pembunuhan dan kekejaman dengan agama Islam dan

tenaga pengajar sekarang harus menjawab isu-isu yang ditimbulkan dengan menggunakan uslub yang sesuai serta menggunakan nas-nas yang konkret.

Dari sudut aplikasi media pula, wasilah yang digunakan oleh Nabi SAW sesuai untuk digunakan untuk masyarakat Singapura. Dengan kemajuan ekonomi dan kemodenan globalisasi ini, media dakwah telah menjadi semakin canggih dan media-media tersebut telah digunakan juga oleh Darul Arqam sekarang demi memenuhi tuntutan dan kehendak sasaran dakwah agar tugas dakwah dapat dijalankan dengan berkesan.

Dari sudut aplikasi strategi pula, Darul Arqam tidak mempunyai strategi sebagaimana yang telah dilakukan oleh Nabi SAW. Dengan demikian, Darul Arqam harus memikirkan dan melakarkan strategi yang efektif agar dakwah yang hendak disampaikan kepada sasaran akan memberikan kesan yang lebih positif dan membawa hasil di Singapura.

## **BAB LIMA**

### **PENUTUP**

#### **5.1 KESIMPULAN**

Berdasarkan daripada perbincangan sebelum ini, berikut adalah kesimpulan yang dapat dibuat dan dilakarkan di bawah ini.

##### **5.1.1 Institusi Terlibat Dengan Dakwah Non-Muslim**

Darul Arqam (*The Muslim Converts Association of Singapore*) merupakan institusi yang tunggal yang terlibat dengan dakwah non-Muslim di Singapura. Selain daripada menjalankan program-program dakwah dan pendidikan, institusi ini juga menguruskan proses pengislaman dan memberi bantuan yang diperlukan kepada golongan yang baru memeluk Islam.

Program dakwah dan pendidikan yang dianjurkan oleh Darul Arqam telah memberi kesan yang positif kepada mereka yang mengikutinya dari golongan non-Muslim, golongan yang cenderung untuk memeluk Islam, dan juga mereka yang baru memeluk Islam. Keterangan-keterangan yang diperolehi melalui soalselidik juga menunjukkan bahawa program yang dilalui oleh golongan yang baru memeluk Islam telah memberi kesan yang positif kepada mereka dari segi ilmu dan juga amalan sehari-hari.

##### **5.1.2 Aplikasi Metode Dakwah Rasulullah SAW Di Singapura**

Dari segi kandungan dakwah, isu yang dikemukakan oleh Darul Arqam dari sudut tauhid dalam program yang dihadiri oleh golongan yang cenderung memeluk Islam dan juga golongan yang baru memeluk Islam sesuai dengan kandungan yang

ditekankan oleh Rasulullah SAW semasa berdakwah kepada golongan Arab dalam tiga tahun pertama dakwah Baginda SAW. Sebagaimana yang telah dibincangkan, isi kandungan yang dibawa oleh Rasulullah SAW ialah tauhid dari sudut mengesakan Allah SWT. Baginda SAW menekankan bahawa antara Allah SWT dan manusia tidak ada pihak yang ketiga baik sebagai sekutu, sebagai pembantu maupun sebagai perantara. Selain daripada isu tauhid, peserta dalam *Beginners' Course On Islam* juga diajar isu-isu lain yang telah dimuatkan dalam buku *Essence On Islam*. Darul Arqam juga membincangkan isu-isu yang dibentangkan oleh mereka yang masih lagi mempunyai fikiran negatif terhadap Islam secara umum.

Dari segi uslub pula, uslub yang digunakan oleh Nabi SAW semasa berdakwah dalam tiga tahun pertama sesuai untuk diaplikasikan di Singapura. Nabi SAW hanya menggunakan uslub yang tertentu kerana dakwah pada masa itu dijalankan secara rahsia. Di antara uslub yang digunakan oleh Nabi SAW ialah *tarhīb* dan *targhīb*, berlemah-lembut, memberi contoh dalam apa yang dibicarakan dan juga melakukan dakwah dengan hikmah. Namun, uslub seperti *tarhīb* dan *inzār*, tidak akan memberi kesan sekiranya ia merupakan *tarhīb* dan *inzār* semata-mata, tanpa diberitahu sebab atau atau hikmah disebalik *tarhīb* dan *inzār* itu. Ini diakui oleh beberapa tenaga pengajar setelah beberapa minggu pengajian dan juga setelah mereka mengenali para peserta dengan lebih dekat lagi.

Toleransi juga merupakan antara asas penting semasa mengajar golongan yang cenderung atau baru memeluk Islam. Toleransi, dalam aspek ini, dilakukan dalam dua bentuk, iaitu tasamuh dan *tadarruj* dan keduanya ini diaplikasikan mengikut sasaran yang didakwahi. Penggunaan uslub yang lembut atau *soft approach* juga merupakan antara metode yang menunjukkan kesan yang positif.

Dari segi media pula, media yang digunakan oleh Nabi SAW pada permulaan dakwah Baginda SAW memang sesuai diaplikasikan terhadap masyarakat Singapura sekarang. Media yang digunakan Rasulullah SAW pada peringkat permulaan dakwah lebih banyak kepada lisan dalam pertemuan harian yang berlangsung secara rutin di rumah Ibn Abī al-Arqām. Selain daripada media lisan dan tulisan, Rasulullah SAW juga menggunakan syair dan khutbah kerana masyarakat Arab pada zaman itu masyhur dengan syair. Al-Quran yang ditinggalkan oleh Nabi SAW menjadi rujukan yang tidak dapat dipisahkan dalam metode dakwah dari zaman dahulu hingga sekarang.

Dalam masa yang sama dan dengan kemajuan zaman dalam era kemodenan ini, media dakwah telah menjadi semakin canggih dan media-media tersebut telah digunakan juga oleh Darul Arqam untuk masyarakat Singapura sekarang demi memenuhi tuntutan dan kehendak sasaran dakwah agar tugas dakwah dapat dijalankan dengan berkesan.

### **5.1.3 Keberkesanan Program Dakwah Dan Pendidikan Darul Arqam**

Program dakwah dan pendidikan yang dianjurkan oleh Darul Arqam telah memberi kesan yang positif pada mereka yang mengikutinya dari golongan non-Muslim, golongan yang cenderung untuk memeluk Islam dan juga mereka yang baru memeluk Islam. Ini berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang diperolehi melalui soal selidik, staf dari Jabatan Dakwah dan Pendidikan Darul Arqam dan juga peserta-peserta yang menghadiri program-program yang dijalankan.. Di antara maklum balas yang diberikan oleh responden non-Muslim ialah mereka mendapat berbagai maklumat ketika membuat perbandingan antara agama yang mereka anuti dan agama Islam. Seterusnya, kelas-kelas yang dijalankan, khususnya kelas

permulaan dalam Islam (*Beginners Course On Islam*) dan tutorial solat (*solat tutorial*) mudah difahami dan menarik. Ramai juga responden mengatakan bahawa sekarang mereka mempunyai matlamat hidup setelah memeluk Islam.

## 5.2 SARANAN

Setelah membuat kesimpulan berdasarkan penyelidikan yang telah dilakukan, penulis akan memberikan beberapa saranan dan cadangan ke arah memperhebatkan lagi seruan dakwah terhadap golongan non-Muslim. Adalah diharapkan cadangan dan saranan yang dikemukakan, dapat memberikan panduan kepada para pembaca amnya dan para pendakwah khususnya di medan dakwah kepada non-Muslim.

### 5.2.1 Saranan Kepada Institusi Darul Arqam

Darul Arqam yang menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah kepada golongan yang bukan Islam harus memberi pendedahan kepada pendakwah-pendakwah yang baru untuk berganding bahu bersama pendakwah-pendakwah yang ada sekarang ini, bahkan mengantikan mereka pada satu masa nanti. Mereka disarankan agar memberi ruang untuk pengambilan tenaga pengajar yang baru yang mempunyai kepakaran berbahasa Inggeris. Ini akan mengelakkan daripada masalah kekurangan pendakwah yang membawa kepada pengajaran oleh pendakwah yang sama sahaja untuk program-program yang dianjurkan. Mereka juga harus memberi latihan yang lebih kepada tenaga pengajar yang ada sekarang.

Darul Arqam juga boleh mempelbagaikan lagi program dakwah yang dilaksanakan sekarang ini sesuai dengan era kemodenan dan kehendak masyarakat pada masa sekarang. Darul Arqam tidak seharusnya berpuas hati dengan program-

program yang ada sekarang kerana ia pasti akan membuat sasaran bosan dengan pendekatan yang sama oleh setiap kali program yang sama dijalankan.

Selanjutnya, Darul Arqam juga harus melakarkan strategi yang lebih berkesan dan lebih aktif untuk lagi menjayakan program dakwahnya. Mereka seharusnya mengambil peluang daripada polisi Negara Singapura yang bersistemkan sekular yang tidak menghalang rakyatnya mengamalkan kepercayaan agama masing-masing selagi ianya tidak menyalahi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Setakat ini, apa yang dilakukan oleh Darul Arqam hanyalah menjalankan program dakwah mereka sebagaimana yang telah dilakarkan dalam program tahunan institusi dakwah ini. Ini tidak menunjukkan strategi yang sebenarnya sebagaimana yang telah ditakrifkan dalam bab yang sebelum ini.

### **5.2.2 Saranan Kepada Pendakwah**

Pendakwah disarankan agar bersedia untuk menambah ilmu yang lain selain ilmu agama seperti ilmu psikologi, budaya hidup, ilmu komunikasi serta isu-isu semasa yang lain untuk memudahkan penyampaian dakwah mereka. Pengetahuan yang ada akan memudahkan pendakwah memahami keperluan dan kehendak mereka. Penulis mencadangkan kepada pendakwah-pendakwah agar terus mempergiatkan usaha seruan dakwah kepada objek dakwah mereka sama ada yang telah, atau sedang akan dilaksanakan. Sifat-sifat asas yang perlu ada pada diri pendakwah hendaklah dikekalkan dan diwarisi daripada peribadi Rasulullah SAW seperti benar, amanah, tabligh, bijaksana, tidak pemarah dan mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas.

Bahasa Inggeris merupakan bahasa perantaraan yang penting dalam penyampaian dakwah kepada golongan non-Muslim. Oleh itu, pendakwah disarankan agar mampu menguasai bahasa Inggeris yang akan membantu dalam usaha penyampaian dakwah mereka. Walaupun bahasa Inggeris merupakan bahasa rasmi di Singapura, tetapi para tenaga pengajar masih belum fasih berbahasa Inggeris. Ini disebabkan ramai asatizah di Singapura mempunyai kelulusan madrasah sepenuh masa dan bukan daripada sekolah sekular. Oleh itu, pendakwah sendiri yang harus mengambil inisiatif dan usaha untuk mempelajarinya. Bahkan pada masa sekarang, terdapat banyak kursus untuk mempelajari bahasa Inggeris untuk berbagai-bagai peringkat yang dikelolakan oleh berbagai institusi bahasa yang terkenal. Pendakwah seharusnya memanfaatkan peluang yang ada ini.

### **5.2.3 Saranan Dalam Kandungan Dakwah**

Penulis mencadangkan agar kandungan dakwah yang hendak disampaikan mestilah mudah difahami, mempunyai hubungan dengan program atau kursus yang diambil, tidak mempunyai unsur provokasi, meraikan idea dan tahap pengetahuan mereka serta yang paling penting ialah membuktikan kepada mereka bahawa Islam adalah agama yang mudah, praktikal dan sederhana. Selain itu, perkara-perkara yang mengelirukan, syubhah, samar-samar kepada pengetahuan sasaran dakwah hendaklah dihindarkan bagi memastikan kelancaran seruan dakwah.

Kandungan yang berasaskan akidah harus ditekankan terlebih dahulu sebelum isu cabang yang lain. Sebagaimana Rasulullah SAW menekankan isu akidah dari sudut mengesakan Allah SWT, para pendakwah seharusnya melaksanakan yang sedemikian. Setelah itu, barulah perkara-perkara cabang yang lain boleh diajarkan.

## BIBLIOGRAFI

### BUKU

Al-Quran al-Karim

‘Abd Allāh Nāsih ‘Ulwān (1985), *Kayf Yad‘ū al-Dā‘īyah*. Riyadh: Dār al-Salām.

‘Abd al-Salīm Mukrim (1988), *Pemikiran Islam Antara Akal Dan Wahyu*. Anwar Wahdi Hasi (terj.), Jakarta : Mediyatama Sarana Perkasa.

‘Azīz, Jum‘ah Amin ‘Abd al- (1989), *al-Da‘wah, Qawā‘id wa Usūl*, c. 2. Iskandariyyah: Dār al-Da‘wah.

Ab. Aziz Mohd Zin (2003), *Pengantar Dakwah Islamiah*, c. 3. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

\_\_\_\_\_ (2005), *Metodologi Dakwah*, c. 3. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

\_\_\_\_\_ et al. (2006), *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Penerbit Universiti Malaya.

Abd Halim Hj Mat Diah (1981), *Satu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Abū al-Majd al-Sayyid Nawfal (1997), *al-Da‘wah Ilā Allāh Ta‘āla Khasāisuhā, Muqawwamatuhā, Manāhijuhā*.

Ahmad Shalabī (Prof Dr) (1975), *Sejarah Dan Kebudayaan Islam*, Jil 1. Prof Muchtar Jahja (terj.), c. 2. Singapura : Pustaka Nasional.

Ahmad Sunawari Long (2006), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam*, c. 2. Selangor Darul Ehsan: UKM.

Aḥmad, Mahdī Rizq Allāh (Dr) (1996), *al-Sīrah al-Nabawīyyah*, Riyadh : Dār al-Salām

Ali Mustafa Yuqub (1997), *Sejarah Dan Metode Dakwah Nabi*. Jakarta: Pustaka Firdaus.

Alūrī, Ādam ‘Abd Allāh al- (1988), *Tārīkh al-Da‘wah Ilā Allāh Bayn al-Ams wa al-Yaum*. Kaherah: Maktabah al-Wahbah.

Asmah Haji Omar (2002), *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*, c. 2. Selangor Darul Ehsan.

Azhar Harun & Nawawi Abdullah (2004), *Metodologi Penyelidikan Ekonomi Dan Sains Sosial*. Singapura: Thomson.

- Bukhārī, Muḥammad b. Ismā‘il Abū ‘Abd Allāh al- (2000), *Sahīh al-Bukhārī*, “Kitab Faḍā'il al-Qur’ān bāb Ta'līf al-Qur’ān”, no. hadis 4993, Riyadh: Dār al-Salām.
- Būṭī, Muḥammad Sa‘id Ramaḍān al- (Dr) (1994), *Fiqh al-Sīrah*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Cultures Of The Word, Singapore* (1990), Singapura: Times Editions Pte Ltd.
- Danial Zainal Abidin (Dr.)(2007), *Bukti-Bukti Sains Dan Sejarah Kerasulan Muhammad*, c. 2. Selangor : PTS Millennia Sdn Bhd.
- David Gibbons (2007), *Faiths & Religions of the Word, Who Believes in What, Where and When*. London, Worth Press Ltd.
- Ghazālī, Muḥammad al- (2005), *Fiqh al-Sīrah*, c. 3. Kaherah: Dār al-Shurūq.
- H. Zainal Arifin Abbas (1969), *Sejarah Dan Perjuangan Nabi Muhammad*. Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara.
- H.M.H. al-Hamid al-Husaini (2006), *Riwayat Hidup Nabi Besar Muhammad SAW*, c. XI. Bandung: Pustaka Hidayah.
- Halīm Muhyuddīn ‘Abd (Dr.), (1980), *al-I'lām al-Islāmī wa Tahqīqatuhu al-'Amalīyyah*, Mesir: al-Khanājī.
- Hamka (Prof. Dr.) (1988), *Tafsīr Al-Azhar*. Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Ibn al-Athīr, al-Jazārī Abū al-Sādat al-Mubārak bin Muḥammad (1986), *al-Kamil fī al-Tarīkh*, jil. 3. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Kathīr, ‘Imād al-Dīn Ismā‘il Ibn (1997), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, jil. 4. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_, (2009), *Penyelidikan Ilmiah : Amalan Dalam Pengajian Islam*, Selangor : Kamil & Shakir Sdn. Bhd., h. 76.
- Imam Barnadib (1982), *Arti Method Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FBI-IKIP.
- Koenjaraningrat (1979), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: PT Gramedia.
- Leo Suryadinata (2002), *Ethnic Chinese in Singapore and Malaysia : A Dialogue Between Tradition and Modernity*. Singapura : Times Academic Press.
- M. Quraish Shihab (Dr.)(1994), *Membumikan Al-Quran*, c. 6. Bandung : Penerbit Mizan.

M. Rajantheran (1997), *Kepercayaan Orang India*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mahayudin Hj. Yahaya (1993), *Sirah Nabi Muhammad SAW (Zaman Mekah)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

\_\_\_\_\_ & Ahmad Jelani Halimi (1996), *Sejarah Islam*, c. 5. Selangor Darul Ehsan: Penerbit Fajar Bakti.

\_\_\_\_\_ (1993), *Sirah Nabi Muhammad SAW*. Selangor Darul Ehsan: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmūd, ‘Alī ‘Abd al-Halīm (Dr.) (2002), *Fiqh Da‘wah Ilā Allah*. M Thoha Anwar (terj.) Jakarta : Studia Press.

Malcom Guite (2006), *What Do Christians Believe*, London, Bookmarque Limited.

Mannā‘ al-Qaṭān (1998), *Mabāhis fī ‘Ulūm al-Qurān*, c. 35. Beirut: Muassasah al-Risālah.

Marohaini Yusuff (2001), “Pengutipan dan Pengumpulan Data Perlakuan dan Proses Menulis Karangan dalam Bilik Darjah”, dalam Marohaini (ed) (2001), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.

Mohd Taib Osman (1983), “Unsur-unsur Islam Popular dalam Kepercayaan Orang Melayu”, dalam *Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia*, (ed Mohd Taib Osman & Wan Kadir Wan Yusuff). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Amin Abdul Rahim (2001), *Panduan Pendakwah Secara Praktikal*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Mohd Mokhtar Shafii (1988), *Sebelum Dan Sesudah Wahyu*. Kuala Lumpur : Penerbitan ELMAN.

Mohd Mokhtar Shafii (1998), *Sebelum Dan Sesudah Wahyu*, c. 2. Kuala Lumpur: Penerbitan ELMAN.

Mohd Sheefie Abu Bakar (1991), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-Bidang Berkaitan*. c. 2, Selangor Darul Ehsan: UKM.

Mubārakfūri, Safīyu al-Raḥmān al- (1976), *al-Rahiq al-Makhtūm*. Beirut: Dār al-Thaqāfiyah.

Muhammad Amahzun (Prof Dr.) (2002), *Manhaj Nabi fī Da‘wah min Khilāl al-Sīrah al-Ṣāḥīḥah: al-Ma‘rifah, al-Tarbiyyah, al-Thakhrith, al-Tanzīh*. Anis Maftukhin, Nandang Burhanuddin Lc (terj.). Jakarta : Qisthi Press.

Muhammad Ibn Ishāq (2002), *Sirah Ibn Ishaq: Buku Tertua Tentang Sejarah Nabi Muhammad*. Dewi Candraningrum (terj.) Surakarta: Muhammadiyah University Press.

Muhammad Kamil Abdul al-Samad (2003), *Mukjizat Ilmiah Dalam Al-Quran*. Alimin, Lc M. Ag – Ghaneim Ihsan, Lc (terj.). c. 5. Jakarta: Akbar Media Eka Sarana.

Muṣṭafā al-Sibā’ī (Dr) (t.t.), *al-Sīrah al-Nabawīyyah Durūs wa ‘Ibār*. Beirut: al-Maktabah al-Islāmi.

N.M. Idaikkadar (1979), *Latar Belakang Kebudayaan Hindu*, c.4. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nadwī, Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Husnī al- (2001), *al-Sirah al-Nabawīyyah*, c. 12. Beirut: Dār Ibn Kathīr al-Thāniyah.

Noresah Bt Baharom *et al.* (ed.) (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Richard Bell (1998), *Bell's Introduction to the Quran*. Lilian D. Tedjasudhana (terj.), Jakarta : Seri INIS.

Richard Suskino (1972), *The Sword of the Prophet*. New York : Grosset & Dunlop

Sa‘īd bin ‘Alī bin Wahaf al-Qahtānī (2000), *al-Hikmah Fi al-Da‘wah ’Ilā Allāh Ta ‘āla*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahad al-Waṭaniyyah.

Sa‘īd Hawa (1986), *al-Rasūl*. Beirut: Dār al-Salām.

Salman Rushdie (1988), *The Satanic Verses*. New York : Pan Books Ltd.

Saw Swee-Hock, (2007), *The Population Of Singapore*, c. 2. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.

Shawkānī, Muḥammad Ibn ‘Alī Ibn Muḥammad al- (1996), *Fath al-Qadīr*. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah.

Syed Mahadzir Syed Ibrahim (2007), *Adat Resam Masyarakat Cina*, Selangor : Cooray’s House of Publications Sdn Bhd.

Thomas Carlyle (1935) *On Heroes, Hero-Worship and the Heroic in History*. London : The Lieterature Network

Upaddhayaya, Ved Prakash (Dr) (1998), *Muhammad in the Vedas and the Puranas*, Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.

Winarno Surachmad (1970), *Dasar dan Teknik Research Pengantar Metodologi Ilmiah*, c. 5. Bandung, Penerbit C.V. Tarsito.

Zaydān, ‘Abd al-Karīm (Dr) (1968), *Usūl al-Da‘wah*. Baghdad: Dār al-Nādhīr.

Zuhaylī, Wahbah al- (Dr.)(1991), *al-Tafsīr al-Munīr Fi al-‘Aqīdah al-Syar‘iyyah al-Manhaj*, j. 14. Beirut: Dār al-Fikr.

## **JURNAL**

Ab. Aziz bin Mohd Zin (Prof. Madya Dr.) (1996), “Sasaran Dakwah Pada Masa Nabi SAW: Kajian Khusus Tentang Keadaan Kemasyarakatan Orang Arab Jahiliah”, *Jurnal Usuluddin*, Bil 4, Mei 1996, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.

Abdul Munir Haji Ismail (1989), “Melaksanakan Tugas Yang Mulia”. *Dakwah Jalan Hidup Sejahtera*, Kuala Lumpur : Penerbitan YADIM, Bil 148, Julai 1989.

*Journey Through Singapore* (2003), National Library Board (Singapore), Singapura: Times Media Private Limited.

Wan Hussien Azmi (Prof. Madya Dr.) (1989), “Pelaksanaan Metodologi Dakwah”, *Dakwah Jalan Hidup Sejahtera*. Kuala Lumpur: Penerbitan YADIM, bil 148, Julai 1989.

Winston S. Churchill (1899), *The River War*. London : Longmans Green & Co.

## **LAPORAN**

Berita Harian, Singapura.

Singapore Census of Population 2000, Department of Statistics, Table 39.

*Singapore Yearbook 2007* (2007), Ministry of Information, Communications and the Arts.

*The Constitution of the Republic of Singapore* (1965), Part IV, Fundamental Liberties, (15) Freedom of Religion, Section 15(1).

---

(1965), Section 2(1)(d),  
Constitution (Amendment) Act 1965 (No. 8 of 1965) and the Republic of  
Singapore Independence Act 1965 (No. 9 of 1965).

The Muslim Converts’ Association of Singapore (Darul Arqam) Annual Report 2007.

---

Annual Report 2008.

## **INTERNET**

[http://en.wikipedia.org/wiki/Malays\\_in\\_Singapore](http://en.wikipedia.org/wiki/Malays_in_Singapore), 15 April 2008.

[http://id.wikipedia.org/wiki/Agama\\_Hindu](http://id.wikipedia.org/wiki/Agama_Hindu), 27 April 2009.

[http://id.wikipedia.org/wiki/Karikatur\\_Nabi\\_Muhammad\\_Jyllands-Posten](http://id.wikipedia.org/wiki/Karikatur_Nabi_Muhammad_Jyllands-Posten), 19 May 2009

[http://ms.wikipedia.org/wiki/Gerakan\\_liberalisme\\_dalam-Islam](http://ms.wikipedia.org/wiki/Gerakan_liberalisme_dalam-Islam), 19 May 2009.

<http://ms.wikipedia.org/wiki/Singapura>, 19 November 2008.

[http://ms.wikipedia.org/wiki/Kritikan\\_terhadap\\_Islam](http://ms.wikipedia.org/wiki/Kritikan_terhadap_Islam), 2 Jun 2009.

[http://ms.wikipedia.org/wiki/The\\_Satanic\\_Verse](http://ms.wikipedia.org/wiki/The_Satanic_Verse), 10 November 2009.

<http://www.darul-arkam.org.sg>, 23 September 2008.

[http://www.darularqam.org.sg/dqv2/web/cms/detailed\\_subpage.asp?fsub=1&topic=EDUCATION](http://www.darularqam.org.sg/dqv2/web/cms/detailed_subpage.asp?fsub=1&topic=EDUCATION), 22 September 2008.

<http://www.pbs.org/wgbh/pages/frontline/shows/religion/story/gospels.html>.

<http://www.rsi.sg/malay/pusaka/view/20080227095530/1.html>, 23 Jun 2008.

<http://www.singstat.gov.sg/stats/keyind.html#litedu>, 19 Januari 2009.

## **SENARAI PIHAK YANG DI TEMUBUAL**

Temubual dengan Encik Anis s/o Madarsa Maricar, merangkap Ketua Jabatan Dakwah dan Pendidikan, Darul Arqam. Temubual di Darul Arqam pada 5 Ogos 2008.

Temubual dengan Encik Bani Mohamad bin Ali, pengajar, Darul Arqam. Temubual di Darul Arqam pada 21 Januari 2009.

Temubual dengan Encik Fauzy Yeo Abdullah, seorang mualaf, pada 5 November 2008.

Temubual dengan Encik Florient, seorang peserta kursus permulaan dalam Islam, Darul Arqam. Temubual di Darul Arqam pada 24 Jun 2009.

Temubual dengan Encik Francesca Fernandez, seorang peserta kursus permulaan dalam Islam, Darul Arqam. Temubual di Darul Arqam pada 9 Januari 2009.

Temubual dengan Encik Hanapi Kassim, pengajar, Darul Arqam. Temubual di Darul Arqam pada 28 Januari 2009.

Temubual dengan Encik Ivy, seorang peserta kursus permulaan dalam Islam, Darul Arqam. Temubual di Darul Arqam pada 24 Jun 2009.

Temubual dengan Encik Junaidi bin Ali, Pegawai Senior, Jabatan Dakwah dan Pendidikan Darul Arqam pada 13 Oktober 2008 .

Temubual dengan Encik Junaidi bin Ali, Pegawai Senior, Jabatan Dakwah dan Pendidikan, Darul Arqam. Temubual di Darul Arqam pada 13 Oktober 2008.

Temubual dengan Encik Mohamed Meeranudden s/o Mohd Sidiq, Penolong Ketua, Jabatan Dakwah dan Pendidikan Darul Arqam pada 21 September 2008 dan 5 Januari 2009.

Temubual dengan Encik Muhamad Abdullah bin Abdullah, seorang mualaf.  
Temubual di Darul Arqam pada 21 Januari 2009.

Temubual dengan Encik Muhd Mubarak bin Habib Mohd, Timbalan Presiden,  
Jabatan Dakwah dan Pendidikan Darul Arqam pada 24 Ogos 2008 dan 2  
Februari 2009.

Temubual dengan Encik Rex, seorang peserta kursus permulaan dalam Islam, Darul  
Arqam. Temubual di Darul Arqam pada 24 Jun 2009 .

Temubual dengan Encik Syed Isa Bin Alkaff, pengajar, Darul Arqam. Temubual di  
Darul Arqam pada 20 Januari 2009.

Temubual dengan Encik Yasin Chang, seorang mualaf, pada 20 Oktober 2008.

Temubual dengan Puan Radhiah Begum bte Abdullah, seorang mualaf, pada 14  
Oktober 2008 dan 9 Januari 2009.

Temubual dengan Puan Siti Aishah Abdullah, seorang mualaf, pada 23 September  
2008

## **LAMPIRAN**